

PENDAHULUAN

i. PENGENALAN

Hadis Rasulullah s.a.w merupakan sumber kedua syariat Islam, baginda s.a.w menyeru para sahabat menyampaikan apa yang diterima dari baginda dengan amanah dan sebaik-baik penyampaian. Perihal ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam sebuah hadis:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ " : بَلَّغُوا عَنِّي وَلَوْ آتَيْتُهُ وَحَدْدُثُوا عَنِّي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدًا مِنَ النَّارِ . " ¹

Maksudnya: Daripada `Abd Allah bin `Amrū, Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: “Sampaikanlah dariku walaupun hanya satu ayat (daripada al-Quran). Ceritakanlah tentang Bani Israil kerana demikian itu tidak berdosa. Barang siapa sengaja berdusta tentang aku, maka tempatnya adalah di neraka”.

Baginda s.aw juga meminta setiap umat Islam agar Islam menyampaikan agama ini kepada segenap lapisan masyarakat dan ia merupakan tanggungjawab bagi yang mengetahui untuk menyampaikannya kepada yang tidak mengetahui sebagaimana sabda baginda s.a.w:

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "... أَلَا لِيَتَلَقَّعَ الشَّاهِدُ مِنْكُمْ الْغَائِبُ... " ²

¹ Muhammad bin Ismā`īl al-Bukhārī (2003), *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*, Muhibb al-Dīn al-Khaṭīb (ed), Kitāb al-`Ilm, Bāb li Yuballigh al-`Ilm al-Shāhid al-Ghāib, Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah, j.1, h. 54, no. hadis 104

² Muhammad bin `Isā al-Tirmidhī (1996), *al-Jāmi` al-Kabīr*, Basshār `Awwād Ma`rūf (ed), Kitāb al-`Ilm, Bāb Mā Jā`a fī al-Ḥath `alā Tablígh al-Simā` , Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, j.4, h. 402, no. hadis 2669

Maksudnya: "...Hendaklah orang yang hadir (iaitu orang yang mendengar hadis) menyampaikan kepada orang yang tidak hadir..."

Bahkan baginda s.a.w mendoakan kegembiraan dan kecerian kepada sesiapa yang menyampaikan hadis-hadis Rasulullah s.a.w dengan sabdanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "نَصَرَ اللَّهُ أَمْرَءًا سَمِعَ مَا حَدَّيْتَأْفَحَفَظَهُ حَتَّى يُلْعَنَهُ غَيْرُهُ ، فَرَبِّكَ حَامِلٌ فِيقَهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ ، وَرَبِّ حَامِلٍ فِيقَهٍ لَيْسَ بِفَقِيهٍ".³

Maksudnya: Rasulullah saw bersabda: "Semoga Allah SWT memperindahkan wajah seseorang (lantaran dikurniakan ilmu dan pengetahuan di dunia serta nikmat di akhirat) yang mendengar hadis daripada kami, maka dijaga lalu disampaikan kepada orang lain. Kemungkinan seseorang membawa ilmu kepada orang yang lebih pandai daripadanya, dan mungkin juga seseorang yang membawa ilmu tetapi dia sendiri bukanlah orang yang memahami"

Generasi sahabat sangat memelihara hadis, mereka menghafaz di dada-dada bahkan ada di antara mereka yang menulis hadis kemudian menyampaikan pula kepada generasi seterusnya. Mereka berusaha menjaga hadis-hadis Rasulullah s.a.w bagi memastikan ianya sampai kepada generasi hari ini dengan tepat dan berautoriti sebagaimana para sahabat menerimanya dari Rasulullah s.a.w. Kemudian muncul pula para ulama yang mengarang karya-karya berkaitan bidang hadis agar sumber kedua ini dapat dipelihara dan difahami dengan sesempurna mungkin. Fenomena ini berterusan hingga ke hari ini dan apa yang berlaku itu tidak hanya tertumpu di tempat turunnya

³ Muhammad bin `Isā al-Tirmidī (1996), *op. cit.*, Kitāb al-`Ilm, Bāb Mā Jā`a fī al-Hadīth `an Bani Isrā`il, j.4, h. 393, no. hadis 2656

wahyu dan di sekitarnya sahaja bahkan turut dirasai di tempat-tempat lain termasuklah di benua kecil India.

Benua kecil India mempunyai ramai ulama hadis atau *muḥaddithīn* yang banyak berusaha menyampaikan hadis serta mempunyai pelbagai karya di dalam ilmu *shārh hadīth*, *`ulūm al-hadīth*, *al-jarh wa al-ta`dīl* dan lain-lain. Mereka memberikan sumbangan yang besar kepada penyebaran sunnah Rasulullah s.aw dengan karya-karya yang dihasilkan, begitu juga dengan kewujudan pusat-pusat pengajian hadis di sana maka lahirlah para ulama di dalam arena ini sejak kedatangan Islam ke benua kecil India sehingga kini.

Di antara tokoh-tokoh hadis dari benua kecil India yang turut menyinari perkembangan ilmu hadis ialah Abū al-Ḥasanāt `Abd al-Ḥayy bin `Abd al-Ḥalīm al-Laknawī⁴ dan Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī.⁵ Imām al-Laknawī dilahirkan di Bandhan, satu wilayah di Lucknow, Uttar Pradesh, India merupakan seorang tokoh ilmuan Islam dan pengarang kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*.

Manakala Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī pula merupakan seorang tokoh ilmuwan benua kecil India yang muncul tidak lama selepas kematian Imām al-Laknawī.⁶ Beliau terkenal dengan kitabnya *Qawā` id fī `Ulūm al-Hadīth* yang merupakan *muqaddimah* kepada kitab *I`lā` al-Sunan*.⁷ Kajian yang bakal dijalankan

⁴ Selepas ini disebut sebagai Imām al-Laknawī.

⁵ Selepas ini disebut sebagai Shaykh al-Tahānawī.

⁶ Shaykh al-Tahānawī dilahirkan pada 1286H/1847M iaitu enam tahun selepas kematian Imām al-Laknawī.

⁷ *I`lā` al-Sunan* merupakan kitab *aḥādīth al-aḥkām* yang disusun mengikut bab-bab *fiqh*. Lihat Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1418H/1997M), *I`lā` al-Sunan*, Muḥammad Taqīyy `Uthmānī (ed), Pakistan: Idārah al-Qurān wa al-`Ulūm al-Islāmiyyah, j.1, h. 28-30, Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-

oleh penulis nanti adalah berkaitan dengan latar belakang kedua-dua tokoh ini dan sumbangan mereka di dalam ilmu hadis. Walaubagaimanapun tumpuan utama kajian adalah berkaitan perbandingan metode penulisan kedua-dua tokoh ini di dalam karya mereka iaitu *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā`id fī `Ulūm al-Hadīth*.

ii. Latar Belakang Masalah Kajian

Masyarakat umum dan golongan pelajar di tanah air lebih mengenali ulama berbangsa Arab dan Melayu. Penulisan-penulisan sebelum ini lebih tertumpu kepada ulama dari Timur Tengah dan Nusantara⁸. Manakala ketokohan dan sumbangan ulama benua kecil India kurang mendapat perhatian. Sedangkan setelah kemerosotan aktiviti keilmuan di Baghdad dan Mesir, benua kecil India mengambil peranan yang besar terhadap penyebaran dan perkembangan ilmu hadis sehingga ke hari ini.⁹

Di dalam kitab-kitab *Tarājim al-Rijāl* juga sedikit sekali biografi para ulama benua kecil India diketengahkan. Ini disebabkan kesukaran untuk mendapatkan maklumat berkaitan biografi ulama India kerana benua kecil India berada jauh dari Tanah Arab. Antara sebab lain ialah kebanyakan kitab Sejarah dan *Tarājim al-Rijāl* bagi ulama benua kecil India adalah di dalam Bahasa Parsi. Bahasa Parsi yang tidak dikuasai

Tahānawī (1984), *Qawā`id fī `Ulūm al-Hadīth*, Beirut: Maktab al-Maṭbū`at al-Islāmiyyah, h. 11, Ahmad Husayn Isma`īl Husayn (2011), *Manhaj Talāmīdīh Ḥakīm al-Ummah al-Shaykh Ashraf Alī al-Tahānawī fī al-Tafsīr*, Jordan: Dār al-Faṭḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, h. 24

⁸ Contohnya kajian-kajian bidang hadis di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya lebih banyak menumpukan kepada tokoh sarjana Arab dalam bidang hadis dari Timur Tengah dan tokoh sarjana di Nusantara. Untuk maklumat lebih lanjut berkaitan dengan ketokohan dan sumbangan sarjana-sarjana Arab dan Nusantara dalam bidang hadis terutamanya dari sudut karya-karya penulisan merka sila lihat Faisal Ahmad Shah dan rakan-rakan (2010), *Pengajian Hadith Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 256-276

⁹ Muhammad Abū al-Zahw (1984), *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Arabiyy, h.439.

oleh pengarang berbangsa Arab menjadi penghalang kepada mereka untuk menterjemahkan biografi para ulama benua kecil India.¹⁰

Sebagai contoh, al-Ḥāfiẓ ibn Ḥajar di dalam *al-Durar al-Kāminah*, al-Sakhāwi di dalam *al-Dau` al-Lāmi`*, al-Shawkāni di dalam *al-Badr al-Tāli`*, al-Haḍramī di dalam *al-Nūr al-Safīr* dan al-Murādi di dalam *Salk al-Durar* hanya menterjemahkan sebilangan kecil para ulama India. Bilangan itu pula terhad kepada mereka yang berhijrah ke negara Arab dan tinggal di Hijaz serta yang menetap lama di sana.

Al-Sakhāwī di dalam kitabnya *al-Dau` al-Lāmi`* yang mengandungai 11611 biografi hanya menterjemahkan 38 sahaja ulama dari benua kecil India. Al-Shawkānī di dalam *al-Badr al-Tāli`* hanya menterjemah 7 sahaja daripada 595. Begitu juga al-Muhibbi hanya menterjemah 14 orang sahaja ulama benua kecil India. Sedangkan `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī di dalam *al-I'lām bi man fī Tārikh al-Hind min al-A'lām* telah menterjemahkan 4500 para ulama dari benua kecil India.

Sumbangan ulama benua keci India India di dalam bidang hadis memang tidak dinafikan. Perkara ini diperakui oleh Shaykh Muḥammad Rashīd Rīḍā¹¹ di dalam pendahuluan kitab *Miftāḥ Kunūz al-Sunnah* : “ Jika tidak kerana perhatian saudara-saudara kita para ulama India terhadap ilmu hadis pada zaman ini, nescaya ilmu itu hilang di Timur, sesungguhnya perkembangan ilmu hadis itu telah merosot di Mesir,

¹⁰ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *al-I'lām bi man fī Tārikh al-Hind min al-A'lām al-Musammā Nuzhah al-Khawāṭir wa Bahjah al-Masāni` wa al-Nawāzir*, Beirut: Dār Ibn Hazm, j.1, h.14

¹¹ Beliau ialah Muḥammad Rashīd bin `Alī bin Muḥammad Shams al-Dīn bin Muḥammad Bahā` al-Dīn bin Munlā `Alī Khalīfah al-Qalmūnī. Beliau dilahirkan pada 27 Jamadil Awwal tahun 1865 H./1282 M. di Qalmūn, Lubnan. Merupakan seorang tokoh pembaharuan Islam dan pengarang majalah *al-Manār*. Selain seorang penulis beliau juga merupakan ulama di dalam ilmu hadis, *Adab*, *Tafsir* dan *Sejarah*. Beliau meninggal pada 1935 M. (Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *al-A'lām*, Beirut: Dār al-'Ilm al-Malāyīn, j. 6, h. 126, Ibrāhīm Alḥmad al-`Ādawī, Dr (t.t), *Rashīd Rīḍā al-Imām al-Mujāhid*, Mesir: al-Mu`assasah al-Miṣriyyah al-`Āmmah, h. 19)

Shām, Iraq dan Hijaz sejak kurun ke sepuluh, sehingga menjadi terlalu lemah di awal-awal kurun ke empat belas ini”.¹²

¹² Lihat pendahuluan Shaykh Muḥammad Rašīd Riḍā di dalam *Miftāh Kunūz al-Sunnah* oleh Arent Jean Wensinck (1978), terj. Muḥammad Fu`ād `Abd al-Bāqī, Lahore: Maṭba`ah Ma`arif, h. ۱۹۷۸.

iii. Permasalahan Kajian

Kajian ini diharap dapat menjelas dan merungkai beberapa permasalahan yang wujud berteraduk kajian berakar penerjemah-penerjemah ulama sumbangan ulama benua kecil India kepada bidang hadis lebih-lebih lagi selepas zaman kemerosotan ilmu ini pada kurun. ~~Bagaimanakah~~ Kajian ringankan yang dilakukan oleh Imām al-Tahānawī dan Shaykh al-Tahānawī sebagai seorang tokoh ilmuan yang banyak memberikan jasa kepada perkembangan ilmu hadis di benua kecil India dan siapakah tokoh-tokoh terawal yang memainkan peranan dalam bidang ini?

Untuk mencapai tujuan ini, penulis akan menyentuh mengenai sejarah kemasukannya ke dalam perkembangan ilmu hadis. Selanjutnya, penulis akan menyentuh biografi Imām al-Laknawī khususnya usaha-usaha beliau di dalam pengembangan metode penulisan hadis. Selanjutnya, penulis akan menyentuh biografi Shaykh al-Tahānawī dan ulama Ḥāfiẓah al-Kāfiyyah sentiasanya dilanjutkan dengan gambaran perbedaan istilah persatuan hadis yang dilakukan oleh para ahli hadis dalam penulisan kepada kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Seterusnya tumpuan akan diberikan kepada metode penulisan yang diaplikasi oleh Imām al-Laknawī di dalam kajian hadis berasaskan hadis. Selanjutnya, penulis akan menyentuh pengaruh metode penulisan hadis oleh Shaykh al-Tahānawī di dalam karya mereka al-*Ajwibah al-Fāḍilah Lil As’ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan pengenalan kepada kitab *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth*. Selanjutnya kajian akan mengemukakan pula perbandingan antara metode Shaykh al-Tahānawī dan Imām al-Laknawī di dalam kedua-dua karya ini. Penulisan akan diakhiri dengan saranan dan cadangan hasil daripada kajian yang dilakukan.

iv. Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penulis menggarapkan beberapa objektif supaya kajian yang akan dilakukan nanti berjalan lancar dan tidak tersasar dari objektif yang diharapkan, objektif kajian penulis ialah:

- a. Mengenal pasti cara agama Islam sampai ke benua kecil India.
- b. Meneliti sejarah kemunculan dan perkembangan ilmu hadis di benua kecil India sebelum zaman Imām al-Laknawī.
- c. Menilai latar belakang tokoh hadis al-Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī dan Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī serta menjelaskan sumbangannya di dalam bidang hadis.
- d. Menganalisis secara perbandingan metode penulisan al-Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī dan Shaykh Zafar al-`Uthmānī al-Tahānawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth*

v. Kepentingan Kajian

Dunia Islam memiliki ramai ulama hadis yang berbeza bangsa dan bahasa serta tinggal berlainan tempat dan masa. Setiap dari mereka mempunyai kelebihan, keistimewaan dan sumbangan tersendiri. Kajian terhadap metode penulisan Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan

Shaykh al-Tahānawī di dalam *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth* mempunyai kepentingan yang tersendiri. Ini dapat dilihat dari beberapa sudut seperti:

- i. Kajian ini akan melihat sejarah perkembangan ilmu hadis di India dan jasa ulama-ulama benua kecil India kepada bidang ini. Sumbangan mereka memberikan impak yang besar terhadap perkembangan ilmu hadis khususnya selepas kurun ke sepuluh. Kajian diharapkan akan mengisi kekosongan terhadap kajian-kajian sebelum ini yang banyak menumpukan kepada ulama berbangsa Arab.
 - ii. Kajian ini bakal memperkenalkan Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī yang telah banyak menyumbangkan jasa dalam ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu hadis. Ketokohan mereka perlu ditonjolkan melalui kajian terhadap riwayat hidup dan karya-karya mereka.
 - iii. Kajian ini akan memperlihatkan perbezaan dan persamaan di dalam metode yang diaplikasi kedua-dua pengarang di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As'īlah al-'Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth*.
- vi. Skop Kajian**

Kajian utama ditumpukan kepada biografi Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī serta perbandingan metode penulisan mereka di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As'īlah al-'Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth*. Di samping itu kajian turut menyentuh secara ringkas perkembangan hadis khususnya pada zaman

sebelum Imām al-Laknawī yang menjadi pemangkin kepada kegemilangan ilmu hadis di benua kecil India hingga ke hari ini.

vii. Huraian Istilah

Pemahaman tajuk adalah amat penting dalam membahaskan sesuatu kajian ilmiah. Hal ini dapat mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan pembaca dalam menterjemahkan skop kajian yang ingin dibahaskan oleh pengkaji. Justeru, untuk mengemukakan hal ini dengan jelas, maka penulis telah mengambil inisiatif untuk menjelaskan maksud beberapa kosa kata yang dianggap penting untuk memberikan gambaran awal terhadap kajian ini. Tajuk kajian ini ialah “Metode Penulisan `Abd al-Hayy al-Laknawī Di Dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*: Kajian Perbandingan Dengan *Qawā'id fi 'Ulūm al-Hadīh* Oleh Shaykh Zafar Ahmad al-`Uthmānī al-Tahānawī.

Metode: Metode bererti cara melakukan sesuatu dan sistem.¹³

Penulisan: Penulisan bermaksud perihal atau kegiatan menulis atau mengarang.¹⁴

`Abd al-Hayy al-Laknawī : Nama penuh beliau ialah Abū al-Hasanāt `Abd al-Hayy bin `Abd al-Ḥalīm bin Amin Allah bin Muḥammad Akbar bin Abī al-Rahīm bin Muḥammad Ya`qūb bin `Abd al-`Azīz bin Muḥammad Sa`īd bin al-Shaykh al-Shahīd Quṭb al-Dīn al-Anṣārī al-Sihālawī al-Laknawī.¹⁵ Terkenal dengan panggilan Imām al-

¹³ Noresah bt. Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, edisi .4, h. 1030

¹⁴ *Ibid.*, h. 1729

¹⁵ `Abd al-Hayy bin Fakhr al-Dīn al-Hasanī (1999), *op.cit.*, j. 8, h. 1268; `Abd al-Hayy bin `Abd al-Kabīr al-Kattānī (1982), *Fihris al-Fahāris wa al-Athbāt*, Ihsān `Abbās (ed), Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiy, h. 728; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *al-A'lām*, Beirut: Dār al-`Ilm al-Malāyīn, j. 6, h 187; Muḥammad bin Ja`far al-Kattānī (t.t.), *al-Risālah al-Mustaṭrafah li Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Musharrrafah*, Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, h. 115

Laknawi yang dinisbahkan kepada Lucknow iaitu tempat kelahirannya. Beliau dilahirkan di Lucknow, Uttar Pradesh, India pada hari Selasa 26 Zulkaedah 1264 Hijrah (1848M).¹⁶ Gelarannya Abū al-Ḥasanāt.¹⁷ Beliau meninggal dunia pada 30 Rabiul Awal 1304H bersamaan 1887M.¹⁸

al-Ajwibah al-Fāḍlah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah: Merupakan sebuah kitab karangan Imām al-Laknawi. Di dalamnya terkumpul sepuluh soalan dan jawapan-jawapan yang berkaitan dengan ilmu *uṣūl al-hadīth*. Soalan-soalan itu diajukan oleh seorang ulama yang sezaman dengannya iaitu al-`Allāmah al-Jalīl al-Ustādh Muḥammad Ḥusayn al-Lāhūrī.

Kajian bermaksud penyeldikan yang mendalam atau terperinci.¹⁹

Perbandingan bermaksud imbangan, perimbangan, persamaan.

Qawā'id fi 'Ulūm al-Hadīth: Merupakan sebuah kitab `ulūm al-hadīth karangan Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī. Kitab ini banyak membicarakan tentang *uṣūl* dan kaedah di dalam ilmu hadis yang berpaksikan kepada pendapat Imām Abū Ḥanīfah.

Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī: Nama penuh beliau ialah Zafar Aḥmad bin Laṭīf al-`Uthmānī al-Tahānawī. Beliau dilahirkan pada 13 Rabiul Awal

¹⁶ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1268; Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *al-Imām `Abd al-Ḥayy al-Laknawi `Allāmah al-Hind wa Imām Al-Muḥaddithīn wa al-Fuqahā*, Dimashq: Dār al-Qalam, h.60; Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), *A`lām al-Muḥaddithīn fī al-Hind fī al-Qarn al-Rābi'* `Ashar al-Hijrī wa Atharuhum fī al-Hadīth wa `Ulūmih, Beirut: Dār Ibn al-Kathīr, h. 47.

¹⁷ `Abd al-Ḥayy al-Laknawi (1991), *al-Ta`līq al-Mumajjad `Ala Muwaṭṭa` Muḥammad*, Taqiyy al-Dīn al-Nadwī (ed), Damsyik: Dār al-Qalam, h. 109

¹⁸ *Ibid.*, h. 79-80; Muḥammad bin Ja`far al-Kattānī (t.t), *op. cit.*, h. 115; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, j.6, h. 187

¹⁹ Noresah bt. Baharom (2007), *Kamus Dewan*, *op.cit.*, h.657

1310H bersamaan 10 Oktober 1892M di Deoband, India²⁰ dan merupakan pengarang kitab *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth*.

Kesimpulannya, setelah diuraikan satu persatu istilah yang membentuk tajuk kajian dapatlah penulis memberikan gambaran bahawa kajian ini adalah merupakan satu kajian perbandingan untuk melihat perbezaan dan persamaan metode penulisan dua buah kitab iaitu *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīṣ*

viii. Tinjauan Kajian Lepas

Ulama benua kecil India terkenal dengan kegigihan mereka di dalam pemeliharaan dan penyebaran ilmu hadis hingga ke hari ini, namun ketokohan mereka jarang-jarang sekali ditonjolkan dalam bentuk penulisan ilmiah. Justeru, penulis merasa terpanggil untuk mengisi kekosongan di lapangan ini. Disertasi ini akan menyentuh tentang ilmu hadis di benua kecil India dengan mengetengahkan dua tokoh hadis dan metode penulisan mereka di dalam karya mereka iaitu *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth*.

Dalam pengamatan penulis, kajian-kajian lepas sama ada kajian berkaitan tokoh dan sumbangan ulama hadis mahupun kajian berkaitan metode penulisan kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu hadis lebih tertumpu kepada ulama Timur Tengah dan Nusantara.²¹ Amat jarang sekali kajian tentang metode penulisan sesebuah kitab dilakukan terhadap ulama hadis dari benua kecil India.

²⁰Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), h. 11

²¹ Kenyataan ini berdasarkan statistik yang penulis jalankan terhadap tesis PhD dan Disertasi Sarjana melalui pangkalan data Tesis dan Disertasi di laman web Perpustakaan Universiti Malaya. Statistik ini

Penulis cuba mendapatkan seberapa banyak maklumat berkaitan Imām al-Laknawi dan Shaykh al-Tahānawi serta kajian-kajian yang pernah dilakukan terhadap kedua-dua tokoh ini. Penulis mendapati kajian-kajian yang ditelah dilakukan oleh beberapa penulis terhadap kedua-dua tokoh ini lebih tertumpu kepada biografi dan pengenalan kepada karya-karya mereka. Setakat ini penulis belum menemui kajian

merangkumi sumbangan tokoh dan kajian kitab-kitab hadis di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dari tahun 1974 sehingga 2009. Dapatkan menunjukkan 38.88 peratus kajian yang telah dilakukan berpusat kepada tokoh-tokoh dan kitab-kitab hadis dari Timur Tengah. 58.33 peratus melibatkan tokoh-tokoh dan kitab-kitab hadis di Nusantara manakala hanya 2.77 peratus sahaja kajian yang melibatkan tokoh hadis India. Antara kajian yang telah dilakukan terhadap karya ulama Timur Tengah ialah disertasi Sarjana oleh Andriana (2009) berjudul *Metodologi Imām al-Sakhāwī Dalam al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, Che Fasihah Che Man (2009) bertajuk *Metodologi Penulisan al-Ḥazīmī Tentang al-Nāsikh dan al-Mansūkh Dalam Ḥadīth : Kajian Terhadap Kitab al-I'tibār fi al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār*. Terdapat juga kajian perbandingan yang telah dijalankan antaranya oleh Muhammad Arif Yahya (2009) iaitu *Perbandingan Metodologi Ibn al-Ṣalāḥ dan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī Di Dalam Ilmu Muṣṭalah al-Ḥadīth: Kajian Terhadap Kitab al-Muqaddimah dan Nukhbah al-Fikar*. Selain itu juga terdapat kajian sumbangan tokoh-tokoh hadis yang memfokuskan kajian terhadap sesebuah kitab seperti kajian Siti Aisyah Yusof (2007) bertajuk *Sumbangan Ibn al-Athīr al-Jazārī Dalam Ilmu Ghariib al-Ḥadīth: Kajian Terhadap Kitab al-Nihāyah fī Ghariib al-Ḥadīth wa al-Āthār*. Selain tesis dan disertasi terdapat juga Kertas Kerja Seminar yang dibentangkan mengenai metode penulisan kitab seperti *Metode Huraian Hadis Imām Nawawī Di Dalam Huraian Ṣaḥīḥ Muslim* hasil tulisan Abdul Hayei bin Abdul Sukor yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan ke-3 pada 18-20 Disember 1990 di Pusat Islam Kuala Lumpur. Fokus kajian yang dilakukan terhadap ulama Nusantara di dalam bidang hadis hampir sama dengan kajian yang dijalankan terhadap ulama Timur Tengah. Menurut analisa penulis, kajian terhadap ulama Nusantara lebih banyak dilakukan berbanding kajian terhadap ulama Timur Tengah. Antara kajian yang dikesan ialah kajian metode *sharḥ* hadis oleh Muhammad Abdul Rahman, Faisal Ahmad Shah dan Anwar Ridwan Zakaria di Jabatan al-Quran Dan Al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Muhammad Abdul Rahman memfokuskan kajiannya terhadap metode penulisan Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi di dalam *Baḥr al-Mādhī*. Penulisan ini merupakan kajian awal terhadap metode huraian hadis oleh al-Marbawi. Walaubagaimanapun kajian ini hanya terbatas kepada satu bab sahaja di dalam kitab *Baḥr al-Mādhī* iaitu bab niat. Kajian seumpama ini diperluas dan dilengkapkan merangkumi keseluruhan kitab *Baḥr al-Mādhī* yang terdiri daripada dua puluh dua (22) juzuk oleh oleh Faisal Ahmad Shah di dalam tesis PhDnya. Menurut pengamatan penulis kajian ini merupakan satu-satunya kajian yang yang detil tentang metode huraian hadis oleh Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi di dalam *Baḥr al-Mādhī*. Anwar Ridwan Zakaria turut memfokuskan metode penulisan Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi tetapi menjadikan *kitab Idāgān Guru Ṣaḥīḥ Bukhārī wa Muslim* sebagai bahan kajian. Lanjutan daripada metode penulisan huraian hadis di atas, terdapat juga pengkaji-pengkaji yang menumpukan kepada metode penulisan matan hadis sahaja seperti Nor Azrina Ab. Rahman (2007) di dalam disertasi beliau *Metodologi Penulisan Hadith Dalam Kitab Mastika Hadith Rasulullah S.A.W Karangan Shaykh Abdulllah Basmeih Dan Kawan-Kawan*. Metode penulisan sebegini dituruti oleh Untung Margono (2009) dengan judul *Metodologi penulisan Shaykh Maḥfūz al-Tarmāsī dalam Kitab al-Minhah al-Khayriyyah* dan juga Tanjung Syarbaini (2007) dalam disertasi beliau *Metodologi Imām Mālik Dalam al-Muwaṭṭa` : Satu Kajian Mengenai Pengaruhnya Terhadap Penulisan al-Kutub al-Sittah*. Metode penulisan karya-karya hadis juga dapat dilihat melalui kajian sumbangan tokoh-tokoh hadis Nusantara di dalam bidang ini. Sekadar menyebut beberapa contoh, antara kajian yang ditemui seperti hasil kajian Agus Sutopo (2008) berjudul *Sumbangan Nawawī al-Bantānī Dalam Bidang Hadith : Kajian Terhadap Kitab Tanqīh al-Qawl*, Abd Ur-Rahman Mohamed Amin (2007) di dalam *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Bidang Hadith : Tumpuan Kepada Kitab Tajdīb Aṭraf al-Ḥadīth*, Khadher Ahmad (2007) bertajuk *Sumbangan Shaykh 'Abd Al-Ṣamad Al-Falimbanī Dalam Bidang Hadith : Analisis Metodologi Penyusunan Dan Takhrīj Hadīth Dalam Kitab Hidāyah al-Sālikīn*, Che Hasmawati Che Awang (2004) disertasinya berjudul *Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman : Sejarah Hidup Dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith Di Malaysia* dan Mohd. Muhiben Abd. Rahman (2003) berjudul *Shaykh Nuruddin al-Ranīrī Dan Sumbangannya Kepada Pengajaran al-Hadith: Kajian Terhadap Kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Āḥadīh al-Nabawiyah*.

ilmiah yang telah dijalankan terhadap metode penulisan mana-mana karya Imām al-Laknawi ataupun Shaykh al-Tahānawi.

Dalam sorotan kajian terhadap kedua-dua tokoh ini penulis belum menemui kajian yang telah dijalankan terhadap metode penulisan mana-mana karya mereka. Agar lebih jelas kepada pembaca, penulis memulakan sorotan kajian terhadap Imām al-Laknawi terlebih dahulu kemudian barulah penulis menyentuh tentang kajian-kajian yang telah dilakukan terhadap Shaykh al-Tahānawi. Penulis menemui beberapa penulisan mengenai Imām al-Laknawi yang boleh dijadikan landasan di dalam kajian penulis nanti antaranya ialah *al-I'lām bi man fi Tārīkh al-Hind min al-A'lām al-Musammā Nuzhah al-Khawāṭir wa Bahjah al-Masāmi` wa al-Nawāzir* karangan `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Hasanī. Buku sebanyak lapan jilid ini menyingkap sejarah hidup para ulama India dari kurun pertama hingga kurun keempat belas termasuklah al-Imām al-Laknawi.²²

Selain itu terdapat sebuah buku tentang beberapa ulama India di kurun yang keempat belas dan sumbangan mereka kepada ilmu hadis iaitu *A'lām al-Muḥaddithīn fi al-Hind fi al-Qarn al-Rābi` `Ashar al-Hijrī wa Atharuhum fi al-Hadīth wa `Ulūmih*, karangan Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī, buku ini yang menyenaraikan Imām al-Laknawi sebagai salah seorang ulama hadis India pada kurun ke empat belas. Buku ini memfokuskan tentang biografi ulama dan pengenalan kepada karya-karya mereka secara ringkas tanpa menyentuh tentang metode penulisan.²³

²² Lihat Abdul al-Hayy bin Fakhr al-Din al-Hasani (1999), *al-I'lām Bi Man Fi Tarikh al Hind Min al-A'lām al-Musamma Nuzhat al-Khawatir Wa Bahjat al-Masāmi` Wa al-Nawāzir*, Beirut: Dar Ibn Hazm, h.14.

²³ Lihat Sayyid `Abd Mājid al-Ghauri (2000), *`Al`ām al-Muḥaddithīn Fi al-Hind Fi al-Qarn al-Rābi` `Ashar al-Hijrī Wa Atharuhum Fi al-Hadīth Wa `Ulūmih*, Beirut:Dār Ibn al-Kathīr

Terdapat juga sebuah buku khusus tentang Imām al-Laknawī oleh Waliy al-Dīn al-Nadwī berjudul *al-Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī `Allāmah al-Hind wa Imām Al-Muḥaddithīn wa al-Fuqahā`*.²⁴ Buku ini menyentuh dengan detil latar belakang Imām al-Laknawī dan karya-karya beliau tetapi tidak juga menyentuh metode penulisan manapun karya Imām al-Laknawī.

Selain dari buku-buku di atas penulis juga mendapati biografi Imām al-Laknawī turut berada di dalam kebanyakan karya-karya yang dikarangnya seperti di dalam *al-Si`āyah fī Kashf mā fī Sharh al-Wiqāyah*²⁵ dan *al-Nāfi` al-Kabīr li man Yuṭāli` al-Jāmi` al-Ṣaghīr*²⁶.

Selain dari buku-buku berkaitan biografi Imām al-Laknawī terdapat satu penulisan yang menyentuh tentang *manhaj fiqh* beliau iaitu *al-Manhaj al-Fiqhī li Imām Al-Laknawī* oleh Ṣolah Muhammad Sālim.²⁷ Pengarang kitab menyentuh biografi Imām al-Laknawī seterusnya memfokuskan kepada *manhaj fiqh* Imām al-Laknawī seperti ijtiadnya terhadap nas-nas syara` dan nas-nas mazhab disertai contoh-contoh yang diambil dari karya-karya *fiqh* beliau.

Adapun kajian terhadap Shaykh al-Tahānawī amat sedikit sekali di temui, penulis hanya menemui sentuhan terhadap biografi Shaykh al-Tahānawī dan karyanya *Qawāid fī `Ulūm al-Hadīth* oleh Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2007) di dalam kitab *`Ilm Muṣṭalah Ḥadīth Nash`atuh wa Taṭawwuruh wa Takāmuluh*.

²⁴ Lihat Waliy al-Dīn al-Nadawī (1995), *al-Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī `Allāmah al-Hind Wa Imām Al-Muḥaddithīn Wa al-Fuqaha`*, Dimashq:Dār al-Qalam

²⁵ Lihat al-Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī (1307H), *al-Si`āyah fī Kashf mā fī Sharh al-Wiqāyah*, India: al-Maṭba` al-Muṣṭafā`i li Muhammad Muṣṭafā Khā, h.40

²⁶ Lihat al-Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī (1291H), *al-Nāfi` al-Kabīr li man Yuṭāli` al-Jāmi` al-Ṣaghīr*, India: T.T.P, h.29

²⁷ Lihat Ṣolah Muhammad Sālim Abū al-Ḥāj (2002), *al-Manhaj al-Fiqhī li al-Imām al-Laknawī*, Amman: Dār al-Nafāis

Selain itu maklumat tentang Shaykh al-Tahānawī dan karya-karyanya didapati dari *muqaddimah* kitab *Qawāid fī `Ulūm al-Hadīth* yang ditarjumah oleh Shaykh `Abd Fattāḥ Abū Ghuddah dan melalui kitab *I'lā` al-Sunan* karangan Shaykh al-Tahānawī yang ditarjumah oleh Muḥammad Taqiyy al-`Uthmānī. Penulisan-penulisan yang dinyatakan hanya berkaitan biografi dan karya-karya Shaykh al-Tahānawī secara ringkas. Setakat ini, penulis belum menemui kajian tentang metode Shaykh al-Tahānawī di dalam mana-mana karya beliau yang pernah dilakukan oleh mana-mana penulis.

Sorotan kajian menunjukkan sememangnya terdapat sentuhan daripada beberapa penulis terhadap kedua-dua tokoh ini yang kebanyakannya adalah buku-buku yang ditulis tentang biografi dan pengenalan ringkas karya-karya mereka. Belum ada satu kajian pun yang mendasari metode penulisan Imām al-Laknawī atau Shaykh al-Tahānawī di dalam mana-mana karya hadis yang dihasilkan oleh mereka.

Seterusnya sorotan berkaitan kajian perbandingan di dalam ilmu hadis, penulis menemui dua kajian yang dilakukan di Universiti Malaya. Kajian pertama berjudul Perbandingan Metodologi Ibn al-Šolāh Dan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī Di Dalam Ilmu *Muṣṭalah al-Hadīth*: Kajian Terhadap Kitab *al-Muqaddimah* dan *Nukhbah al-Fikar* oleh Muhammad Arif Yahya (2009). Kajian ini menumpukan kepada dua tokoh hadis iaitu Ibn al-Šolāh dan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dan dan isu-isu yang berkaitan dengan `ulūm al-hadīth seperti persamaan dan perbezaan istilah-istilah yang digunakan oleh kedua-dua tokoh di atas di dalam karya mereka.

Kajian perbandingan seterusnya dilakukan pula oleh Zulhilmi Mohamed Noor (2007) yang berjudul Perbandingan Ulasan Antara al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dan

al- al-Ḥāfiẓ Badr al-Din al-Zarkashī Terhadap *Bāb al-Saḥīḥ* Dalam Kitab *Muqaddimah Ibn al-Solāḥ*. Kedua-dua kajian di atas dilakukan terhadap tokoh-tokoh hadis *mutaqaddimīn* dan kajian perbandingan yang dilakukan pula adalah berkaitan dengan beberapa isu serta ulasan di dalam beberapa kitab `ulūm al-ḥadīth.

Sebagai maklumat tambahan penulis menemui kajian-kajian terhadap beberapa tokoh hadis dan ulama India selain Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī yang yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Antara kajian yang ditemui seperti tesis PhD oleh Abdul Hayei Abdul Sukor (1988) yang bertajuk *Sumbangan Shāh Waliyullah al-Dihlawī Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya Di Kelantan*. Kajian ini membincangkan sumbangan tokoh kajian kepada perkembangan ilmu hadis di Kelantan.²⁸

Tokoh ini turut mendapat tempat dalam kajian Mohd. Nazri Mat Zin (2008), Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di dalam disertasi beliau yang dinamakan *Pemikiran al-Shaikh Wali Allah al-Dihlawī Mengenai Konsep al-Birr Wa al-Ithm : Analisis Terhadap Mabhat al-Birr Wa al-Ithm Dalam Kitab Hujjat Allah al-Bālighah*. Tulisan ini cuba menyelongkar pemikiran *al-Shaikh Wali Allah al-Dihlawi* tentang konsep dosa dan pahala berdasarkan kitab *Hujjat Allāh al-Bālighah*.

Selain Shāh Waliyullah al-Dihlawī, kajian terhadap tokoh pemikir Islam dari benua India iaitu Sayyid Abū al-A`lā al-Maudūdī juga telah dilakukan. Tokoh ini menjadi bahan kajian Masturi Rahmat (2004) di dalam disertasi beliau berjudul *Analisis*

²⁸ Abdul Hayei b. Abdul Sukor (1998), “*Sumbangan Shāh Wali Allah al-Dihlawī Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya Di Kelantan*” (Tesis PhD, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.185 dan h.210

Pemikiran Politik Sayyid Abul A'la al Maududi Dalam The Islamic Law and Constitution, Disertasi Sarjana, Jabatan Aqidah Dan Siasah Syar`iyyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Umumnya kajian ini melihat konsep kenegaraan Islam dalam al-Quran dan al-Hadith menurut Abū al-A`lā al-Maudūdī di dalam buku *The Islamic Law and Constitution*. Buku ini merupakan hasil pemikiran beliau tentang undang-undang Islam dan politik.

Kajian terhadap tokoh ini dilakukan juga oleh Noor Mohammad Osmani (2002) di dalam kajian beliau berjudul *Maudūdī's Tafsīr al-Qur'ān And Islamic Da'wah: A Methodological Study*. Tesis PhD Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa ini memperkenalkan tafsir *Tafsīr al-Qur'ān* dan menyentuh tentang prinsip-prinsip serta ciri-ciri dakwah Islamiyyah sepetimana yang diterangkan oleh al-Maudūdī di dalam tafsirnya *Tafsīr al-Qur'ān*.

Seterusnya kajian terhadap tokoh ini dilakukan pula oleh Mohammad Adnan Haroon Rehman (2007), di Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa. Disertasi Sarjana berjudul *A Study Of Tajdīd Paradigms Of Sayyid Abū al-A`la Maudūdī And Isrār Aḥmad* ini merupakan kajian perbandingan tentang pemikiran-pemikiran dua pemikir Islam yang berasal dari benua India iaitu Abū al-A`lā al-Maudūdi dan Isrār Aḥmad. Disertasi memfokuskan pemikiran Abū al-A`lā al-Maudūdī di dalam bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan dan pemikiran Isrār Aḥmad yang mengandungi kritikan dan penambahbaikan terhadap pemikiran Abū al-A`lā al-Maudūdi.

Seterusnya ialah kajian Nura`afifah Marni (2007) terhadap tokoh dakwah Ahmad Deedat bertajuk *Uslub al-Jadal Ahmed Deedat Dalam Dakwahnya Kepada Penganut*

Agama Kristian, Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini memfokuskan kepada *uslūb al-jadal* yang dipraktikkan oleh tokoh ini ketika menyampaikannya dakwahnya kepada penganut Kristian.

Akhirnya penulis membuat kesimpulan berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, didapati bahawa belum terdapat satu kajian khusus yang membincangkan tentang metode penulisan Imām al-Laknawī ataupun Shaykh al-Tahānawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth*. Walaupun terdapat kajian tentang mereka, namun ianya merupakan kajian tentang latar belakang tokoh kajian dan karya-karya mereka secara umum.

Selain itu juga penulis menegaskan bahawa kajian-kajian terhadap bidang hadis jika dilihat dari beberapa sudut seperti biografi tokoh, pengaruh pemikiran serta metode penulisan kitab kebanyakannya tertumpu kepada ulama Timur Tengah dan Nusantara. Adapun kajian-kajian terhadap ulama benua India kebanyakannya dilakukan terhadap tokoh dakwah dan pemikir. Sudah tentulah kajian itu menumpukan kepada bidang dakwah dan pemikiran Islam. Justeru, memandangkan kurangnya perhatian terhadap ulama India dan sumbangannya kepada bidang hadis, maka penulis merasakan perlu satu kajian dilakukan untuk menampung kekosongan ini. Oleh itu, penulis memilih untuk melakukan bedah siasat terhadap dua ulama hadis India kurun ke empat belas dengan menumpukan kepada perbandingan metode penulisan mereka di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dan *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth*. Kajian penulis berjudul Metode Penulisan `Abd al-Hayy al-Laknawī Di Dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*: Kajian Perbandingan Dengan *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth* Oleh Shaykh Zafar Ahmad al-`Uthmānī al-

Tahanāwī. Adalah diharapkan kajian seperti ini sebagai salah satu usaha bagi memperkenalkan ulama India dan sumbangan-sumbangan mereka kepada ilmu pengetahuan khususnya bidang hadis.

ix. Metodologi Kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metode iaitu:

1.1 Metode Penentuan Subjek

Di dalam penyelidikan ini, penulis telah memilih Imām `Abd al-Hayy al-Laknawī dan karyanya *al-Ajwibah al-Fāḍilah li As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* serta Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahanawī dan karyanya *Qawā'id fi `Ulūm al-Hadīh* sebagai subjek kajian. Latar belakang tokoh akan diselusuri dan perbandingan metode penulisan di dalam karya mereka akan menjadi fokus kajian.

1.2 Metode Pengumpulan Data

Penyelidikan yang dilakukan oleh penulis bertujuan untuk mengumpul data dan seterusnya membuat tafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Data-data yang terkumpul daripada sesuatu penyelidikan merupakan bahan mentah yang tidak mempunyai nilai kecuali setelah diproses.²⁹ Di bawah ini penulis akan mengemukakan pula beberapa metode yang digunakan dalam pengumpulan data.

²⁹ Mohd. Najib Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.257

a. Metode Historis

Metode ini digunakan bagi meneliti dan mengumpul fakta yang berunsurkan sejarah. Penulis menggunakan metode ini dalam usaha mendapatkan maklumat tentang sejarah kedatangan Islam dan pertumbuhan serta perkembangan hadis di India. Selain itu ia turut digunakan untuk mendapatkan data tentang riwayat hidup Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahanāwī serta karya-karya mereka.

b. Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan dengan cara melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang dikaji. Metode dokumentasi adalah metode yang sangat penting kepada penulis kerana penulis memerlukan bahan-bahan berbentuk dokumentasi yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian penulis. Bahan-bahan metode dokumentasi yang penulis gunakan merangkumi kitab-kitab penulisan ulama, buku-buku ilmiah, tesis, disertasi dan jurnal.

Oleh kerana yang dijalankan penulis merupakan kajian perpustakaan, bahan-bahan metode dokumentasi diperolehi daripada beberapa buah perpustakaan seperti:

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Peringatan Za`ba, Universiti Malaya
- Perpustakaan Dar al-Hikmah Universiti Islam Antarabangsa

Penulis juga menggunakan rujukan maya dengan memuat turun beberapa rujukan yang disediakan di beberapa laman sesawang.³⁰

c. Metode Analisis Data

Data merupakan bahan mentah. Ia tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali dianalisis menggunakan kaedah-kaedah tertentu.³¹ Analisis lebih berupa huraian idea secara sistematis dengan menggunakan bukti, memapar atau menerangkan supaya fakta-fakta dapat difahami.³² Untuk mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang lazim digunakan iaitu Metode Induktif dan Metode Deduktif. Metode-metode ini digunakan oleh penulis dalam menyempurnakan kajian.

i. Metode Induktif

Metode induktif bermaksud suatu cara menganalisis data melalui pola pemikiran bagi mencari bukti-bukti dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.³³ Pengkaji menganalisis dengan cara menghalusi setiap fakta dan selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global.³⁴ Metode ini banyak digunakan dalam penulisan bab kedua, ketiga dan keempat.

³⁰Antara laman sesawang yang dilayari oleh penulis ialah <http://www.al-mostafa.com/>; <http://www.waqfeya.com/>; <http://www.ahlalhdeeth.com/vb/index.php>; <http://khizana.blogspot.com> dan lain-lain.

³¹ *Ibid.*, h.309

³² Sivachandralingam Sundara Raja (2001), *Pemikiran Dan Penulisan Ilmiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SDN BHD, h. 23

³³ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia And Publication, h. 75

³⁴ *Ibid.*, h. 52

ii. Metode Deduktif

Penulis mengutip fakta dan maklumat yang umum, kemudian memperincikan maklumat yang dikutip lalu dibuat kesimpulan. Metode ini banyak digunakan dalam bab penutup.

1.3 Metode Komparatif

Oleh kerana kajian penulis merupakan kajian perbandingan, maka data-data yang dikutip akan dibandingkan untuk melihat perbezaan dan persamaan yang wujud di dalam kedua-dua kitab yang menjadi sampel kajian.

x. Sistematika Penulisan

Penulisan ini dibahagikan kepada lima bab yang dimulakan dengan Bab Pendahuluan. Dalam bab ini penulis mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian seperti masalah kajian, objektif, kepentingan kajian, sorotan kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab Pertama menyentuh dengan ringkas sejarah kemasukan Islam ke India yang merupakan antara faktor kemunculan ilmu hadis di sana. Bab ini akan menyentuh secara ringkas mengenai pertumbuhan dan perkembangan ilmu hadis di benua India khususnya sebelum zaman dan Imām al-Laknawi. Bab ini juga menyingkap usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh-tokoh hadis sama ada dari tanah Arab yang datang ke India atau para ulama India yang menerima pendidikan

di tanah Arab kemudian pulang untuk menyebarluaskan ilmu di tanah air mereka sendiri.

Manakala Bab Kedua pula adalah biografi Imām al-Laknawī. Di sini segala aspek yang berkaitan dengan latar belakang beliau akan diketengahkan seperti kelahiran, pendidikan, guru-guru beliau, karya-karya, keperibadian dan tarikh meninggal dunia.

Bab Ketiga pula menyentuh metode penulisan Imām al-Laknawī di dalam kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*. Bab akan dimulakan dengan pengenalan kepada kitab seperti nama, cetakan dan metode penyusunan kitab. Perbincangan dilanjutkan dengan metode penulisan Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*. Bab ini diakhiri dengan kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada kitab ini.

Seterusnya Bab Keempat merupakan keutamaan kajian iaitu perbandingan metode penulisan antara Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dengan Shaykh al-Tahānawī di dalam *Qawā'id fī Ulūm al-Hadīth*. Bab ini dimulakan dengan biografi ringkas Shaykh al-Tahānawī, pengenalan kitab *Qawā'id fī Ulūm al-Hadīth* seterusnya perbandingan metode penulisan satu persatu.

Bab Lima merupakan penutup yang mencakupi kesimpulan dan saranansaranan kepada pihak-pihak tertentu seperti organisasi-organisasi NGO, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Malaya dan pengkaji-pengkaji hadis.

BAB SATU

ISLAM DAN ILMU HADIS DI INDIA³⁵

1.1 Pengenalan

Benua kecil India sememangnya tidak asing bagi penuntut ilmu hadis. Kegigihan para ulama benua kecil India dalam memelihara dan mempertahankan sumber syariat yang kedua ini tidak dinafikan. Di dalam bab yang kedua ini penulis akan cuba menyelusuri perkembangan ilmu hadis di benua kecil India. Perbahasan akan didahului dengan sejarah kemasukan Islam ke benua kecil India yang menjadi faktor utama kemunculan ilmu hadis di sana. Perbincangan akan diteruskan dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan ilmu hadis sebelum zaman Imām al-Laknawī khususnya pada kurun ke 10 yang menyaksikan zaman kemunduran ilmu hadis di negara-negara Timur Tengah. Turut disentuh secara ringkas kemunculan institusi-institusi pengajian hadis yang diasaskan oleh beberapa ulama sebagai pusat penyebaran utama ilmu hadis.

1.2 Sejarah Kemasukan Islam Ke Benua Kecil India India

Buku-buku sejarah mencatatkan Islam bertapak di benua kecil India melalui tiga cara iaitu aktiviti perdagangan, perluasan kuasa dan dakwah.

³⁵ Perkataan India di dalam disertasi ini meliputi negara India, Pakistan dan Bangladesh sebelum negara itu dipisah oleh British dalam tahun 1947 dan pengasingan Bangladesh dalam tahun 1971.

1.2.1 Perdagangan

Hubungan antara benua kecil India dan negara-negara Arab sudah lama terjalin sebelum kedatangan Islam. Ini berikutan aktiviti perdagangan yang telah lama berlaku antara orang India dan Arab sama ada melalui jalan darat melalui negara Parsi ataupun air melalui Lautan Hindi dan Laut Merah. Orang Arab memang sudah lama belayar mengharungi Lautan Hindi dalam perjalanan mereka menuju Asia Tenggara dan China. Mereka menjadikan Pantai Barat benua kecil India sebagai tempat persinggahan untuk menambah bekalan makanan dan keperluan yang diperlukan. Hampir keseluruhan pantai barat benua kecil India menjadi tempat berlabuhnya kapal-kapal dagang Arab yang hendak belayar ke China, Asia Timur dan Asia Tenggara.³⁶

Seorang pengkaji benua kecil India, Tarashand pernah menulis satu artikel di dalam majalah *Thaqāfah al-Hind* pada Mac 1950 tentang bagaimana orang-orang Islam boleh sampai ke India. Beliau menyatakan hubungan perdagangan antara benua kecil India dan negara-negara luar seperti Palestin dan Mesir telah terjalin untuk satu tempoh yang sangat lama. Sudah menjadi kebiasaan orang Arab menitikberatkan perdagangan di antara Barat dan Timur. Kapal-kapal dagang Arab belayar dari pantai Laut Merah dan pantai dari arah Selatan menuju Sindh dan Malabar. Tiupan angin memudahkan kapal-kapal mereka belayar ke Kollam dan destinasi-destinasi yang lain. Begitu juga kapal-kapal daripada Teluk Parsi dengan mudah sampai ke Kepulauan Melayu dan China.³⁷

³⁶ Ahmad Mahmūd al-Sādātī (t.t), *Tārīkh al-Muslimīn fī Shibh al-Qārah al-Hindiyyah wa Hadārātihim*, Kaherah: Maktabah al-Ādāb, j.1, h. 55, Abū `Alī al-Banjari al-Nadwī (1992), *Sejarah Perkembangan Islam di India*, Kedah Darul Aman: Khazanah Banjariyah, h. 25

³⁷ Lihat petikan artikel di dalam `Abd al-Mun`im al-Nimr (1959), *Tārīkh al- Islām fī al-Hind*, (T.T.P):Dār al-`Ahd al-Jadīd li al-Tibā ah, cet. 1, h. 60-61

Kebiasaan bagi kapal-kapal Arab yang berdagang mengambil masa antara setahun dan setahun setengah. Kadang-kadang musim angin tidak mengizinkan kapal-kapal untuk berdagang dan terpaksa menunggu musim berikutnya. Apabila keadaan ini berlaku maka pedagang memerlukan tempat tinggal ketika menunggu musim belayar akan datang. Oleh kerana itu, bilangan mereka telah bertambah dari masa ke semasa sehinggakan pelabuhan-pelabuhan seperti Gujerat dipenuhi barang dagangan orang-orang Arab. Pedagang Arab mempunyai hubungan baik dengan pemerintah berikutan pembayaran cukai yang menjadi sumber pendapatan pemerintah ketika itu. Hubungan dengan pedagang Arab secara tidak langsung menarik minat penduduk tempatan untuk memeluk Islam sehingga ada di kalangan penduduk Muslim India tempatan menyerahkan urusan agama kepada orang-orang Arab.³⁸

Pedagang-pedagang Arab yang datang menyebarkan Islam menerangkan kepada penduduk tempatan tentang Islam dan seorang Rasul yang telah diutuskan di negara mereka. Rasul yang menyeru kepada Tauhid, persaudaraan dan keadilan serta hubungan yang baik sesama manusia. India pada ketika itu diselubungi dengan perpecahan dan sistem kasta yang dianuti penganut Hindu sejak sekian lama. Perkhabaran tentang Tauhid dan keadilan merupakan satu nikmat baru yang seronok untuk didengar dan dibuat perbandingan. Natijahnya ramai penduduk tempatan yang terbuka hatinya untuk agama baru ini bagi membebaskan diri daripada kecelaruan yang menghantui diri dan masyarakat. Selain itu mereka juga mahu membebaskan diri dari agama Hindu yang dipenuhi dengan khurafat dan tasyul. Oleh kerana itu Islam dapat diterima dan subur dengan mudah di benua kecil India. Mereka mendirikan masjid dan dapat mengamalkan syiar Islam tanpa halangan oleh pemerintah. Wilayah-wilayah seperti Sindh dan

³⁸ Shawqī `Abd al-Qawiyy `Uthmān, Dr.(1990), *Tijārah al-Muḥīṭ al-Hindī fī Ḥaḍār al-Siyādah al-Islāmiyyah*, Kuwait: al-Majlis al-Waṭānī li al-Thaqāfah wa al-Funūn wa al-Ādāb, h. 38

Malabar merupakan antara wilayah yang sangat terpengaruh dengan kedatangan Islam pada ketika itu.³⁹

Raja Malabar yang mendengar tentang Islam lantas beriman kepada Allah dan Rasul s.a.w. Menurut sebuah riwayat, kehadiran sekumpulan orang Islam dan bersama mereka seorang Shaykh⁴⁰ yang dalam perjalanan ke Ceylon singgah di Malabar. Apabila Raja Malabar mendengar kehadiran mereka lalu beliau meminta mereka datang menghadap lalu mereka ditanya pelbagai perkara. Lalu Shaykh menceritakan tentang Rasulullah s.a.w, agama Islam dan peristiwa mukjizat Rasulullah s.a.w membela bulan. Beliau tertarik dengan kerasulan nabi Muhammad s.a.w kemudiannya beriman kepada Rasulullah s.a.w.⁴¹

Banyak lagi wilayah-wilayah di benua kecil India yang menjadi tempat persinggahan orang-orang Islam berketurunan Arab yang penulis tidak catatkan semuanya di sini. Tempat-tempat tersebut banyak disebutkan di dalam buku-buku sejarah yang membincangkan kedatangan Islam ke benua kecil India. Daripada maklumat di atas dapatlah disimpulkan bahawa hubungan India Arab telah lama terjalin dan hubungan ini merupakan salah satu faktor kemasukan Islam ke benua kecil India.

³⁹ Shawqī `Abd al-Qawiyy `Uthmān, Dr.(1990), h. 65-66

⁴⁰ Beliau ialah Shaykh Zayn al-Dīn bin `Abd al-`Azīz al-Ma`barī yang mana keturunannya masih terkenal di Malabar. Keluarganya terkenal dengan sifat warak dan bertakwa. Datuknya Zayn al-Dīn Abū Yaḥyā merupakan seorang ulama tasawwuf dan memiliki karya-karya besar di dalam Bahasa Arab. Beliau telah membina sebuah masjid di Banānī dan di sekelilingnya didirikan madrasah. Terdapat satu sudut yang menjadi tumpuan ulama tasawwuf daripada Mesir dan Syiria antaranya Shaykh Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn Ḥajar al-Ḥaitamī yang datang mengajar tafsir dan hadis pada tahun 909H. (Lihat *Ibid* h. 61)

⁴¹ Shaykh Zayn al-Dīn bin `Abd al-`Azīz al-Ma`barī (t.t), *Tuḥfah al-Mujāhidīn fī Akhbār al-Burtughāliyyīn*, Hyderabad: Maṭba` al-Tarīkh, h. 13

1.2.2 Perluasan Kuasa

Usaha perluasan kuasa dan penyebaran Islam ke benua kecil India telah berlegar di minda para pemimpin Islam seawal zaman *Khulafā` al-Rāshidīn*. Sejarah merakamkan terdapat lebih kurang 35 rombongan tentera telah dihantar ke benua kecil India. Walau bagaimanapun 20 rombongan terawal hanyalah bertujuan untuk meninjau keadaan geografi di sana sebagai persediaan untuk perluasan kuasa yang akan dilakukan pada masa akan datang.⁴²

Idea perluasan kuasa ke benua kecil India bermula sekitar tahun 15 hijrah iaitu ketika pemerintahan Khalifah Islam yang kedua iaitu Saiyyidina `Umar al-Khaṭṭāb. Uthmān bin Ābī al-Āṣī al-Thaqafī selaku gabenor Bahrain dan Oman pada ketika itu, mengutuskan tenteranya ke benua kecil India tetapi hanya berjaya sampai ke satu kawasan yang bernama Tānah⁴³

Di zaman khalifah `Uthmān bin `Affān r.a pula, beliau meminta gabenorinya di Iraq iaitu Abdullah bin `Āmir untuk meninjau keadaan geografi benua kecil India. Maka Abdullah bin `Āmir memerintahkan utusannya Ḥakīm bin Jabalah al-`Abdī dan rombongannya untuk ke benua kecil India. Mereka berjaya memasuki wilayah Sindh yang tandus dan kekurangan air. Khalifah `Uthmān r.a apabila mendapat tahu keadaan

⁴² Ahmad Muhammad al-Jawāranah (2006), *al-Hind fī Zill al-Siyādah al-Islāmiyyah*, Irbid: Mu`assasah Hamādah li al-Dirāsāt al-Jāmi`iyah wa al-Nashr wa al-Tawzī`i, h. 92

⁴³ Tānah atau dalam bahasa Arab Tahānah terletak lebih kurang 15 batu dari Utara Mumbai. Di sana terdapat beberapa perkuburan Islam merujuk kepada zaman awal Islam di India. (Lihat `Abd al-Mun`im al-Nimr (1959), *op. cit.*, h. 71, al-Qādī Abū al-Ma`ālī Athar al-Mubārakfūri (1968), *al-`Aqd al-Thamīn fī Futūḥ al-Hind wa man fīhā min al-Šaḥābah wa al-Tābi`īn*, Kaherah: Dār al-Anṣār, h. 43, Maḥmūd Shākir (1997), *al-Tarīkh al-Islāmī-al-Tarīkh al-Mu`āṣir- al-Qārah al-Hindiyah*, Beirut:al-Maktab al-Islāmī, cet. 2, j. 19, h. 12; André Wink (1996), *The Making Of Indo-Islamic World*, New York: E.J Brill, p. 201)

Sindh yang sedemikian maka beliau membatalkan hasratnya untuk menghantar tenteranya ke sana. Seterusnya pada zaman Khalifah `Alī bin Abī Ṭālib, beliau mengutuskan Tāghir bin Da`ar pada tahun dan al-Ḥārith bin Murrah al-`Abdī ke Sindh.

44

Dapat penulis simpulkan bahawa utusan-utusan yang dikirim ke benua kecil India bermula pada zaman khalifah `Umar al-Khaṭṭāb sehingga zaman pemerintahan khalifah `Uthmān bin `Affān hanyalah bersifat tinjauan untuk mengetahui keadaan geografi dan cara hidup penduduk benua kecil India sebelum penaklukan yang akan dilakukan kemudiannya.

Semasa pemerintahan `Abd al-Mālik bin Marwān, Ḥajjāj bin Yūsuf al-Thaqafī yang merupakan gabenor Iraq ketika itu memohon izin daripada khalifah untuk . Kemudiannya mereka pulang dan mengutus surat memerangi dan menakluk India. Ini berikutan berikutnya para pedagang muslim dan kepada khalifah memberitakan mereka telah sampai ke benua kecil India. masyarakat Islam yang tinggal di benua kecil India sering menjadi mangsa gangguan perompak-perompak di bawah pemerintahan Raja Dahar. Setelah mendapat restu khalifah beliau mengarahkan anak saudaranya Mūḥammad bin Qāsim al-Thaqafī⁴⁵ yang baru berusia 17 tahun sebagai panglima yang mengetuai 6000 tentera untuk memasuki India.⁴⁶

⁴⁴ Maḥmūd Shākir (1997), *op. cit.*, j. 19, h. 13, Aḥmad Mahmūd al-Sādātī (t.t), *op. cit.*, h. 56-57

⁴⁵ Beliau ialah Mūḥammad bin al-Qāsim bin Muḥammad al-Thaqafī Ibn Abī `Aqīl al-Thaqafī (62H-98H/681M-717M) . Merupakan seorang penakluk yang hebat dan pembuka India. Bapanya gabenor di Basrah di era pemerintahan al-Ḥajjāj. Ḥajjāj mengarahkan Mūḥammad bin al-Qāsim menggempur Sindh serta berjaya menawannya dan membunuh Dahar raja Sindh. Selepas kematian Ḥajjāj dan al-Walīd bin `Abd al-Malik beliau dipecat dari pemerintahan Sindh oleh Sulayman bin `Abd al-Malik lalu di bawa ke Iraq dengan dirantai dan diseksa. (Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 333-334)

⁴⁶ Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1977), *Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h.301

Pada tahun 92H (711M) Mūhammad bin Qāsim al-Thaqafī berjaya menembusi Makran (Balochistan). Seterusnya beliau menawan, Sindh, Punjab dan berjaya menewaskan Raja Dahir serta menawan bandar Daybul (Karachi) yang merupakan bandar terpenting di pinggir pantai Sindh. Kemudian beliau memasuki bandar Nirun (Hyderabad) tanpa pertentangan dan pertumpahan darah serta disambut baik oleh penduduk di sana. Beliau kemudiannya mengarahkan pembinaan masjid serta melantik imam masjid dan sejak itu Sind berada di bawah pemerintahan Islam.⁴⁷

Ketika Muḥammad bin Qāsim al-Thaqafī masih berada di India, sampai perkhabaran tentang kematian bapa saudaranya Ḥajjāj bin Yūsuf al-Thaqafī. Tidak lama selepas itu disusuli dengan kematian Khalifah al-Walīd bin `Abd al-Malik yang merupakan penaung kepada usaha-usaha penaklukan yang dilakukan oleh beliau dan juga bapa saudaranya. Setelah kemangkatan Khalifah al-Walīd pemerintahan beralih kepada Sulaymān bin Abd al-Malik yang merupakan musuh kepada keluarga Ḥajjāj. Sulaymān bin Abd al-Malik melantik Ṣāliḥ bin `Abd al-Rahmān sebagai gabenor Iraq serta melantik Yazīd bin Abī Kabshah sebagai pemerintah Sindh selepas memecat Muḥammad bin Qāsim al-Thaqafī. Beliau akhirnya dibawa balik ke Iraq dengan dirantai kemudiannya dipenjara dan diseksa sehingga mati.⁴⁸ Begitulah berakhirnya riwayat hidup Muḥammad bin Qāsim al-Thaqafī sorang tokoh yang berjaya membawa sinar Islam ke Sind dan beberapa wilayah lain di India.

⁴⁷ Aḥmad Muḥammad al-Jawāranah (2006), *op.cit.*, h. 92, Fred W. Clothey (2006), *Religion In India:An Historical Introduction*, New York:Routledge, p. 125; Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1977), *Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h.301

⁴⁸ `Abd al-Mun`im al-Nimr (1959), *op.cit.*, h. 75

Meskipun Sind dan beberapa wilayah lain telah berada di bawah pemerintahan Kerajaan Islam yang bersilih ganti, namun sebahagian besar India masih belum termasuk di dalam pemerintahan Islam sehingga datangnya Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī⁴⁹ daripada Ghaznah. Beliau berjaya menyerang Utara India serta mengasaskan kerajaan Islam pada tahun 392H (1001M). Beliau seorang yang mempunyai akidah yang mantap serta menitikberatkan penyebaran Islam dan ilmu pengetahuan serta menegakkan keadilan di antara penduduk. Sejarawan Islam atau Hindu menyifatkannya sebagai seorang yang adil, berilmu dan penyebar ilmu pengetahuan. Oleh kerana itu beliau dianugerahkan gelaran *Yamīn al-Daulah* (Tangan Kanan Kerajaan) oleh Khalifah yang berpusat di Baghdad. Maḥmūd al-Ghaznawī telah meninggalkan jejak yang paling kukuh di India iaitu pengaruh Islam dan kebudayaan yang diakui oleh kerajaan-kerajaan Islam yang lain.⁵⁰ Pemerintahan kerajaan Ghazwaniyyūn berterusan sehingga tahun 582H (1186).⁵¹

Setelah kerajaan Ghazwaniyyūn tertegak pula kerajaan Ghawriyyah di bawah Shihāb al-Dīn al-Ghawrī yang menerima pemerintahan daripada khalifah-khalifah Maḥmūd al-Ghaznawī.⁵² Setelah kematian Shihāb al-Dīn al-Ghawrī tertegak pula kerajaan Mamālik di bawah pemerintahan Quṭb al-Dīn Abīk pada tahun 602H (1206M).⁵³

⁴⁹ Beliau ialah Sultan Maḥmūd bin Subaktakīn al-Ghaznawī, Sultan Yāmīn al-Daulah Abū al-Qāsim ibn al-Amīr Nāṣir al-Dawlah Abī Mānsūr (361H-412H/971M-1030M). Seorang penakluk yang agung juga pembuka India. Kesultannya merentasi India hingga Naisabur. Dilahirkan dan meninggal di Ghaznah, Afghanistan. Seorang yang memiliki pemikiran yang tajam, fasih, gemar menuntut ilmu dan sentiasa meminta pandangan ulama, beliau juga meminta bantuan para ilmuwan di dalam menghasilkan karya-karya dalam pelbagai bidang ilmu. Antara karyanya *al-Tafrīd* yang merupakan kitab fikah mazhab Hanafi yang terkandung di dalamnya 6000 permasalahan fikah. (Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 171)

⁵⁰ Hajī Abdul Malik Karim Amrullah (1977), *op. cit.*, h. 303

⁵¹ Abd al-`Azīz bin Ibrāhīm al-`Umari, Dr. (1421H), *al-Futūh al-Islāmiyyah `Abr al-`Uṣūr*, Riyadh: Dār al-Ishbiliyā, cet. 3, h. 203, Hasan Ibrāhīm Hasan, Dr. (1962), *Tārikh al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, j.3, h. 90, Lihat juga siri-siri penaklukan oleh Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī di dalam Ahmad Mahmūd al-Sādātī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 86-97

⁵² Ahmad Mahmūd al-Sādātī (t.t), *op. cit.*, j.1, h. 112

⁵³ *Ibid.*, j.1, h. 122

Walaubagaimanapun antara kerajaan yang paling masyhur dan kuat di benua kecil India ialah sewaktu pemerintahan Kerajaan Mughāl⁵⁴ yang diasaskan oleh Zāhir al-Dīn Muḥammad Bābar.⁵⁵ Kerajaan yang diasaskan pada pertengahan kurun ke sepuluh iaitu pada 932H (1526) merangkumi keseluruhan benua kecil India.⁵⁶

Pemerintahan Islam di benua kecil India berterusan dan bersilih ganti selama lapan kurun setengah lamanya sejak penaklukan besar-besaran oleh Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī sehinggalah berakhirnya Kerajaan Mughāl di tangan Inggeris dengan menghalau Raja Mughal terakhir iaitu Bahādur Shāh Zafar serta keluarganya ke Rangoon pada tahun 1274H (1858H). Bermula dari tarikh itu benua kecil India secara rasminya berada di bawah jajahan Inggeris sehinggalah mencapai kemerdekaan pada Ogos 1947 sebagai sebuah negara tersendiri yang terpisah dari Pakistan.⁵⁷

1.2.3 Dakwah

Selain daripada aktiviti perdagangan dan perluasan kuasa yang menyebabkan agama Islam sampai ke benua kecil India, aktiviti dakwah juga antara sebab penting sampainya agama Islam ke sana. Para alim ulama dan pendakwah datang ke benua kecil India semata-mata untuk menyebarkan agama Islam dan pengaruh mereka lebih

⁵⁴ Salasilah yang diasaskan oleh Babur (Babar) di India, bersama kerajaan yang diperintahnya dirujuk sebagai “Mughal” atau “Mogul”. (Lihat Marshall G.S Hodgson (2004), *Kebangkitan Islam: Gambaran Dan Sejarah Dalam Tamadun Dunia*. Mohd Radzali Masrun (terj.), Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, j.3, h. 73

⁵⁵ Beliau ialah Zāhir al-Dīn Muḥammad dilahirkan pada 15 Februari 1483M di Fergana (sekarang di Uzbekistan) dan meninggal pada 26 Disember 1530 di Agra, India. Merupakan pengasas Dinasti Mughāl, India. Beliau berketurunan penakluk Mongol Chinggis (Genghis Khan) dan penakluk Turki Timur (Tamerlane). Seorang tentera yang cemerlang dan mempunyai kehebatan tersendiri, seorang penyair dan penulis diari yang genius serta seorang negarawan.

(Lihat <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/47524/Babur>, 19 Januari 2011)

⁵⁶ Maḥmūd al-Sādātī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 264

⁵⁷ *Ibid.*, j.2, h. 295, Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), h. 18

kuat dan mendalam daripada pengaruh sebahagian penakluk-penakluk yang datang semata-mata untuk perluasaaan kuasa dan kedudukan.

Di antara ulama terkenal yang datang ialah Shaykh Ismā`īl al-Lāhūrī (meninggal 448H) yang telah mengislamkan puluhan ribu penduduk Lahore, Shaykh Mu`īn al-Dīn al-Jishtī (meninggal 627H) yang berjaya mengislamkan ratusan ribu penduduk Ajmer, Shaykh Farīd al-Dīn al-Ajwadī (meninggal 664H) dan Shaykh `Alī bin Shihāb al-Hamdhānī (meninggal 784H) yang telah berjaya mengislamkan sebahagian besar penduduk benua kecil India dan terdapat masih banyak lagi ulama-ulama dan para pendakwah yang tidak disebutkan di sini yang telah berjaya di dalam dakwah Islamiyyah di kalangan masyarakat benua kecil India.

Selain daripada ulama yang datang daripada Afghanistan, ada juga yang datang dari Semenanjung Arab Selatan seperti Yaman dan Hadhramaut yang datang berdakwah dan menyebarkan agama Islam di benua kecil India di samping menjadi pedagang. Orang-orang seperti inilah yang membawa Islam ke Tanah Melayu dan sekitarnya.⁵⁸

Begitulah secara ringkas penulis lakarkan sejarah kemasukan Islam ke benua kecil India melalui perluasan kuasa, perdagangan dan aktiviti dakwah. Semuanya bermula dengan asas pembukaan Sind oleh Muḥammad bin Qāsim al-Thaqafī, penaklukan besar-besaran oleh Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī dan era kegemilangan kerajaan Islam India di bawah Kerajaan Mughāl yang diasaskan oleh Zāhir al-Dīn Muḥammad Bābar. Adalah

⁵⁸ Abu Ali al-Banjari al-Nadwī (1992), *op. cit.*, h. 31

suatu perkara mustahil untuk penulis catatkan keseluruhan sejarah Islam benua kecil India yang amat panjang dan ianya juga bukanlah menjadi fokus utama disertasi penulis. Apa yang penulis paparkan di atas menggambarkan bahawa kemasukan Islam ke benua kecil India mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan sejarah perkembangan hadis di benua kecil India yang akan dibicarakan di dalam perbincangan yang seterusnya nanti.

1.3 Pertumbuhan Dan Perkembangan Ilmu Hadis Sebelum Zaman Imām al-Laknawī

Natijah daripada penaklukan Sindh oleh Muḥammad bin Qāsim al-Thaqafī pada zaman Khalifah Khālid al-Walīd bin `Abd al-Malik al-`Umawī iaitu pada akhir kurun pertama hijrah menyebabkan ramai orang Arab datang ke benua kecil India yang kebanyakannya terdiri daripada tentera yang menyertai penaklukan tersebut. Beliau bukan sahaja berjaya membuka laluan kepada Islam ke benua kecil India, tetapi turut membuka jalan bagi kemasukan para alim ulama dan pendakwah-pendakwah yang datang dari negara-negara Arab termasuklah beberapa sahabat Rasulullah s.a.w dan *tabi`īn* dan *atba` al-tabi`īn*.⁵⁹

Benua kecil India merupakan antara negara-negara yang pernah menerima kunjungan para sahabat dan *tabi`īn* seperti mana Madinah, Mekah, Kufah, Basrah, Shām, Mesir, Yaman, Khurasan, Andalus dan Afrika.⁶⁰ Kedatangan para sahabat dan *tabi`īn* ke sana menjadikan negara itu berpotensi untuk diperkembangkan pengajian

⁵⁹ al-Qādī Abū al-Ma`ālī Aṭħar al-Mubārakfūri (1968), *op. cit*, h. 17

⁶⁰ Muḥammad `Ajāj al-Khaṭīb (1993), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 163-175

hadis selari dengan tuntutan baginda s.a.w yang menekankan agar sunnahnya dihidupkan dan ajarannya hendaklah disampaikan kepada umat manusia.

1.3.1 Kehadiran *Muḥaddithīn* Dari Tanah Arab

Kedatangan Muḥammad bin Qāsim al-Thaqāfi ke benua kecil India disertai oleh orang-orang *sālih*, para ulama, *awliyā* dan perawi-perawi hadis.⁶¹ Kehadiran mereka bukan sahaja sebagai tentera yang datang untuk menakluk India tetapi juga sebagai pendakwah yang menyebarkan agama Allah s.w.t. Merekalah yang menanamkan benih-benih ilmu pengetahuan dan dakwah Islamiyyah di benua kecil India serta terlibat secara langsung di dalam penyebaran hadis di sana. Antara tokoh-tokoh terawal yang terlibat di dalam penyebaran hadis di benua kecil India ialah Al-Rabi` bin Ṣabīḥ al-Sa`dī al-Baṣrī (160H)⁶² Isrā`īl bin Mūsā al-Baṣrī⁶³ dan Najīḥ bin `Abd al-Raḥmān al-Sindī serta lain-lain lagi.⁶⁴

⁶¹ al-Qādī Abū al-Ma`ālī Aṭħar al-Mubārakfūri (1968), *op. cit*, h. 215

⁶² Beliau ialah Abū Ḥafs Rabi` bin Ṣabīḥ al-Sa`dī al-Baṣrī (160H) merupakan seorang *muḥaddith* dari kalangan *atbā` al-tābi`īn*. Meriwayatkan hadis daripada al-Hasan al-Baṣrī (110H), Ḥumayd al-Ṭawīl (140H), Mujāhid bin Jabr (104H) dan lain-lain. Meninggal dunia di India pada tahun 160H. Shaykh Abū al-Hasan `Alī al- al-Ḥasanī al-Nadwī menyatakan beliau antara orang terawal yang menulis di dalam ilmu hadis walaupun beliau bukanlah orang pertama yang menulisnya secara mutlak. (Lihat Ṣiddīq Ḥasan al-Qannūjī, (1978), *Abjad al-`Ulūm*, Damsyik: Wizārah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qawmī, j. 1, h. 344, `Abd al-Ḥayy Fakhr al-Dīn al- Ḥasanī (1999), *op. cit*, j. 1, h. 45, Hāji Khalīfah, Muṣṭafā bin `Abdullah (t.t), *Kashf al-Ζunūn `an As`amī al-Kutb wa al-Funūn*, Beirut: Dār al-Ḥiyā` al-Turāth al-`Arabī, j. 1, h. 27, Ahmad Amin (1977), *Duḥa al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, j. 1, 231)

⁶³ Isrā`īl bin Mūsā al-Baṣrī merupakan seorang *atbā` al-tābi`īn*. Beliau meriwayatkan hadis daripada Hasan al-Baṣrī, Muḥammad bin Sirīn, Wahb bin Munabbih dan lain-lain. Manakala anak-anak muridnya terdiri daripada Sufyān al-Thawrī, Ibn `Uyaynah dan Yaḥyā bin Sa`īd al-Qatṭān. Abū Ḥatim menganggap beliau sebagai seorang yang *thiqah*. (Lihat `Abd al-Ḥayy Fakhr al-Dīn al- Ḥasanī (1999), *op. cit*, j. 1, h. 41)

⁶⁴ Beliau ialah Najīḥ bin `Abd al-Raḥmān al-Sindī, Abū Ma`shar, termasuk di dalam golongan *atbā` al-tābi`īn* dan merupakan pengarang kitab *al-Maghāzī*. Beliau meriwayatkan hadis daripada Muḥammad bin `Amrū, Nāfi` dan Hishām bin `Urwah. Abū Nu`aym mencatatkan Najīḥ berasal dari Sindh. Meninggal pada tahun 107 H. dan dikebumikan di Baghdad (Lihat `Abd al-Ḥayy Fakhr al-Dīn al- Ḥasanī (1999), *op. cit*, j. 1, h. 50)

Perlu diberi perhatian peringkat awal penyebaran hadis di India pada akhir abad pertama hijrah ini bukanlah menerusi jalan periwayatan (*tariq al-riwayah*) tetapi menerusi siri-siri tazkirah seperti kebiasaan yang dilakukan oleh para pendakwah. Penyebaran hadis melalui jalan periwayatan (*tariq al-riwayah*) hanya bermula pada awal kurun ke-2 Hijrah.⁶⁵ Ini menunjukkan tiadanya perkembangan yang positif bagi ilmu hadis di benua kecil India pada abad pertama hijrah.

Dengan kemasukan ramai orang-orang Arab ke beberapa wilayah seperti Daybul, Multan, Manṣūrah dan Lahore menjadikan tempat-tempat tersebut sebagai pusat berkumpulnya perawi-perawi hadis dan para *muḥaddithīn*. Dari tempat-tempat tersebut munculnya para ulama dan secara tidak langsung kawasan-kawasan itu mempunyai kedudukan tinggi dan menjadi terkenal di mata umat Islam lalu menjadi tumpuan umat Islam dari Timur dan Barat seperti Parsi, Maghribi dan Andalus.⁶⁶

Kegiatan dakwah dan penyebaran hadis ini berterusan berabad lamanya sehingga tumbang Kerajaan Arab di India di akhir abad ke empat hijrah. Bermula dengan penaklukan kedua benua kecil India oleh Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī daripada Afghanistan kemudiannya pemerintahan bertukar tangan kepada kerajaan-kerajaan al-Ghawrī perkembangan ilmu hadith menjadi malap. Ini berikutan kedatangan para ulama dari Khurasan dan Transoxiana (*Mā Warā'a al-Nahr*) ketika penguasaan Kerajaan Ghaznawī yang membawa pendekatan tersendiri di dalam berdakwah. Ilmu hadis ketika

⁶⁵ Untuk maklumat lanjut mengenai beberapa lagi tokoh yang terlibat dalam penyebaran awal ilmu hadis di India sila rujuk Ahmad Maḥmūd al-Sādātī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 77, Abū `Alī al-Banjārī al-Nadwī (1992), *op. cit.*, h. 197-205, al-Qādī Abū al-Ma`ālī Aṭħar al-Mubārakfūrī (1968), *op. cit.*, h. 17, Muhammad Ishaq, Dr (1976), *India's Contribution To The Study Of Hadith Literature*, Bangladesh: The University Of Dacca, p. 22-28

⁶⁶ al-Qādī Abū al-Ma`ālī Aṭħar al-Mubārakfūrī (1968), *op. cit.*, h. 216

itu dipinggirkan kerana mereka banyak memberikan tumpuan kepada syair, matematik dan falsafah Yunani. Di dalam ilmu agama pula mereka lebih menumpukan kepada *fiqh* dan *uṣul al-fiqh*.⁶⁷

Lebih memerlukkan lagi apabila akidah mereka bercampur baur dengan fahaman tasawwuf yang menyeleweng seperti *wahdah al-wujūd*⁶⁸ dan amalan-amalan yang mempunyai unsur-unsur syirik. Ketika itu pengajian agama amat jauh daripada al-Quran dan al-Sunnah. Benua kecil India pada ketika itu tidak mempunyai ulama dan pendakwah hakiki yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah. Tiada kedengaran lagi lafadz *haddathanā* atau *akhbaranā* di seluruh India. Ulama ketika itu tidak lagi menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama tetapi memadai dengan hanya berpegang kepada kitab-kitab *fiqh* sahaja.⁶⁹

Singgungan mereka di dalam ilmu hadis hanyalah kepada beberapa kitab seperti *Mashāriq al-Anwār* oleh al-Ṣaghānī. Jika terdapat ulama yang mampu mentelaah kitab *Maṣābiḥ al-Sunnah* atau *Mishkāt al-Maṣābiḥ* karangan Imām al-Baghāwī, maka mereka seolah-olah telah mencapai taraf *muḥaddithīn*.⁷⁰ Mereka tidak mengambil berat tentang ilmu hadis sama ada untuk membacanya apatah lagi untuk mengenali kitab-kitab hadis dan ahli-ahlinya. Bacaan beberapa kitab hadis seperti yang telah disebutkan di atas hanya sekadar untuk diambil keberkatan sahaja tetapi bukan untuk diamalkan.

⁶⁷ Mas`ūd al-Nadwī (t.t), *op. cit.*, h. 18-19; Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), *op. cit.*, h. 20

⁶⁸ *Wahdah al-Wujūd* bererti Allah s.w.t ialah segala-gala, selain Allah s.w.t atau alam semesta ini pada hakikatnya tidak lain daripada *mazāhir* (*manifestations*), khayalan atau bayang-bayang bagi Allah s.w.t. dan alam ini terjadi melalui Tujuh Martabat atau martabat tujuh. Falsafah Martabat Tujuh ini jelas sesatnya kerana menyamakan Allah s.w.t dengan hambanya. (Lihat Abdulfatah Haron Ibrahim (2005), *Sanggahan ke atas Kitab al-Durr al-Nafīs*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 1-3)

⁶⁹ Mas`ūd al-Nadwī (t.t), *op. cit.*, h. 18-19

⁷⁰ Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2007), *Ilm Muṣṭalaḥ al-Hadīh*, Beirut: Dār Ibn al-Kathir, h. 155

Fiqh yang menjadi asas dalam pegangan agama ketika itu diaplikasi secara taklid. Oleh itu, timbulah fatwa-fatwa baru tanpa berasaskan nas-nas al-Quran dan hadis.⁷¹

1.3.2 Ilmu Hadis Di Benua Kecil India Pada Kurun Ke -10

Kemerosotan pengajian ilmu hadis di benua kecil India berterusan sehingga kehadiran beberapa *muḥaddithīn* dari Hijaz, Hadramaut (Yaman), Mesir, Iraq dan Iran pada kurun ke-10 untuk menyebarkan ilmu hadis. Mereka menetap dan menyebarkan ilmu pengetahuan untuk tempoh masa yang lama sehingga ada antara mereka menabur jasa sehingga menghembuskan nafas terakhir di bumi bertuah ini. Antaranya ialah:

- 1.Al-Shaykh `Abd al-Mu`ṭī Bakthīr al-Makkī (w. 989 H.)
- 2.Al-Shaykh Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Badr al-Dīn al-Miṣrī (w. 992 H.)
- 3.Al-Shaykh Muḥammad bin Aḥmad bin `Alī al-Fākihī al-Ḥanbali (w.993 H.)
- 4.Al-Shaykh Rafī` al-Dīn al-Jishtī al-Shīrazi (w. 954 H.)
- 5.Al-Shaykh Ibrāhīm bin Aḥmad bin al-Ḥasan serta lain-lain lagi.⁷²

1.3.3 *Riħlah `Ilmiyyah* Oleh Ulama Benua Kecil India Ke Negara-Negara Arab

Selain dari para *muḥaddithīn* yang datang menyebarkan ilmu hadis, benua kecil India juga tidak sunyi dari inisiatif para ulama tempatan yang menyambung

⁷¹ Abd al-Ḥayy al-Ḥasanī (1983), *al-Thaqāfah al-Islāmiyyah fī al-Hind*, Damsyik: Majma` al-Lughah al-`Arabiyyah, h. 135-136

⁷² *Ibid.*

pelajarannya ke Mekah dan Madinah serta negara-negara Arab yang lain, kemudian kembali berkhidmat di tanah airnya seperti Al-Shaykh Ḥusām al-Dīn `Alī al-Muttaqī (w. 975 H.).⁷³ Beliau merupakan seorang ulama besar di dalam ilmu hadis. Antara karyanya yang mendapat perhatian para ulama ialah usahanya menyusun *Jam` al-Jawāmi`* oleh Imām al-Suyūṭī mengikut bab-bab fikah yang dinamakan *Kanz al-`Ummāl*. Kitab ini banyak memberikan manfaat dan sumbangan yang besar khususnya kepada ulama-ulama hadis. Hinggakan seorang ulama iaitu al-Shaykh Abū al-Ḥasan a-Bakrī al-Shāfi`ī pernah berkata: “Imām al-Suyūṭī merupakan anugerah kepada dunia, manakala al-Muttaqī pula adalah anugerah kepada Imām al-Suyūṭī”.⁷⁴

Seterusnya ialah Al-Shaykh Muḥammad bin Ṭāhir al-Fattānī al-Gujrātī (w. 986 H.). Beliau ialah anak murid kepada Al-Shaykh Ḥusām al-Dīn `Alī al-Muttaqī yang paling menonjol. Antara karyanya ialah *Majma` Biḥār al-Anwār fi Ghariḍ al-Tanzīl wa Laṭāif al-Akhbār*. Al-Shaykh al-Fattānī bersungguh-sungguh dalam menyebarkan ilmu hadis dan menentang kemungkaran dengan berkarya sehingga akhirnya beliau mati syahid dibunuh.

Kemudiannya usaha penyebaran ilmu hadis diteruskan pula oleh al-Shaykh al-`Allāmah `Abd al-Ḥaqq bin Sayf al-Dīn al-Bukhārī al-Dihlawī (w. 1062 H.) yang menerima pendidikan daripada Hijaz kemudiannya menjadikan Delhi sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan. Beliau menggunakan pendekatan seperti mengajar,

⁷³ Beliau ialah al-Shaykh `Alī al-Muttaqī bin Ḥusām al-Dīn `Abd al-Malik bin Qādi Khān al-Qādirī al-Shādhilī al-Madānī al-Jishtī. Dilahirkan di Burhanpur, Deccan. Beliau menuntut ilmu daripada al-Shaykh Ḥusām al-Dīn al-Multānī dan lain-lain ulama. Pada tahun 953 H. berhijrah ke *al-Haramayn al-Sharīfayn* untuk menuntut ilmu dari al-Shaykh Abū Ḥasan al-Bakrī. Antara usahanya dalam penulisan ialah menyusun semula *Jam` al-Jawāmi`* oleh Imām al-Suyūṭī mengikut bab-bab fikah. Beliau meninggal pada 975H. (Lihat Ṣiddīq Ḥasan Khān al-Qannūjī (1307H/1189M) *op. cit.*, j. 3, h. 221)

⁷⁴ Waliyy al-Din al-Nadwi (1995) *op. cit.*, h. 51, Ṣiddīq Ḥasan Khān al-Qannūjī (1307H/1189M) *op. cit.*, j. 3, h. 221, Waliyy al-Din al-Nadwi (1995) *op. cit.*, h. 51

mengarang, menghurai dan memberikan ulasan kepada kitab-kitab dalam usaha menyebarkan ilmu hadis. Usaha beliau kemudiannya diteruskan oleh anak-anak dan cucu-cucunya yang mana dari tangan-tangan mereka muncullah ulama-ulama besar di serata benua kecil India.⁷⁵

Usaha yang mulia ini disambung pula oleh al-Shaykh al-Muḥaddith al-Imām Aḥmad bin `Abd al-Rahīm al-Dihlawī yang lebih dikenali dengan panggilan Waliyyullāh al-Dihlawī (w. 1076 H.)⁷⁶ pengarang karya ulung *Hujjah Allāh al-Bālighah*. Beliau berhijrah ke Hijaz untuk menimba ilmu hadis. Di sana beliau menerima pendidikan daripada Shaykh Abī Ṭāhir Muḥammad bin Ibrāhīm al-Kurdi al-Madani dan lain-lain ulama besar Mekah dan Madinah. Setelah kembali ke tanah airnya beliau berusaha menyebarkan ilmu hadis dengan cara mengajar, menyusun dan mengarang beberapa kitab di dalam ilmu hadis. Antara usahanya ialah menghuraikan kitab *Muwatṭa`* Imam Malik di dalam Bahasa Arab dan juga Bahasa Parsi, selain itu beliau turut menghuraikan *Tarājim Abwāb al-Bukhārī*. India ketika itu telah menjadi *dawlah al-hadith* di mana ilmu hadis menjadi syarat di dalam kesempurnaan ilmu serta syiar kepada golongan *sāliḥ* dan orang-orang yang mempunyai akidah yang benar. Bahkan seseorang itu tidak dianggap sebagai seorang *‘ālim* apabila tidak menguasai ilmu hadis.

⁷⁵ Abd al-Ḥayy al-Ḥasanī (1983), *op. cit.*, 137, Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2007), *op. cit.*, h. 157

⁷⁶ Beliau ialah Shaykh Qutb al-Dīn Aḥmad Waliyyullāh bin Aḥmad bin `Abd al-Rahīm bin Wajīh al-Dīn al-Dihlawī. Beliau dilahirkan pada 1114 hijrah. Mula menuntut pelbagai ilmu pengetahuan dalam Bahasa Arab dan Parsi daripada ayahandanya. Kemudiannya berhijrah ke Mekah dan Madinah pada tahun 1143 dan menghabiskan masa selama dua tahun menuntut ilmu antaranya dari al-Shaykh Abī Ṭāhir Muḥammad bin Ibrāhīm al-Kurdi. Beliau bertalaqqi pelbagai kitab seperti Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Jāmi` al-Tirmidhi, Sunan Abī Dawūd, Sunan Ibn Mājah, Muwattā` Mālik, Risālah al-Shāfi`ī dan lain-lain daripada awal hingga akhir di Masjid Nabawi. Antara karyanya dalam ilmu hadis *al-Muṣaffā Sharh al-Muwatṭa`*, *Sharh Tarājim al-Abwāb al-Bukhārī*, *al-Nawādir min Aḥādīth Sayyid al-Awā'il wa al-Awākhir*. Manakala kitabnya yang paling terkenal ialah *Hujjah Allāh al-Bālighah* di dalam bidang *Uṣūl al-Dīn*. Beliau meninggal pada 1176 H. di Delhi pada umur 62 tahun. (Lihat `Abd Al-Ḥayy al-Hasanī (1999), *op. cit.*, j. 6. h. 856)

Imām al-Dīhlawī mempunyai ramai anak murid, antaranya ialah al-Shaykh al-Muḥaddith al-Shāh `Abd al-`Azīz, al-Shaykh, al-Shāh `Abd al-Qādir dan al-Shaykh Rafī` al-Din. al-Shaykh al-Muḥaddith al-Shāh `Abd al-`Azīz merupakan salah seorang anak Imām al-Dīhlawī yang paling menonjol di dalam penyebaran ilmu hadis selepas kematian Imām al-Dīhlawī. Hasil didikan al-Shaykh al-Muḥaddith al-Shāh `Abd al-`Azīz muncul pula para ulama hadis seperti al-Shaykh al-Sayyīd al-Shāh Muḥammad Ismā`īl al-Shāhid dan al-Shaykh Muḥammad Ishāq al-Dīhlawī. Selepas kematian al-Shaykh al-Muḥaddith al-Shāh `Abd al-`Azīz tempat beliau digantikan oleh al-Shaykh Muḥammad Ishāq al-Dīhlawī. Beliau berjaya mendidik dan melahirkan lebih ramai lagi sarjana hadis seperti al-Imām al-Shaykh Muḥammad Qāsim al-Nanūtuwī, al-Muḥaddith al-Shaykh Nadhīr Husayn al-Dīhlawī dan al-Shaykh Rashīd Aḥmad al-Kankūhī serta ramai lagi.⁷⁷

Demikianlah secara ringkas sejarah pertumbuhan dan perkembangan ilmu hadis di benua kecil India sebelum zaman Imām al-Laknawi. Kebangkitan itu tercetus dengan usaha al-Shaykh al-Dīhlawī kemudiannya diteruskan oleh anak-anak muridnya. Selain nama-nama di atas masih ramai lagi ulama hadis yang penulis tidak disebutkan di sini. Apa yang dicatatkan merupakan nama-nama penting yang banyak memberikan sumbangan dalam perkembangan ilmu hadis di benua kecil India. Kemunculan mereka mewarnai ilmu hadis dengan karya-karya agung khususnya setelah zaman kemerosotan ilmu ini pada kurun ke-10 di negara-negara seperti Mesir, Syam dan Hijaz. Dengan titik peluh dan keberkatan yang dikurniai Allah s.w.t kepada mereka, maka ilmu hadis terus berkembang subur di benua kecil India dan di tempat-tempat lain sehingga ke hari ini.

⁷⁷ Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), *op. cit.*, h. 24-29

Shaykh Rashīd Rīḍā pernah mencatatkan di dalam pendahuluan kitab *Miftāḥ Kunūz al-Sunnah* : “ Jika tidak kerana perhatian saudara-saudara kita para ulama India terhadap ilmu hadis pada zaman ini, nescaya ilmu itu hilang di negara-negara Timur, sesungguhnya perkembangan ilmu hadis telah merosot di Mesir, Shām, Iraq dan Hijaz sejak kurun ke-10 hijrah, sehingga menjadi terlalu lemah pada awal-awal kurun ke-14 ini”.⁷⁸

1.4 Institusi-Institusi Pengajian Hadis Di Benua Kecil India

Sumbangan ulama benua kecil India kepada bidang hadis di kurun-kurun terakhir ini sememangnya tidak dinafikan. Di sana munculnya madrasah-madrasah dan pusat-pusat pengajian yang menjadikan *kutub al-sittah* dan lain-lain kitab hadis sebagai silibus di dalam pengajaran dan pembelajaran. Dari pusat-pusat pengajian inilah lahirnya para *muhaddithīn* dan *huffāẓ* yang berusaha mengajar, mengkaji, menghurai ilmu hadis dan mengarang kitab-kitab hadis.⁷⁹

Penulis merasakan perlu untuk menyentuh secara ringkas institusi-institusi pengajian hadis yang muncul di benua kecil India ketika hayat Imām al-Laknawi. Institusi-institusi ini mempunyai peranan yang sangat besar dalam perkembangan ilmu hadis di benua kecil India. *Halaqah `Ilmiyyah* yang diadakan oleh para ulama menarik minat ramai pelajar untuk datang menuntut ilmu dan secara tidak langsung terdirinya

⁷⁸ Lihat Arent Jean Wensinck (1978), *Miftāḥ Kunūz al-Sunnah*. Muḥammad Fu`ād `Abd al-Bāqī (terj.) Lahore:Maṭba`ah Ma`ārif, h. ۹

⁷⁹ Untuk senarai ulama-ulama hadis India terkini sila lihat Muḥammad Ḥāfiẓ bin Sūrūnī (2007), “ Juhūd al-`Ulamā` al-Muslimīn fī Sharḥ Kutub al-Ḥadīth” , *Mu`tamar `Ālamī `an Manāhij Tafsir al-Qurān wa Sharḥ ʻal-Ḥadīth al-Sharīf*, Gombak: Dār al-Tajdīd li al-Tibā`ah wa al-Nashr wa al-Tarjamah, j. 2, h. 1182

madrasah-madrasah dan institusi-institusi pengajian hadis. Antara institusi hadis yang terkenal di benua kecil India ialah:

1. Dār al-`Ulūm Deoband

Antara pusat pengajian terkenal di benua kecil India ialah Dār al-`Ulūm Deoband. Dār al-`Ulūm Deoband merupakan sebuah pusat pengajian Islam terawal di benua kecil India yang diperakui oleh ramai ulama termasuklah Shaykh Muḥammad Rāshīd Rīḍā yang pernah menghadiri satu majlis yang disampaikan oleh al-Sayyid Anwār Shāh al-Kashmīrī.⁸⁰ Bermula dengan hanya sebagai pusat pengajian kecil yang menekankan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kemudiannya berkembang sebagai sebuah Universiti Islam terbesar di benua kecil India dan dianggap sebagai “Azhar India”. Dār al-`Ulūm Deoband diasaskan pada 15 Muharram 1283 Hijrah bersamaan 30 Mei 1867 di sebuah masjid kecil di Deoband oleh beberapa ulama yang diketuai oleh al-Shaykh al-Imām Muḥammad Qāsim al-Nanūtuwī (w. 1297 H.), al-Shaykh Rāshīd Aḥmad al-Kankūhī (w. 1323 H) dan al-Shaykh al-Ḥāj Ḥusayn (w. 1331 H.). Antara objektif penubuhannya untuk menjadikan pengajian al-Quran dan al-Sunnah dan ilmu-ilmu lain yang mempunyai kaitan dengannya diperingkat tertinggi, menekankan pengajian Bahasa Arab dan melahirkan para ulama yang menguasai ilmu pengetahuan serta mampu menyebarkan Islam. Manakala antara ciri-cirinya pula yang ialah pengajian hadis di sini meliputi *riwāyah* dan *dirāyah*. Dār al-`Ulūm Deoband adalah universiti swasta dan tidak menerima bantuan daripada pihak kerajaan. Pengajian di sini adalah

⁸⁰ Mujahid Muṣṭafā Bahjat (2008), “Juhūd al-Muḥaddithīn fī Khidmah al-Ḥadīth al-Nabawiy”, dalam Mohd. Radzi Othman et. al., *Warisan al-Hadis Antara Teras Dengan Dinamika Pemikiran*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 175

percuma dan sumber kewangannya diperolehi daripada sumbangan orang ramai serta masyarakat Islam yang cintakan ilmu pengetahuan.⁸¹

Dār al-`Ulūm Deoband berjaya melahirkan ramai ulama berwibawa yang banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu dan agama antaranya al-Shaykh Maḥmūd Ḥasan al-Deobandi (w. 1339H) yang digelar Shaykh al-`Ālim juga dikenali sebagai Shaykh al-Hind yang mempunyai karya terjemahan dan tafsir al-Quran di dalam Bahasa Urdu. Selain beliau ialah Mawlānā Ashraf `Alī al-Tahānuwi (w. 1362H) yang mana karyanya mencapai 910 buah termasuk 13 daripadanya di dalam Bahasa Arab.⁸²

2. Madrasah Mazāhir al-`Ulūm Sahāranfur

Madrasah ini diasaskan pada bulan Rejab tahun 1283H dan dianggap antara pusat penyebaran ilmu yang penting di benua kecil India. Ianya diasaskan setelah beberapa bulan Madrasah Dār al-`Ulūm, Deoband didirikan. Madrasah ini diasaskan oleh Maulāna Sa`ādah `Ali al-Sahāranfuri tetapi zaman kegemilangnya adalah ketika dibawah pimpinan Mawlānā Muḥammad Mažhar al-Nanūtuwī (w. 1302H). Madrasah ini melahirkan ramai ulama hadis yang mempunyai karya-karya hebat seperti al-Shaykh al-Imām Khalīl Aḥmad al-Sahāranfuri (w. 1346H) pengarang kitab *Badhl al-Majhūd fi Sharh Sunan Abī Dawūd* dan al-`Allāmah al-Muḥaddith Muḥammad Zakariyya al-Kandahlawī (w. 1982M) pengarang kitab *Awjaz al-Masālik īlā Muwaṭṭa` Mālik*.

⁸¹ Abū Hasan `Alī al-Hasanī al-Nadwī (1987), *op.cit.*, h. 166, Waliyy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*, h. 39, <http://www.darululoom-deoband.com/arabic/index.htm..> 9 Februari 2010

⁸² Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1997), *Tarājim Sittah min Fuqahā` al-`Ālam al-Islāmiyy fī al-Qarn al-Rābi` `Ashar wa Āthāruhum al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyy, h. 12, `Abd al-Ḥayy al-Hasanī (1999), *op. cit.*, j. 8, h. 56

Madrasah ini terkenal dengan guru-guru dan pelajar-pelajarnya yang hidup dalam kesederhanaan tetapi mempunyai pegangan agama yang kuat.⁸³

3. Madrasah Farangi Maḥal Lucknow

Madrasah ini diasaskan oleh al-Shaykh Niẓām al-Dīn bin Qutb al-Dīn al-Anṣārī al-Laknawī (w. 1061H) Shaykh Niẓām al-Dīn terkenal sebagai seorang penggubal kurikulum pembelajaran yang khusus untuk pengajian Islam untuk seluruh madrasah-madrasah di benua kecil India. Kurikulum ini dikenali sebagai *al-Dars al-Niẓāmī*⁸⁴ masih digunakan dalam sistem pembelajaran di India sehingga kini dengan sedikit pengubahsuaian. Madrasah ini terkenal dengan pengajian Islam dan falsafah. Walaubagaimanapun kedudukannya sebagai sebuah pusat pengajian telah hilang setelah kematian Imām al-Laknawī ke pada 1304 H.⁸⁵

4. Dār al-`Ulūm Nadwah al-`Ulamā` Lucknow

Madrasah ini diasaskan oleh Nadwah al-`Ulamā` di Lucknow pada tahun 1312H oleh al-Shaykh Muḥammad `Ali al-Munkirī dan rakan-rakannya. Ianya bercirikan kesederhanaan dan menggabungkan antara kurikulum lama dan baru. Kurikulum

⁸³ Waliyy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*, h. 40, Abū Ḥasan `Alī al-Hāṣanī al-Nadwī (1987), *op. cit.*, h. 116

⁸⁴ Kurikulum *Niẓāmī* mengkelaskan murid-murid mengikut pencapaian masing-masing. Kurikulum yang digubal oleh Shaykh Niẓām al-Dīn ini masih diteruskan di Pakistan sehingga sekarang dengan sedikit pengubahsuaian untuk diselaraskan dengan sistem pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi sekarang. Secara umum kurikulum ini menggabungkan Pengajian Islam dan Sains Sosial serta mengandungi silibus-silibus seperti al-Quran, Hadis, Bahasa Arab dan *fiqh*. Silibus ini mengambil masa selama lapan tahun untuk diselesaikan. (Lihat Fakhr-ur-Islam, Dr. (2009), “Reforms In Religious Madaris Of Pakistan”, *The Dialogue Quarterly Research Journal*, Pakistan: Qurtuba University, v. IV No. 2, Spring 2009, p. 204-205, Abū `Ali al-Banjari al-Nadwī (1992), *op. cit.*, h. 152)

⁸⁵ Waliyy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*, h. 41, Sayyid `Abd. Al-Mājid al-Ghawrī (2000), *op. cit.*, h. 155

pengajiannya berubah mengikut peredaran zaman dan keperluan orang Islam dengan mengekalkan prinsip-prinsip asas Islam. Pengajian di sini menitik beratkan al-Quran dan hadis di samping ilmu-ilmu moden agar dapat melahirkan ilmuan yang menguasai kedua-dua bidang ilmu ini. Bahasa Arab amat diberi perhatian dengan dijadikan bahasa pertuturan, penulisan dan digunakan di dalam penyampaian khutbah. Bagi menjayakan hasrat ini guru-guru daripada negara Arab dipanggil untuk mengajar para pelajar di sini sehingga disebut-sebut *māfi al-Nadwah ghayr al-`Arabiyyah*.

Dār al-`Ulūm berjaya melahirkan ramai sarjana Islam di dalam pelbagai bidang ilmu *Hadith*, *Sīrah*, *Tārīkh*, *`Ilm al-Kalām* dan *al-Adab*. Antara sarjana yang lahir dari sini ialah penyair terkenal Muḥammad Iqbāl, Al-`Allāmah al-Sayyid Sulaymān al-Nadwī, al-Shaykh Mas`ūd `Ālim al-Nadwī, a-Shaykh Abū Ḥasan `Ali al-Nadwī dan al-Shaykh Muḥammad Nāzim al-Nadwi.⁸⁶

Di sana masih terdapat banyak lagi madrasah-madrasah yang penulis tidak jelaskan di sini seperti madrasah Shāh Waliyyullāh al-Dihlawī, Madrasah al-Amīr Ṣiddīq Ḥasan Khān, Jāmi`ah Salafiyyah dan lain-lain.⁸⁷ Madrasah-madrasah ini mempunyai peranan yang besar dalam menyebarkan ilmu hadis dan kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat khususnya pada masa penjajahan Inggeris. Madrasah-madrasah yang diasaskan ulama ini menangkis serangan-serangan Kristian dan Hindu dalam usaha meragukan umat Islam terhadap agama mereka. Pengajian hadis amat dititikberatkan kerana ianya merupakan sumber syariat dan intipati untuk kembali kepada Islam yang

⁸⁶ Abū Ḥasan `Alī al-Nadwī (1987), *op. cit.*, h. 123, Mas`ūd al-Nadwi (t.t), *op. cit.*, h. 195-198, Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawri (2000), *op. cit.*, h. 157-159

⁸⁷ Untuk maklumat lanjut mengenai Institusi-Institusi Pengajian Hadis di India sila rujuk *al-Muslimūn fī al-Hind* oleh Abū Ḥasan `Alī al-Ḥāṣanī al-Nadwī di bawah tajuk *Marākiz al-`Ilm wa al-Thaqāfah al-Islāmiyyah fī al-Hind*

sebenar. Para ulama India yang menyedari hakikat ini mengambil inisiatif menyebarkan hadis secara serius. Imām al-Laknawī yang hidup pada zaman kebangkitan dakwah Islam di benua kecil India pada masa itu turut menerima kesan mendalam daripada kesedaran ini dalam pembentukan peribadi dan kecemerlangan keilmuan beliau.

1.5 Kesimpulan

Agama Islam masuk ke benua kecil India melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh pedagang-pedagang Arab yang datang berdagang dan singgah sebelum meneruskan pelayaran ke tempat-tempat lain. Perluasan kuasa juga merupakan salah satu cara Islam sampai ke negara ini. Idea perluasan kuasa telah bermula seawal zaman *Khulafā' al-Rāshidīn* tetapi India hanya dapat kuasai secara besar-besaran pada zaman Khalifah Mu`āwiyah pada tahun 92H (711M) oleh Mūhammad bin Qāsim al-Thaqāfī. Selain itu usaha dakwah yang dijalankan oleh sebahagian ulama juga merupakan salah satu cara Islam sampai ke benua kecil India.

Pengajian hadis secara intensif di benua kecil India bermula pada kurun-kurun ke-2 dan ke-3 hijrah oleh beberapa ulama yang datang dari negara-negara Arab bersama pemimpin-pemimpin Islam yang membuka negara ini. Pengajian ini menjadi malap setelah tumbangnya kerajaan Arab di benua kecil India pada kurun ke empat hijrah.

Kehadiran para ulama hadis dari Negara-Negara Arab ke benua kecil India dan *riḥlah 'ilmīyyah* yang dilakukan oleh para ulama benua kecil India khususnya ke *al-*

Haramayn al-Sharīfayn kemudiannya kembali ke tanah air menyebarluaskan ilmu pengetahuan merancakkan semula pengajian hadis pada kurun ke-10 H.

Al-Shaykh Waliyyullāh al-Dihlawī merupakan individu penting yang bertanggungjawab di dalam perkembangan ilmu hadis kerana khidmatnya yang besar di dalam perkembangan ilmu ini. Beliau menjalankan khidmatnya kepada ilmu ini dengan cara mengajar, mendidik dan mengarang.

Kewujudan pusat-pusat pengajian hadis di benua kecil India ditubuhkan atas inisiatif para ulama berperanan sebagai tempat penyebaran hadis. Selain itu, ia juga sebagai pusat penyebaran pelbagai ilmu agama bagi masyarakat setempat untuk menangkis dakwah Kristian yang dibawa oleh Inggeris untuk menggoyah pegangan akidah umat Islam.

BAB DUA

BIOGRAFI AL-IMĀM `ABD AL-ḤAYY AL-LAKNAWĪ DAN SHAYKH ẒAFAR AHMAD AL-`UTHMĀNĪ AL-TAHĀNAWĪ

2.1 Pengenalan

Perbincangan di dalam bab ini menjurus kepada biografi Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī seperti nama, gelaran, nasab, tempat lahir, keluarga, keperibadian, sakit dan kematian. Penulis juga menyentuh mengenai latar belakang pendidikan yang merangkumi usaha-usaha yang dilakukan dalam menuntut ilmu, pujian-pujian ulama dan juga karya-karya yang pernah dihasilkan.

2.2 Biografi Imām al-Laknawī

Berikut adalah merupakan latar belakang Imām al-Laknawī.

2.2.1 Nama Dan Gelaran

Nama beliau ialah Abū al-Ḥasanāt `Abd al-Ḥayy bin `Abd al-Ḥalīm bin Amin Allah bin Muḥammad Akbar bin Abī al-Raḥīm bin Muḥammad Ya`qūb bin `Abd al-`Azīz bin Muḥammad Sa`īd bin al-Shaykh al-Shahīd Quṭb al-Dīn al-Anṣārī al-Sihālawī al-Laknawī.⁸⁸ Beliau digelar Abū al-Ḥasanāt. Gelaran ini diperakui oleh beliau dengan kata-katanya: “Aku diberi gelaran Abū al-Ḥasanāt oleh ayahku setelah aku akil baligh.”⁸⁹

⁸⁸ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, j.8, h. 1268; `Abd al-Ḥayy bin `Abd al-Kabīr al-Kattāni (1982), *op. cit.*, h. 728; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, h. 187; Muḥammad bin Ja`far

2.2.2 Kelahiran Dan Keturunan

Imām al-Laknawī dilahirkan di Bandhan, satu wilayah di Lucknow, Uttar Pradesh, India pada hari Selasa 26 Zulkaedah 1264 Hijrah (1848M).⁹⁰ al-Laknawī dinisbahkan kepada Lucknow ibu negeri Uttar Pradesh yang terletak berdekatan sungai Jumti.⁹¹ Pada masa penjajahan Inggeris Lucknow merupakan ibu negeri Udah dan ianya terkenal sebagai tempat kelahiran ramai ulama.⁹²

Jika diselidiki keluarga Imām al-Laknawī, datuk-datuknya berasal dari Hijaz yang kemudiannya berpindah ke Herat, Delhi, Sihālī sehingga perpindahan yang terakhir ke Lucknow. Salasilah keturunan beliau dari sebelah bapa akhirnya bertemu dengan Sayyidina Abī Ayyūb al-Anṣārī yang merupakan salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w.⁹³

2.2.3 Perkahwinan Dan Keluarga

Imām al-Laknawī berkahwin dengan sepupunya iaitu anak kepada al-Maulawī al-Ḥāfiẓ Muḥammad al-Mahdī bin Maulāna Muḥammad Yūsuf⁹⁴ pada bulan Jamadil

⁸⁹ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1991), *al-Ta`līq al-Mumajjad `Ala Muwaṭṭa` Muḥammad*, Taqiyy al-Dīn al-Nadwī (ed), Damsyik: Dār al-Qalam, h. 109

⁹⁰ Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1268; Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *al-Imām `Abd al-Ḥayy al-Laknawī `Allāmah al-Hind wa Imām Al-Muḥaddithīn wa al-Fuqahā`*, Dimashq: Dār al-Qalam, h.60; Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), *A`lām al-Muḥaddithīn fī al-Hind fī al-Qarn al-Rābi`i `Ashar al-Hijrī wa Atharuhum fī al-Ḥadīth wa `Ulāmih*, Beirut: Dār Ibn al-Kathīr, h. 47.

⁹¹ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op.cit.*, h. 60

⁹² Abd al-Ḥayy al-Ḥusnī (1983), *al-Thaqāfah al-Islāmiyyah fī al-Hind*, Dimahshq: Majma` al-Lughah al-`Arabiyyah, h. 11

⁹³ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 60, 67

⁹⁴ Beliau ialah Muḥammad Yūsuf bin Muḥammad Asghar. Merupakan seorang yang tampan, kuat bermujahadah dan beribadah. Mempunyai beberapa karya seperti *Ta`līqāt `alā Tafsīr al-Baḍī* dan *Ta`līqāt*

Akhir tahun 1283H.⁹⁵ Ini bermakna Imam al-Laknāwī berkahwin pada usia 19 tahun. Isterinya meninggal dunia pada tahun 1308H di Mekah al-Mukarramah iaitu lebih kurang empat tahun setelah Imām al-Laknāwi menghembuskan nafasnya yang terakhir. Beliau dikurniakan anak-anak tetapi semuanya meninggal dunia ketika hayat beliau kecuali seorang anak perempuan yang dikahwinkan dengan anak muridnya sendiri iaitu Mufti Muḥammad Yūsūf.⁹⁶

Imām al-Laknawī dibesarkan dalam sebuah keluarga yang menitikberatkan agama dan ilmu. Bapanya Shaykh Muḥammad `Abd al-Ḥalīm⁹⁷ merupakan seorang ulama besar India yang mempunyai pelbagai karya dalam bidang tafsir dan hadis. Beliau berpeluang menuaikan haji pada 1279H dan ketika itu mengambil peluang bertemu dan menuntut ilmu serta mengambil *ijāzah* ilmu daripada alim ulama di sana. Setelah itu pulang ke India dan menyebarkan ilmu yang diperolehi untuk tempoh masa yang lama. Beliau meninggal dunia pada tahun 1285H ketika berumur 46 tahun dan dikebumikan di Hyderabad.⁹⁸

⁹⁵ `alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. (Lihat `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1326H) *Muqaddimah``Umdat al-Ri`āyah fi Ḥall Sharḥ al-Wiqāyah*, India: al-Maṭba` al-Yūsufi li Muḥammad Yūsuf al-Anṣārī al-Laknawī, h. 28)

⁹⁵ Ṣolāḥ Muḥammad Sālim Abū al-Ḥāj (2002), *al-Manhaj al-Fiqhī li al-Imām al-Laknawī*, Jordan:Dār al-Nafāis, h. 36

⁹⁶ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 83

⁹⁷ Beliau ialah Muḥammad `Abd al-Ḥalīm bin Amīn Allah bin Muḥammad Akbar bin Aḥmad bin Ya`qūb al-Anṣārī al-Laknawī merupakan seorang ulama besar India, menuntut ilmu dari bapanya dan beberapa ulama lain seperti Mufti Yūsuf bin Muḥammad Asghar al-Laknawī, Shaykh Ni`mat Allah al-Anṣārī. Menerima hadis secara bersanad dari Shaykh Husayn Aḥmad al-Malīḥ Ābādī. Beliau seorang yang alim di dalam Ilmu Mantik, Ilmu Kalam, Usul Fiqh dan Hadis. Antara karyanya : *al-Taḥqīqāt al-Marḍīyyah li Halli Ḥāshiah al-Sayyid al-Zāhid `alā al-Risālah al-Quṭbiyyah, al-Qawl al-Aslam li Ḥall Sharḥ al-Sullam dan Qamar al-Aqmār Ḥashiah Nūr al-Anwār*. Beliau meninggal pada 1285H dan dikebumikan di Hyderabad. (Lihat `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1004)

⁹⁸ Sayyid `Abd al-Mājīd al-Ghawrī (200), *op.cit.*, h. 46

2.2.4 Keperibadian

Penulis berusaha mengumpul maklumat tentang sifat baik yang terjalin dalam diri Imām al-Laknawī melalui buku-buku yang menceritakan tentang latar belakangnya. Beliau merupakan seorang yang tenang di dalam percakapan dan tidak terburu-buru untuk menjawab persoalan yang diajukan. Sifatnya terserlah ketika di dalam majlis ilmu apabila berlakunya sesuatu perbincangan atau perbahasan tentang sesuatu topik, beliau hanya mendiamkan diri dan memandang kepada mereka yang berbicara. Apabila selesai majlis ilmu tersebut, beliau akan bertemu dengan mereka dan bertutur dengan kata-kata lembut yang dapat diterima dan memuaskan hati pendengar.⁹⁹

Anak muridnya al-Bandawī¹⁰⁰ turut menjelaskan keperibadian mulia beliau diperakui sama ada rakan atau lawan. Imām al-Laknawī bertutur dengan baik dan tidak dengan kata-kata yang menyakitkan hati dan mengguris perasaan hati, tidak mengumpat seseorang walaupun orang itu pernah berdebat dengan beliau, juga tidak bertutur dengan tutur yang tidak enak didengar.¹⁰¹

Selain itu antara sifat yang menunjukkan beliau seorang yang mempunyai keperibadian yang tinggi ialah sikapnya yang sangat pemaaf, menghormati dan memuliakan seseorang walaupun kepada orang yang tidak sependapat dengannya. Perkara ini diceritakan oleh `Abd al-Bāqī al-Sahsawānī ketika mana Shaykh

⁹⁹ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1268

¹⁰⁰ Beliau ialah Ḥafiz Allah bin Din `Alī al-Bandawī yang merupakan salah seorang murid al-Imām al-Laknawī. Dilahir dan dibesarkan di Banda sebuah kampung di Azamgarh, India. Menerima pendidikan daripada Maulānā `Abd Allah al-Ghāzīfūrī dan lain-lain ulama. Setelah itu berpindah ke Lucknow lalu menerima pendidikan dan mengambil hadis secara bersanad daripada al-Imām al-Laknawī. Kerajaan Inggeris ketika itu menggelarnya dengan gelaran *Shams al-`Ulamā*. Antara karyanya yang masyhur ialah *Kanz al-Barakāt Fī Sīrah Abī al-Ḥasanāt*. Beliau meninggal pada tahun 1362H (Lihat `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1217-1218)

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 89

Muhammad Bashir al-Sahsawani¹⁰² datang ke Lucknow dan menjadi tetamu kepada Imām al-Laknawi, beliau menyambut Shaykh Muhammad Bashir al-Sahsawani dengan rasa hormat dan wajah yang berseri-seri, bahkan beliau menjadikannya sebagai tetamu lebih lama dari tempoh yang diperlukan oleh Shaykh Muhammad Bashir al-Sahsawani.

Imām al-Laknawi juga mempunyai sifat *qanā'ah*. Beliau menolak perkara-perkara yang berlebihan tetapi memadai dengan apa yang ada pada dirinya. Contohnya beliau menolak untuk berada dalam pentadbiran kerajaan dan kedudukan yang selesa. Perkara ini jelas dilihat ketika beliau menolak jawatan di dalam kerajaan yang disandang bapanya ketika hayat beliau walaupun didesak oleh rakan-rakan dan saudara maranya. Sifat ini diakui sendiri oleh beliau dengan kata-katanya : “ Antara kurniaanNya (iaitu Allah s.w.t) kepadaku, Dia mengekalkan kecintaan di dalam hatiku kepada ilmu dan mengeluarkan aku dari mencintai perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran”¹⁰³.

Jelas daripada apa yang dinyatakan di atas Imām al-Laknawi mempunyai akhlak yang terpuji yang harus dijadikan teladan khususnya bagi para pendakwah dan alim ulama.

¹⁰² Beliau ialah al-Fādil al-`Allāmah al-Muḥaddith Muḥammad Bashir Bin Badr al-Dīn Bin Ṣadr al-Dīn al-`Umari al-Sahsawāni yang merupakan salah seorang ulama yang masyhur di India. Seorang yang warak, bertakwa dan sangat pintar serta memiliki kemahiran yang tinggi di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*. Mengambil hadis daripada Shaykh Nadhir Husayn al-Dihlawi. Mempunyai pelbagai karya antaranya *Siyānat al-Insān fī Radd `alā al-Shaykh Aḥmad bin Zayn Daḥlan*, *Risālah fī Taḥqīq al-Ribā* dan *Risālah fī al-Radd `alā al-Qadiyānī*. Berlaku perselisihan pendapat antara beliau dengan al-Imām al-Laknawi berkenaan menziarahi makam Rasulullah s.a.w. Beliau mengatakan menziarahi makam adalah sunat manakala Imām al-Laknawi mengatakannya wajib. Walaubagaimanapun Imām al-Laknawi memuliakan Shaykh Muḥammad Bashir al-Sahsawāni ketika beliau menjadi tetamu kepadanya. Manakala Shaykh Muḥammad Bashir al-Sahsawāni turut menghadiri majlis ilmu Imām al-Laknawi dan duduk dengan beradab dan tenang. Beliau meninggal di Delhi pada Jamadil Akhir tahun 1323H. (Lihat `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1352; Walīy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 311)

¹⁰³ Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), *op.cit.*, h. 55-56

2.2.5 Pendidikan

Imām al-Laknawī mula menuntut ilmu sejak kecil sebagaimana kebiasaan para ulama dan *muḥaddithīn*. Secara kasar, di dalam menuntut ilmu beliau melalui beberapa peringkat iaitu peringkat yang pertama bermula ketika berumur lima sehingga sepuluh tahun. Manakala peringkat yang kedua ketika umurnya sebelas tahun sehingga alihnya mencapai tujuh belas tahun.

Beliau mula menghafal al-Quran pada usia lima tahun di bawah bimbingan *hāfiẓ* Qāsim `Alī al-Laknawī ketika mana beliau tinggal di Lucknow. Walaubagaimanapun belum sempat beliau menghabiskan surah *al-Naba`* beliau mengikuti ayahandanya berpindah ke Jaunpur lalu meneruskan hafalan di bawah bimbingan *hāfiẓ* Ibrāhīm. Selain kedua-dua individu tersebut, beliau turut menerima tunjuk ajar dari ayahandanya sendiri sehingga alihnya selesai menghafal al-Quran ketika berumur sepuluh tahun. Di samping menyelesaikan hafalan al-Quran beliau turut mempelajari kitab-kitab dalam bahasa Parsi, *inshā* dan juga khat daripada ayahandanya. Selain itu, beliau ditugaskan oleh ayahandanya menjadi imam solat tarawih di Jaunpur ketika berumur sebelas tahun.¹⁰⁴

Peringkat kedua bermula ketika beliau berumur sebelas tahun. Selepas selesai menghafal al-Quran beliau mula menuntut ilmu secara serius dalam pelbagai bidang ilmu daripada ayahandanya sendiri. Antara bidang ilmu yang dipelajari ialah *al-ṣarf*, *al-*

¹⁰⁴ `Abd al-Hayy al-Laknawī (2004), *op. cit.*, h. 21-22

naḥw, al-ma`āni, al-bayān, al-mantiq, al-hikmah, al-tibb, ilmu kalam, hadis, tafsir dan lain-lain sehingga beliau mencapai umur tujuh belas tahun.¹⁰⁵

Imām al-Laknawī bukan sahaja menuntut ilmu agama sahaja bahkan ilmu-ilmu lain seperti statistik dan matematik. Setelah kematian bapanya beliau menuntut ilmu statistik daripada Mufti Ni`mat Allah al-Anṣārī al-Laknawī dan ilmu matematik daripada anak murid ayahandanya yang terbaik iaitu al-Maulawī Khādim Husayn.¹⁰⁶

Dalam menyatakan pendidikan yang pernah diterimanya beliau berkata : “Aku mula menuntut ilmu daripada ayahandaku setelah selesai menghafal al-Quran, aku selesai menuntut semua kitab *ma`qūl* dan *manqūl* ketika umurku tujuh belas tahun, aku tidak mempelajari sesuatupun selain daripadanya melainkan beberapa kitab ilmu matematik yang aku pelajari daripada bapa saudara ayahandaku dan juga gurunya iaitu Maulāna Ni`mat Allah (wafat 1290H) setelah kematian ayahandaku”.¹⁰⁷

Kenyataannya di atas menunjukkan Imam al-Laknawī lebih banyak menerima pendidikan secara langsung daripada ayahandanya berbanding dengan guru-gurunya yang lain.

2.2.6 Guru-Guru Dan *Ijāzah `Ilmiyyah*

Sepertimana yang telah diketahui, Imam al-Laknawī memulakan pendidikan dengan mempelajari al-Quran daripada *hāfiẓ* Qāsim al-Laknawī dan *hāfiẓ* Ibrāhīm.

¹⁰⁵ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1334H), *al-Fawāid al-Bahiyyah fī Tarājim al-Hanafiyah*, Beirūt: Dār al-Ma`rifah, h. 248

¹⁰⁶ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1307H), *al-Sī`āyah fī Kashfī mā fī Sharḥ al-Wiqāyah*, India: al-Maṭba` al-Muṣṭafā`i li Muḥammad Muṣṭafā Khān, h. 40; Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 70

¹⁰⁷ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1307H), *op. cit.*, h. 41

Setelah itu beliau meneruskan pengajian di dalam pelbagai bidang ilmu secara bertalaqqī dengan beberapa ulama terkemuka. Supaya lebih jelas kepada pembaca guru-guru yang terlibat secara langsung di dalam pendidikan Imām al-Laknawī, penulis menyenaraikan guru-guru beliau seperintama di bawah:

1. Al-`Allāmah Muḥammad `Abd al-Ḥalīm bin Muḥammad Akbar al-Anṣārī al-Laknawī yang merupakan ayahanda kepada Imām al-Laknawī. Beliau menerima pendidikan awal seperti hafalan al-Quran, beberapa kitab di dalam Bahasa Parsi dan juga khat daripada ayahandanya. Perkara ini dinyatakan oleh Imām al-Laknawī: “Ayahandaku mengajarku al-Quran sehingga aku selesai menghafalnya ketika berumur sepuluh tahun, aku mempelajari beberapa kitab Bahasa Parsi sekadar termampu dan aku juga belajar khat semuanya daripada ayahandaku ketika aku masih menghafal al-Quran”.¹⁰⁸
2. Al-Shaykh al-Muftī Ni`mat Allah bin al-Muftī Nūr Allah bin al-Qaḍī Muḥammad Waliy Allah bin al-Qaḍī Ghūlām Muṣṭafā al-Anṣārī al-Laknawī. Imām al-Laknawī mempelajari ilmu-ilmu akal dan juga statistik dengan ulama ini pada tahun 1288H. Antara kitab yang dipelajari ialah *Sharḥ al-Jaghmīni ma`a Ḥawāshī al-Burjundi*, *al-Dīn al-Riyāḍī* dan *Risālah al-Aṣfurlāb*.¹⁰⁹
3. al-Maulawī Khādim al-Ḥusayn yang merupakan murid pintar dan paling disayangi oleh ayahanda Imām al-Laknawī. Imām al-Laknawī mempelajari ilmu matematik daripadanya setelah ayahandanya meninggal dunia.¹¹⁰

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 40

¹⁰⁹ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1291H), *op. cit.*, h. 27

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 40

Selain dari tokoh-tokoh yang dinyatakan di atas Imām al-Laknawī turut menerima *ijāzah* ilmu yang diperolehi dari beberapa ulama besar dari Mekah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah yang kebanyakannya diterima daripada mereka sewaktu beliau menunaikan fardhu haji. Beliau menunaikan haji sebanyak dua kali, kali pertama bersama ayahandanya pada tahun 1279H iaitu ketika berumur lima belas tahun manakala kali kedua pula pada tahun 1292H. Peluang menziarahi Tanah Suci Mekah digunakan untuk bertemu para ulama dan mengambil *ijāzah* ilmu hadis, tafsir, *Uṣūl Fiqh*, *Naḥwū*, *Şarf* dan ilmu-ilmu yang lain. Antara ulama yang ditemui dan mengijazahkan ilmu kepada beliau ialah :

1. Shaykh Abū al-`Abbās Aḥmad bin Zainī Dahlan al-Shāfi`ī al-Makki. Imām al-Laknawī memperolehi *ijāzah* daripadanya pada tahun 1279H iaitu ketika beliau menunaikan fardhu haji buat kali pertama.¹¹¹
2. Shaykh `Abd al-Ghaniy bin Abī Sa`id bin al-Şafī al-`Umari al-Dihlawī. Beliau bertemu dengan Shaykh `Abd al-Ghaniy pada tahun 1292H ketika menunaikan haji pada kali kedua dan menerima ijazah daripadanya pada awal Muharram 1893H di *Tayyibah*.¹¹²
3. Shaykh Muḥammad `Abd Allah bin `Alī `Uthmān bin Ḥumayd al-`Āmirī al-Najdī al-Ḥanbali. Imām al-Laknawī bertemu ulama ini ketika menunaikan fardhu haji buat kali yang kedua di Mekah. Namun beliau tidak berpeluang menerima *ijāzah*

¹¹¹ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 104; `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1326H) *‘Umdah al-Ri`āyah fī ḥall Sharḥ al-Wiqāyah*, Lucknow: Maṭba` Muḥammad Yūsufī al-Anṣārī al-Laknawī, h. 30

¹¹² Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 105

pada ketika itu, setelah pulang ke tanah air beliau memohon *ijāzah* daripada Shaykh dan akhirnya beliau memperolehinya secara bertulis pada tahun 1293H.¹¹³

4. Shaykh `Ālī al-Ḥarīrī. Imām al-Laknawī mempelajari daripada beliau kitab *Dalā'il al-Khairāt* juga beberapa kitab lain lalu Shaykh menganugerahkan *ijāzah* kepada beliau.¹¹⁴
5. Shaykh Muḥammad bin Muḥammad al-Shāfi`ī.¹¹⁵

2.2.7 Kelebihan Dan Keistimewaan Dalam Menuntut Ilmu

Perbahasan yang lalu menjelaskan kepada kita Imām al-Laknawī memulakan pendidikannya dari kecil di bawah bimbingan ayahandanya dan beberapa ulama lain. Selain itu beliau mendapat pengiktirafan dari ulama-ulama di Mekah dan Madinah dengan memperolehi *ijāzah* daripada mereka. Usaha yang dilakukan oleh beliau sudah tentu tidak akan membawa hasil jika tidak kerana anugerah Allah s.w.t kepada beliau dan juga disiplin mantap yang tertanam di dalam dirinya.

Imām al-Laknawī dianugerahi Allah s.w.t sebagai seorang yang sangat kuat ingatannya. Perkara ini terbukti dimana beliau menghabiskan hafalan al-Quran pada umur sepuluh tahun dan dapat mengingati pelbagai ilmu pengetahuan sejak dari kecil. Perkara ini dijelaskan sendiri oleh beliau dengan berkata: “Aku dikurniakan kekuatan hafalan sejak kecil, sehingga aku mengingati pelbagai peristiwa yang aku saksikan dengan mata kepala ku sepetimana aku membaca al-Fatihah ketika aku berumur lima

¹¹³ *Ibid.*, h. 104

¹¹⁴ Ṣolāḥ Muḥammad Sālim Abū al-Ḥāj (2002), *op.cit.*, h. 74

¹¹⁵ *Ibid*

tahun, bahkan ketika umurku tiga tahun aku dapat mengingati bilangan rotan yang telah aku terima".¹¹⁶

Dengan sebab inilah di zaman kegemilangannya beliau mampu mengarang pelbagai karya yang tidak dapat dilakukan oleh ulama lain, oleh kerana itulah beliau terkenal di kalangan orang Arab dan bukan Arab.¹¹⁷ Beliau dianugerahkan kefahaman mendalam terhadap ilmu, kemahiran dan keajaiban dalam penulisan sehingga dapat mengarang sesebuah karya dalam waktu yang singkat dengan bahasa yang indah walaupun beliau sebenarnya seorang berbangsa India. Di dalam berkarya, beliau berkemampuan mengeluarkan mutiara-mutiara ilmu daripada kitab-kitab yang besar dan juga manuskrip-manuskrip dengan bahasa yang lembut dihiasi adab-adab syara` dan sifat tawaduk.¹¹⁸

Antara kelebihan lain yang terdapat pada dirinya ialah sifatnya yang amat menjaga waktu. Tidak hairanlah dalam usia 39 tahun karya beliau telah mencapai lebih seratus buah. Beliau sekali-kali tidak membuang waktu dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah sepertimana yang beliau jelaskan sendiri di dalam kitabnya *Tadhkirah al-Rāshid*: "Segala puji bagi Allah s.w.t aku bukanlah orang yang membuang waktunya yang berharga dengan perkara yang tidak berfaedah, dan juga bukan yang banyak melakukan sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat".¹¹⁹

Antara keistimewaananya yang lain, beliau mempunyai kaedah tersendiri bagi memantapkan penguasaan ilmu. Caranya ialah dengan mengajar setiap ilmu yang telah

¹¹⁶ `Abd Al-Ḥayy al-Laknawi (1291H), *op. cit.* h. 29; `Abd al-Ḥayy al-Laknawi (2004), *op. cit.*, h.21.

¹¹⁷ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op.cit.*, h. 90

¹¹⁸ `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1984), *al-Ta`līqāt al-Hāfiyah `Alā al-Ajwibah al-Fāḍilah*, Beirut: Maktab al-Maṭbū`at al-Islāmiyyah, h. 14-15

¹¹⁹ `Abd al-Ḥayy al-Laknawi (1291H), *Tadhkirah al-Rāshid wa Tabṣirah al-Nāqid*, India: Maṭba`ah Anwār Muḥammad, h. 111

dipelajari kepada para pelajar. Beliau akan mengajar apa sahaja ilmu yang diperolehi sama ada ilmu yang dipelajari secara berguru ataupun hanya melalui pembacaan kitab-kitab sahaja. Oleh kerana itu beliau mempunyai persediaan yang rapi dalam semua bidang ilmu juga kemahiran yang tinggi dalam pengajaran seperti mana kata-kata beliau: “Allah telah mencampakkan ke dalam hatiku sejak remaja , bahkan sejak dari kecil kecintaan kepada pengajaran dan penulisan, aku tidak mempelajari satu kitab melainkan aku akan mengajarnya selepas dari itu, oleh kerana itu aku memperolehi persediaan yang mantap dalam semua bidang ilmu pengetahuan dengan pertolongan *al-Hayy al-Qayyūm*, aku tidak menemui kesukaran di dalam mana-mana kitab atau di dalam mana-mana bidang pun, sehinggaakan aku mengajar apa yang aku tidak pelajari dari guruku seperti *Sharh al-Ishārāt* oleh al-*Tūsī*, *al-Ufuq al-Mubīn*, *Qānūn al-Tibb*, *Rasā'il al-'Arūd* dan lain-lain”.¹²⁰

Kemampuan dalam pengajaran dan kaedah pengajaran yang digunakan diterima baik oleh para pelajar, dipuji oleh guru-guru dan orang-orang yang mengenali beliau. Perkara dijelaskan sendiri oleh Imām al-Laknawī dengan kata-kata beliau : “ Para penuntut ilmu reda dan menerima cara pengajaranku.”¹²¹

Imām al-Laknawī banyak mengambil faedah dan pengalaman daripadah tempoh percubaan pengajaran ini khususnya yang berkaitan dengan kaedah pengajaran. Ini membantu beliau untuk menghadapi situasi sebenar selepas daripada itu iaitu ketika beliau menumpukan dalam pengajaran dan penulisan secara serius yang mana kedua-dua perkara inilah yang menyebabkan beliau menjadi seorang ulama yang masyhur

¹²⁰ `Abd al-Hayy al-Laknawī (2004), *op .cit.*, h. 22-23.

¹²¹ *Ibid.*, h. 22

sehingga penuntut-penuntut ilmu dari seluruh benua India datang untuk menimba ilmu daripadanya.¹²²

2.2.8 Kecenderungan Kepada Ilmu Hadis

Imām al-Laknawī merupakan seorang sarjana yang menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Walaupun begitu beliau amat cenderung kepada ilmu hadis dan *fiqh al-hadīth*. Kedua-dua bidang ilmu ini amat beliau cintai jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain. Beliau menjelaskan perkara di dalam kitabnya *al-Nāfi` al-Kabīr* dengan kata-katanya: “ Di antara pemberian Allah kepadaku, aku dikurniakan kecenderungan kepada *fann al-hadīth* dan *fiqh al-hadīth*, aku tidak berpegang kepada sesuatu perkara sekiranya tiada dalil daripada hadis atau ayat al-Quran, aku tinggalkan apa-apa yang bertentangan dengan hadis *sahīh*, aku menganggap seseorang mujtahid itu dimaafkan bahkan di beri ganjaran (atas pendapatnya), aku juga bukanlah dari kalangan orang yang mengelirukan orang awam yang mana mereka seperti haiwan, tetapi aku berinteraksi dengan mereka mengikut kemampuan akal mereka, dan antara pemberianNya kepadaku juga ialah aku dikurniakan kesibukan dengan *al-manqūl* (dalil-dalil *naqlī*) lebih banyak daripada *al-ma`qūl* (dalil-dalil *aqlī*), aku tidak mendapati melainkan kegembiraan dan kelazatan apabila aku mengajar dan mengarang menggunakan dalil-dalil *naqlī* lebih-lebih lagi di dalam bidang hadis dan *fiqh al-hadīth*”.¹²³

Penjelasan di atas menunjukkan Imām al-Laknawī amat menyukai bidang hadis. Para pembaca sekiranya menghayati karya-karya hadis yang dihasilkannya akan dapat merasai kehebatan beliau di dalam bidang ini. Kepakaran beliau di dalam bidang hadis

¹²² Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h.72

¹²³ `Abd Al-Hayy al-Laknawī (1291H), *op. cit.*, h .29

menjadikannya seorang yang terbuka dan tidak taksub kepada pendapat mazhab.¹²⁴

Oleh kerana itu menyebabkannya dalam banyak perkara cenderung kepada pendapat mazhab Shafi'i dan dua tokoh mazhab Hanafi yang terkenal iaitu Abū Yusuf dan Muḥammad bin Ḥasan al-Shaybānī.¹²⁵

2.2.9 Pujian Ulama

Sanjungan dan pujian terhadap Imām al-Laknawī memperlihatkannya sebagai personaliti yang hebat di mata para ulama. Terlalu banyak pujian yang termaktub di dalam kitab-kitab para ulama terhadap beliau. Di sini, penulis memetik beberapa petikan kata-kata ulama sebagai bukti kehebatan beliau sebagai seorang tokoh yang disanjungi.

Sejarawan India yang terkenal serta ulama yang sezaman dengan Imām al-Laknawī iaitu al-`Allāmah al-Sharīf `Abd al-Ḥayy Fakhr al-Dīn Al-Ḥasanī berkata: “Beliau merupakan keajaiban masa kini dan kebaikan bagi India, pujian kepadanya disepakati ramai, pengiktirafan terhadap keistimewaan dan kelebihannya tidak dipertikaikan lagi”.¹²⁶

Shaykh `Abd al-Ḥayy al-Kattānī menyifatkan Imām al-Laknawī sebagai penutup ulama India dan merupakan ilmuan yang paling banyak karya, paling sempurna *taḥqīq* dan telaahnya juga seorang yang paling adil. Seorang yang mempunyai azam yang kuat

¹²⁴ Imām al-Laknawī bermazhab Hanafi tetapi bukanlah seorang yang taksub kepada mazhabnya. Beliau berpegang kepada nas-nas yang *sarīḥ* dan meninggalkan taklid apabila adanya perselisihan antara pendapat mazhab dan nas. (Lihat Sayyid `Abd al-Majid al-Ghawrī (2000), *op.cit.*, h. 53)

¹²⁵ *Ibid.*, h. 59

¹²⁶ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1268

serta tidak mengenal jemu, menitikberatkan penulisan yang tepat, pengumpulan dan pembacaan dihiasi pula dengan kemuliaan dan kefahaman yang sempurna.¹²⁷

Manakala Shaykh Muḥammad Yūsuf al-Bannūri menanggapnya sebagai ulama *rabbāni* yang menghimpunkan di antara ilmu *riwāyah* dan *dirāyah* juga ilmu *aqlī* dan *naqlī*. Seorang yang warak, bertakwa, kuat beribadah dan soleh.¹²⁸

Shaykh Abū al-Ḥasan al-Nadwī pula menyifatkan beliau cendekiawan India dan kebanggaan bagi ulama *muta`akkhirīn*.¹²⁹

Shaykh `Abd Fattāḥ Abū Ghuddah, seorang ulama yang amat menyanjungi Imām al-Laknawī serta banyak mengedit karya-karya beliau menyifatkannya sebagai imam (pemimpin) di dalam ilmu dan pemimpin di dalam karya-karya yang berfaedah. Walaupun umurnya singkat iaitu hanya tiga puluh sembilan tahun tetapi meninggalkan lebih daripada 115 karya di dalam pelbagai bidang. Beliau menyatakan sekiranya dihitung hari-hari semasa hayatnya dan dibahagikan dengan lembaran-lembaran karya yang ditinggalkan nescaya ianya merupakan satu kedahsyatan dan keajaiban.¹³⁰

Seterusnya beliau menggambarkan Imām al-Laknawī sebagai kebanggaan bagi *muta`akkhirīn*, *muḥaqqaq* yang adil, *muḥaddith*, *faqīh*, *uṣūlī*, *mantiqī* sejarawan dan pengkritik.¹³¹

¹²⁷ `Abd al-Hayy bin `Abd al-Kabīr al-Kattāni (1982), *op.cit.*, h. 728-729

¹²⁸ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 85

¹²⁹ Abū Ḥasan `Alī al-Nadwī (1987), *al-Muslimūn fī al-Hind*, India: Majma` al-Islāmiy al-`Ilmiy, h. 38

¹³⁰ Lihat pendahuluan kitab *al-Ta'līq al-Mumajjad `alā Muwaṭṭa` Muḥammad*, `Abd al-Hayy al-Laknawī (1991) *taḥqīq* Taqiy al-Dīn al-Nadwī, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 41

¹³¹ `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1984), *op.cit.*, h. 12

Di atas adalah sebahagian pujian dan sanjungan ulama kepada Imām al-Laknawī. Pujian dan sanjungan ulama terhadap beliau menggambarkan beliau merupakan antara seorang sarjana Islam unggul yang pernah muncul di benua India.

2.2.10 Karya-Karya

Imām al-Laknawī merupakan seorang ulama yang mahir dalam penulisan dan banyak menghasilkan karya di dalam pelbagai bidang ilmu. Bakat yang sedia ada pada diri beliau diasah sejak kecil di mana beliau telah mengarang dua buah kitab di dalam ilmu *sarf* iaitu *Imtiḥān al-Talabah fī al-Šiagh al-Mushkilah* dan *al-Tibyān fī Sharh al-Mizān* seawal umur dua belas tahun!.

Beliau sangat meminati dan mengambil berat tentang pembacaan dan penulisan bahkan menganggap kedua-dua perkara tersebut merupakan satu kelazatan baginya. Oleh kerana itu, waktu antara maghrib dan isyak diperuntukkan untuk menulis sehingga pertengahan malam. Beliau akan menulis tanpa rasa jemu dan tidak berhenti melainkan untuk menunaikan solat isyak.¹³²

Para ulama berbeza pendapat tentang bilangan karya Imām al-Laknawī. Di dalam *Mu`jam al-Maṭbū`āt al-`Arabiyyah* disebutkan bilangan karya beliau hanya 26 buah sahaja.¹³³ Sejarawan India yang terkenal `Abd al-Ḥayy al-Ḥasanī menyebut di dalam kitabnya *Nuzhah al-Khawātir* bilangannya karya Imām al-Laknawī ialah sebanyak 90 buah.¹³⁴ Manakala anak murid Imām al-Laknawī Muḥammad Ḥafīẓ Allah al-Bandawī

¹³² `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1386H), *Iqāmah al-Ḥujjah `alā anna al-Ikthār fī al-Ta`abbud laisa bi Bid`ah*, Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (ed), Ḥalb:T.P, h. 117-118

¹³³ `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1984), *op. cit*; h. 13

¹³⁴ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op. cit.*, j.8, h. 1269-1270

menyatakan bilangannya ialah 94 buah dan Shaykh Muḥammad `Abd al-Bāqī menyatakan bilangan karya gurunya ialah 112 buah.¹³⁵

Shaykh Abū Ḥasan `Alī al-Ḥasanī al-Nadwī pula menyatakan karya Imām al-Laknawī sebanyak 110 buah di mana 86 darinya adalah di dalam Bahasa Arab.¹³⁶ Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah di dalam pendahuluan *al-Ta`līqāt al-Hafilah* menyatakan karya Imām al-Laknawī mencapai 115 buah karya.¹³⁷ Shaykh Waliy al-Dīn al-Nadwī pula menyenaraikan 120 buah karya.¹³⁸ Manakala Ṣolāḥ Muḥammad Sālim Abū al-Ḥāj di dalam bukunya *al-Manhaj al-Fiqhi li al-Imām al-Laknawī* menyenaraikan 129 buah karya.¹³⁹ Perkara ini berlaku disebabkan Ṣolāḥ Muḥammad Sālim Abū al-Ḥāj turut menyenaraikan beberapa kitab bukan karya Imām al-Laknawī tetapi dinisbahkan kepada beliau.¹⁴⁰

Faktor perbezaan bilangan karya Imām al-Laknawī adalah disebabkan beliau menyebut beberapa karya ketika menterjemahkan dirinya di dalam beberapa kitab. Kadang-kadang disebutkan secara ringkas dengan menggugurkan beberapa karya dan di dalam kitab yang lain pula disebut secara detil. Oleh kerana itu, para ulama yang bergantung kepada terjemahan Imām al-Laknawī melalui kitab-kitab tertentu beranggapan hanya itu sahajalah karya-karya Imām al-Laknawī sedangkan masih

¹³⁵ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*; h. 161

¹³⁶ Abū Ḥasan `Alī al-Ḥasanī al-Nadwī (1987), *op. cit.*, h. 38

¹³⁷ `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1984), *op. cit.*; h. 13

¹³⁸ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*; h. 42

¹³⁹ Ṣolāḥ Muḥammad Sālim Abū al-Ḥāj (2002), *op. cit.*; h. 94-133

¹⁴⁰ Antara karya yang bukan milik Imām al-Laknawī tetapi dinisbahkan kepadanya ialah *Sharḥ Thulāthiyāt al-Bukhārī* oleh `Alī al-Qārī. Kitab ini bukanlah karangan beliau kerana para ulama dan ahli sejarah tidak pernah menyenaraikan kitab ini sebagai karya Imām al-Laknawī (Lihat Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*, h. 164-165)

terdapat karya-karya lain yang tidak disebutkan. Perkara ini berlaku sama ada untuk meringkaskan penulisan biografi atau karya-karya lain itu muncul terkemudian.¹⁴¹

Penulis lebih cenderung kepada pendapat Shaykh Waliy al-Dīn al-Nadawī yang menyatakan karya Imām al-Laknawi sebanyak 120 buah kerana beliau menyenaraikan dengan lengkap bilangan karya Imām al-Laknawi di dalam setiap bidang ilmu disertai dengan kritikan beliau terhadap beberapa ulama yang menisbahkan sebilangan kitab kepada Imām al-Laknawi sedangkan karya itu bukanlah miliknya.

Perbezaan bilangan karya Imām al-Laknawi tidak menjelaskan beliau sebagai seorang ulama yang diiktiraf mempunyai bilangan karya yang banyak. Menurut Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah jika dibandingkan dengan para ulama yang panjang umur dan banyak karyanya seperti Ibn Jarīr, Ibn Jawzī, Fakhr al-Dīn al-Rāzi dan lain-lain karya Imām al-Laknawi yang mencapai seratus sepuluh buah kitab dianggap banyak dengan umurnya yang singkat iaitu 39 tahun.¹⁴²

Karya-karya Imām al-Laknawi merangkumi pelbagai bidang ilmu pengetahuan iaitu Akidah, Hadis, *Uṣūl Fiqh*, *Fiqh*, Faraid, *al-Raqāiq*, *al-Tārīkh wa al-Tarājim*, Sirah, *al-Mawaliḍ wa al-Wafayāt*, *`Ilm al-Munāẓarah*, Nahu dan *Sarf*. Kebanyakan karya Imām al-Laknawi adalah tertumpu kepada *fiqh* dan ilmu hadis. Karya-karya yang beliau hasilkan di dalam ilmu hadis sebanyak lapan buah kitab.¹⁴³ Penulis akan memperkenalkan karya-karya beliau di dalam ilmu hadis satu persatu secara ringkas. Seterusnya di dalam bab yang keempat akan dibentangkan dengan panjang lebar salah

¹⁴¹ *Ibid*, h. 161-162

¹⁴² Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1984), *op. cit*; h. 13-14

¹⁴³ Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī (2000), *op. cit*; h. 61-62, Ṣolāḥ Muḥammad Sālim Abū al-Hāj (2002), *op. cit*; h. 94-133

satu karya beliau iaitu *al-Ajwibah al-Fāḍilah līl As`ilah al-Ashrah al-Kāmilah* yang menjadi pokok perbincangan disertasi ini.

2.2.11 Karya-Karya Hadis Imām al-Laknawī

Penelitian penulis kepada karya-karya Imām al-Laknawī membawa kepada kesimpulan beliau memiiki sebanyak lapan buah karya hadis. Karya ini meliputi karya besar dan juga risalah-isalah kecil yang berkaitan dengan ilmu hadis. Karya-karya hadis beliau ialah:

i. *Al-Āthār al-Marfū'ah fī al-Akhbār al-Mauḍū'ah*¹⁴⁴

Kitab ini membicarakan tentang hadis-hadis palsu yang berkaitan dengan solat tertentu pada hari-hari tertentu dengan fadilat-fadilat tertentu seperti solat pada hari Isnin, Selasa, solat *Raghāib* dan solat hari Arafah. Di dalam kitab ini Imām al-Laknawī turut mengkategorikan kumpulan-kumpulan yang meletakkan hadis palsu dan juga faktor-faktor berlakunya pemalsuan hadis.

Kitab ini disusun oleh Imām al-Laknawī berikutan perbincangan beliau bersama rakan-rakan tentang hari Asyura dan persoalan yang dikemukakan oleh sebahagian orang awam tentang solat hari Asyura. Kitab ini juga merupakan jawapan terhadap hadis-hadis palsu yang terdapat di dalam sebahagian kitab yang dikarang oleh tokoh-tokoh sufi seperti Imām al-Ghazālī pengarang *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, Abd al-Qādir al-

¹⁴⁴ Penulis menggunakan kitab yang diterbitkan oleh Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Beirut, tahun 1984 yang ditāḥiqīq oleh Muḥammad Sa`id bin Basyūnī Zaghlūl sebagai rujukan.

Jaylānī pengarang *Ghunyat al-Talibīn* dan Ābī Ṭalib al-Makki pengarang *Qūt al-Qulūb*.¹⁴⁵

Kitab ini dicetak buat pertama kali pada tahun 1304H di percetakan *al-`Alawi*, Lucknow, India. Cetakan seterusnya di Pakistan.¹⁴⁶ Edisi terkini yang penulis temui ialah keluaran Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Beirut yang *dīyahqīq* oleh Muhammad Basyūnī Zaghlūl.

ii. *Al-Raf` wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*¹⁴⁷

Kitab ini merupakan salah satu karya penting Imām al-Laknawī di dalam ilmu hadis. Dr. Nūr al-Dīn `Itr di dalam *Manhaj al-Naqd fī `Ulūm al-Hadīth* menyenaraikan kitab ini di antara kitab-kitab yang dijadikan rujukan di dalam ilmu *al-Jarḥ Wa al-Ta`dīl* serta menyatakan kitab ini sangat berharga dan amat berfaedah.¹⁴⁸

Imām al-Laknawī menulis kitab ini apabila melihat ramai ulama yang sezaman dengannya berbicara tentang ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* sedangkan mereka tidak arif tentang istilah-istilah para ulama di dalam bidang ini. Selain dari itu ada di kalangan mereka yang kurang teliti di dalam membicarakan ilmu ini. Keadaan demikian menyebabkan ada di antara ulama yang mensahihkan sanad yang daif dan mendaifkan sanad yang sahih. Oleh kerana itu Imām al-Laknawī menyusun kitab ini sebagai panduan kepada mereka.¹⁴⁹

¹⁴⁵ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *al-Āthār al-Marfū`ah fī al-Āhādīh al-Mauḍū`ah*, Muḥammad Sa`īd bin Basyūnī Zaghlūl (ed.), Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 8-9

¹⁴⁶ Sayyid `Abd Mājid al-Ghawri (2000), *op. cit*; h. 64,

¹⁴⁷ Penulis menggunakan kitab yang diterbitkan oleh Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, Beirut, tahun 1325 H./2004 M. yang *dīyahqīq* oleh Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah sebagai rujukan.

¹⁴⁸ Nūr al-Dīn `Itr (1988), *Manhaj al-Naqd fī `Ulūm al-Hadīth*, Dimashq:Dār al-Fikr, h. 115

¹⁴⁹ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (2004), *op.cit.*, h. 50

Kitab ini dimulai dengan pendahuluan yang mempunyai tiga bahagian yang dinamakan `īqāzāt:¹⁵⁰

- a. `īqāz yang pertama : *Fīmā Laisa bi Ghībah*
- b. `īqāz yang kedua: *Fī Hudūd al-Jarh al-Jāiz*
- c. `īqāz yang ketiga : *Fī Sharṭ al-Jāriḥ wa al-Mu`addil*

Kemudiannya beliau membahagikan pula kitabnya kepada empat bahagian yang disebut sebagai *marāṣid*.¹⁵¹

- a. *Al-Marsad al-Awwal* : *Fīmā Yuqbal min al-Jarḥ wa al-Ta`dīl wa mā lā Yuqbal min huma wa Tafṣīl al-Mufassar wa al-Mubham fīhimā*
- b. *Al-Marsad al-Thānī* : *Fī Taqdīm al-Jarḥ `alā al-Ta`dīl wa Ghayr dhālik min al-Masāl al-Mufidah li man Yutāli` Kutub al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*
- c. *Al-Marsad al-Thālith* : *Fī Dhikr Alfāz al-Jarḥ wa al-Ta`dīl wa Marātibuhumā wa Darajāt Alfāzihimā*
- d. *Al-Marsad al-Rābi`*: *Fi Fawāid al-Mutafarriqah.*

Kitab ini buat pertama kalinya di cetak di percetakan Anwār Muḥammadi, Lucknow, India pada tahun 1301H. Cetakan kali kedua di percetakan *al-`Alawī*, Lucknow India pada tahun 1309H. Kedua-dua cetakan awal ini dikeluarkan dalam bentuk kitab besar yang mengandungi 30 halaman. Kemudiannya kitab ini dicetak pula di Halb, Syiria pada tahun 1383H dengan *taḥqīq* Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Seterusnya kitab ini melalui beberapa siri cetakan sehingga ke lapan dengan

¹⁵⁰ *Ibid.*, h. 52, 56 dan 67

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 79, 111, 129 dan 187

pentahqiq yang sama yang dikeluarkan di Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, Beirut pada tahun 1325 H./2004 M.¹⁵²

iii. *al-Ta`līq al-Mumajjad `alā Muwaṭṭa` Muḥammad*¹⁵³

Imām al-Laknawī menamakan kitab ini sebagai *al-Ta`līq al-Mumajjad `alā Muwaṭṭa` Muḥammad*. Beliau berhasrat untuk menghuraikan sebuah kitab hadis dan menyingkap rahsia-rahsia yang terdapat di dalamnya untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. Beliau juga berharap dengan usahanya itu Allah s.w.t akan menjadikannya termasuk di kalangan orang-orang *sāliḥ* dan dikumpulkan bersama para *Muḥaddithīn*, *al-Anbiyā`* dan *al-Šiddīqīn*. Suatu ketika beliau teringatkan mimpi yang dialami pada tahun 1288H. iaitu seolah-olah beliau memasuki Masjid Nabawi. Ketika itu beliau dan Imām Mālik duduk di dalam masjid. Imām al-Laknawī kemudiannya datang kepada Imām Mālik lalu bersalaman dengannya lantas berkata kepada Imām Mālik : “ Aku mempunyai keraguan dan kemasukilan dengan kitabmu (*al-Muwaṭṭa`*), aku berharap agar dapat membacanya kepadamu agar dapat kamu leraikan kemasukilan itu. Lalu Imām Mālik menjawab dengan gembira: “Datangkanlah ia kepadaku dan bacalah kepadaku”. Maka Imām al-Laknawī pun bangun untuk mengambil kitab *Muwaṭṭa`* daripada rumahnya, ketika itu beliau terjaga daripada tidur lantas memuji-muji Allah s.w.t. dan bersyukur kepadaNya di atas mimpi yang baik itu. Pada pandangan beliau mimpi itu merupakan petanda daripada Imām Mālik supaya memberikan khidmat kepada kitab *Muwata`* dengan cara belajar, mengajar dan

¹⁵² Lihat *Ibid* bahagian maklumat percetakan, Lihat juga Taqiy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op.cit.*, h. 187

¹⁵³ Penulis menggunakan kitab yang diterbitkan oleh Dār al-Qalam, Damsyik tahun 1991 yang di *tahqīq* oleh Taqiy al-Dīn al-Nadwī sebagai rujukan.

menghuraikan kitab *Muwatṭa'*. Setelah teringatkan mimpi itu beliau berazam bersungguh-sungguh untuk menghuraikan kitab ini.¹⁵⁴

Imām al-Laknawī mula menulis kitab ini pada bulan Syawal tahun 1291H. di Hyderabad. Kitab ini dimulakan dengan pendahuluan yang antaranya menerangkan sebab pemilihan naskhah *Muwatṭa'* Imām Muḥammad.¹⁵⁵ Beliau memilih naskhah *Muwatṭa'* Imām Muḥammad kerana dua sebab iaitu:

1. Naskhah Yaḥyā al-Andalusī telah dihuraikan oleh beberapa ulama sebelum Imām al-Laknawī manakala naskhah Muḥammad bin Ḥasan al-Shaybānī hanya dihuraikan dua ulama sahaja iaitu Bīrā Zādah dan `Alī al-Qāri. Sekiranya beliau menghuraikan kitab ini maka beliau akan menjadi orang ketiga menghuraikannya ketika itu.
2. Naskhah Muḥammad adalah naskhah yang *murajjahaḥ* jika dibandingkan dengan naskhah Yaḥyā al-Andalusī.

Di dalam menghuraikan kitab ini, Imām al-Laknawi menjelaskan metode yang digunakannya di dalam pendahuluan kitab. Antaranya ialah:

- a. Mengulangi beberapa bahagian tertentu yang telah disebutkan di beberapa tempat lain. Ini kerana setiap ulangan yang disebutkan mengandungi tambahan yang bermanfaat bagi pembaca.

¹⁵⁴ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1991), *al-Ta`līq al-Mumajjad `alā Muwaṭṭa' Muḥammad*, Taqiyy al-Din al-Nadwi (ed.) , Damsyik: Dār al-Qalam, j . 1, h. 59-60

¹⁵⁵ Ketika zaman Imām al-Laknawī, terdapat dua naskhah *Muwatṭa'* yang banyak digunakan iaitu naskhah Yaḥyā al-Andalusī dan naskhah Muḥammad bin Ḥasan al-Shaybānī.

- b. Menyebutkan pendapat *madhab-madhab* yang disertai dalil-dalil.

Beliau juga mentarjih beberapa pendapat tersebut. Metode ini beliau utarakan kerana pada zamannya metode ini kurang digunakan ulama dalam berkarya.

- c. Beliau banyak menyebut pendapat para sahabat, *tabi`īn* dan imam-imam

mujtahid serta ulama-ulama muktabar.

- d. Menterjemah perawi-perawi hadis serta menjelaskan *tawthiq* atau *tađīf*

yang ada kaitan dengan mereka tanpa taksub dengan *madhab*.¹⁵⁶

Kitab ini dicetak buat pertama kalinya di percetakan al-Muṣṭafā`ī, Lucknow pada tahun 1297H dan kemudiannya diulang cetak di percetakan yang sama pada tahun 1306H. Seterusnya dicetak di percetakan al-Yūsūfī pada tahun 1346H.¹⁵⁷ Edisi terkini diterbitkan di Dār al-Qalam, Damsyik tahun 1991 dengan *taḥqīq* Dr. Taqiy al-Dīn al-Nadwī.¹⁵⁸

iv. *Zafar al-Amāni bi Sharḥ Mukhtaṣar al-Sharīf al-Jurjānī*¹⁵⁹

Imām al-Laknawī menamakan kitab beliau ini sebagai *Zafar al-Amāni bi Sharḥ Mukhtaṣar al-Sharīf al-Jurjānī* seperti mana yang disebut oleh beliau di dalam

¹⁵⁶ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1991), *op. cit.*, h. 61-62

¹⁵⁷ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op. cit.*, h. 177

¹⁵⁸ Lihat *al-Ta`līq al-Mumajjad `Alā Muwaṭṭa` Muhammad*, *taḥqīq* Taqiy al-Dīn al-Nadwī cetakan pertama, terbitan Dār al-Qalam, Damsyik tahun 1991.

¹⁵⁹ Penulis menggunakan kitab cetakan pertama yang dicetak di percetakan Jashmah Fayd, Lucknow tahun 1304H dan cetakan ketiga di Maktabah al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, Damsyik tahun 1416 H yang di *taḥqīq* oleh al-Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah sebagai rujukan.

pendahuluan kitabnya ini. Di dalam pendahuluan kitab juga, beliau turut menjelaskan sebab kitab ini dikarang iaitu apabila beliau melihat kitab *'ulūm ḥadīth* iaitu *Mukhtasār Jurjānī*¹⁶⁰ karangan al-Sayyid `Alī al-Sharīf al-Jurjānī¹⁶⁰ sangat laris ketika itu. Umat Islam memberikan perhatian kepada kitab ini sama ada untuk belajar ataupun mengajar. Walaubagaimanapun Imām al-Laknawī mendapat tiada satu kitab pun yang menghuraikan *Mukhtasār Jurjānī*. Dengan itu beliau mengambil inisiatif untuk menghuraikannya.¹⁶¹

Secara umum kitab ini dimulakan dengan pendahuluan yang menerangkan nama kitab, sebab ia dikarang, seterusnya pengarang menjelaskan tentang definisi *ūṣūl al-ḥadīth*, maksud hadis dan sunnah, matan dan sanad serta lain-lain istilah yang berkaitan dengan ilmu *ūṣūl al-ḥadīth*. Kemudiannya beliau meneruskan dengan menghuraikan tajuk-tajuk perbincangan di dalam *ūṣūl al-ḥadīth* sepertimana kebiasaan di dalam kitab *ūṣūl al-ḥadīth* yang lain. Antara tajuk yang diperbincangkan ialah *mutawātir*, *mashhūr* dan *aḥād* sehinggalah tajuk terakhir daripada kitab ini iaitu *ta`yīn mu`allif al-matn*. Kitab ini diakhiri dengan *tārīkh ikhtitām al-taṣnīf wa al-tab`* dan senarai tajuk-tajuk yang diperbincangkan di dalam kitab ini.

Kitab ini dicetak pada tahun 1304H. di Lucknow kemudiannya diulang cetak pada tahun 1414H di Dubai dengan *tahqīq* Dr. Taqiy al-Dīn al-Nadwī. Keluaran terkini

¹⁶⁰ Beliau ialah `Alī bin Muḥammad bin `Alī al-Ḥanafī lebih dikenali dengan Sharīf al-Jurjānī. Seorang alim di Timur, ahli falsafah dan merupakan seorang ilmuan di dalam Bahasa Arab di zamannya. Karyanya melebihi lima puluh buah karya antaranya *al-Ta`rīfāt*, *Maqālid al-`Ulūm*, *Marātib al-Maujūdāt* dan lain-lain. Beliau meninggal pada 816 H. (Lihat Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān al-Suyūṭī (1979), *Bughyah al-Wu`āh fī Tabaqāt al-Lughawiyīn wa al-Nuḥāh*, Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (ed.), Beirut: Dār al-Fikr, cet. 2, j. 2, h. 196-197; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 7)

¹⁶¹ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1304), *Zafr al-Amānī fī Mukhtaṣar al-Jurjānī*, Lucknow: Maṭba` Jashmah Fayd, h. 2

dicetak di percetakan Maktabah al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, di Ḥalb, Damsyik pada tahun 1416H. dengan *taḥqīq* Shaykh `Abd al-Fattāh Abū Ghuddah.¹⁶²

v. *Zajr al-Nās `alā Inkār Athar Ibnu `Abbās*

Risalah ini merupakan salah satu risalah di dalam himpunan risalah-risalah Imām al-Laknawī. Beliau menamakan risalah ini dengan *Zajr al-Nās `alā Inkār Athar Ibnu `Abbās* seperimana yang disebutkan di dalam muqaddimah :

"هذه رسالة نافعة وعجالة كافية في تحقيق أثر ابن عباس رضي الله عنه ووقد

من كل بأس الوارد في تفسير قوله تعالى : ﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَمِنْ

الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ﴾ سع أرضين في كل أرض نبي كبيكם وآدم كآدمكم

ونوح كنوح وإبراهيم كإبراهيم وعيسى كعيسى ، مسماة بزجر الناس على إنكار

أثر ابن عباس سلكت فيها مسلكاً متوسطاً متجنبة عن إفراط فرقه وتغريط ."¹⁶³

Risalah ini menjelaskan *athar* Ibnu `Abbās tentang tafsiran beliau kepada firman Allah s.w.t Surah al-Ṭalāq ayat 12 seperimana yang dijelaskan di dalam pendahuluan kitab di atas. Risalah ini dicetak di percetakan al-Muṣṭafā`ī , Lucknow pada tahun 1303H bersama lima risalah yang lain yang dinamakan sebagai *Majmū`ah al-Rasā'il al-Khams*.¹⁶⁴ Risalah ini yang mengandungi dua belas muka surat bersaiz besar. Kemudian diulang cetak di percetakan al-Yūsufī , Lucknow pada tahun 1327H.¹⁶⁵

¹⁶² `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1416), *Zafar al-Amāni bi Sharḥ Mukhtaṣar al-Sharīf al-Jurjānī*, *taḥqīq* al-Shaykh `Abd al-Fattāh Abu Ghuddah, Damsyik: Maktabah al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, h. 4

¹⁶³ Nukilan daripada Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op. cit.*, h. 189

¹⁶⁴ Lima risalah lain itu ialah : 1. *Tarwīḥ al-Ḥannān bi Tashrīḥ ḥukm Shrūb al-Dukkhan* 2. *Rad` al-Ikhwān `an Muḥdathāt Ākhir Jum`ah min Ramadān* 3. *Ākām al-Nafāis fī Ādā` al-Adhkār bi Lisān al-Fāris* 4. *al-Inṣāf fī ḥukm al-Itikāf* 5. *al-Falk al-Mashām fīmā Yata`allaq bi Intifā` al-Murtahin bi al-Marhān*. (Lihat Ahmad Khān (2000), *Mujam al-Maṭbū`āt al-`Arabiyyah*, Riyadh: Maṭbū`āt Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah, h. 444)

¹⁶⁵ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op. cit.*, h. 189

vi. *Khayr al-Khabar fi Adhān Khayr al-Bashar*

Imām al-Laknawī menamakan risalah kecil ini sebagai sebagai *Khayr al-Khabar Fi Adhān Khayr al-Bashar*. Beliau menyebutnya di dalam pendahuluan risalah ini dengan berkata :

"هذه رسالة موسومة بخير الخبر في أذان خير البشر وحققت فيها ما كثـر السؤال عنه وهو أنه هل باشر رسول الله صلى الله عليه الأذان بنفسه النفيـس؟"¹⁶⁶

Risalah ini membincangkan persoalan adakah Rasulullah s.a.w melaungkan azan untuk mendirikan solat ketika hayat baginda s.a.w? Imām al-Laknawī memulakan risalahnya dengan pendahuluan yang sangat ringkas menjelaskan tentang nama risalah kemudian diteruskan dengan persoalan utama iaitu adakah Rasulullah s.a.w pernah melaungkan azan untuk mendirikan solat¹⁶⁷. Beliau mengutarakan pendapat ulama berkaitan persoalan ini yang disokong dengan dalil-dalil hadis dari kedua belah pihak serta menerangkan darjat hadis-hadis tersebut. Di akhir perbahasan beliau membuat kesimpulan dan turut menjelaskan pendiriannya di dalam perkara ini. Kitab ini diakhiri dengan tiga *tanbīhāt* yang berkaitan dengan azan iaitu sebab-sebab Rasulullah s.a.w tidak melaungkan azan, biografi ringkas *mu`adhdhi-mu`adhdhin* Rasulullah s.a.w dan perselisihan ulama tentang keutamaan menjadi imam atau bilal.

¹⁶⁶ `Abd al-Hayy al-Laknawi (t.t), *Khayr al-Khabar Fi Adhān Khayr al-Bashar*, Şalāḥ Muḥammad Abū al-Ḥāj (ed.), T.T.P: Markaz al-`Ulamā` al-Ālamiyy li al-Dirāsāt wa al-Taqniyyah al-Ma'lūmāt, cet. 1, h. 8

¹⁶⁷ Rasulullah s.a.w mengumandangkan azan menjadi perselisihan dikalangan ulama. Imām al-Nawawī antara kalangan ulama yang berpegang bahawa ianya merupakan sunnah yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sendiri. Walaubagaimanapun Imām al-Laknawī mengambil pendirian bertawāqquf di dalam perkara ini. Adapun azan selain untuk mendirikan solat seperti azan ditelinga bayi yang baru dilahirkan sememangnya pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w Ianya *thābit* di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dawūd, al-Termidhī dan Aḥmad. (Lihat `Abd al-Hayy al-Laknawi (t.t), *op.cit.*, h. 8 dan 16)

Risalah ini dicetak buat pertama kali di percetakan Lucknow pada tahun 1303H kemudian diulang cetak di percetakan al-Yūsūfī juga di Lucknow pada tahun 1323H yang mengandungi 9 muka surat bersaiz sederhana.¹⁶⁸ Cetakan terkini risalah ini dikeluarkan oleh Markaz al-'Ulamā` al-'Ālamiyy li al-Dirāsāt wa al-Taqniyyah al-Ma'lūmāt dengan *taḥqīq* Dr. Ṣalāḥ Muḥammad Abū al-Hāj pada tahun 1421H /2000M.

vii. *Sharh al-Ḥisn al-Ḥaṣīn*¹⁶⁹

Metode penulisan beliau bagi kitab ini agak berbeza dengan metode penulisan kitab-kitabnya yang lain. Bagi kitab ini, Imām al-Laknawī terus menghuraikannya tanpa pendahuluan dan beliau juga tidak menjelaskan tujuan penghuraian kitab ini sepetimana kebiasaan yang dilakukan kepada karya-karyanya yang lain. Di akhir kitab, beliau menerangkan biografi ringkas Imām Ibn al-Jazārī¹⁷⁰ iaitu pengarang kitab *al-Ḥisn al-Ḥaṣīn* dan juga huraian-huraian yang telah di karang untuk kitab ini serta rujukan-rujukan yang digunakan. Kitab ini mempunyai 152 muka surat bersaiz sederhana.

Di dalam menghuraikan kitab ini, Imām al-Laknawī menggunakan beberapa metode antaranya:

¹⁶⁸ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op. cit.*, h. 182-183

¹⁶⁹ *al-Ḥisn al-Ḥaṣīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn* merupakan kitab yang mengumpulkan doa-doа, wirid-wirid dan zikir-zikir yang diambil daripada hadis-hadis dan *āthār*. Kitab ini selesai dikarang oleh Ibn al-Jazariyy pada tahun 791 H di Damsyik. Ianya dicetak di Mesir pada tahun 1277 H dan di percetakan Būlāq, Kaherah pada tahun 1320H. (Lihat Yūsuf Ilyās Sarkīs (1928M), *Mu`jam al-Maṭbūtāt al-`Arabiyyah*, Mesir: Maṭba`ah Sarkīs bi Miṣr, j. 1, h. 63)

¹⁷⁰ Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad Abū al-Khayr al-Umariyy al-Dimashqiyy al-Shīrāzī al-Šhāfi`iyy al-Muqrī` lebih dikenali dengan panggilan Ibn al-Jazariyy. Merupakan Shaykh *al-Iqra`* dan *ḥuffāz al-hadīth* pada zamannya. Beliau dilahirkan pada 751H di Damsyik dan dibesarkan di sana. Tamat menghafal al-Quran pada tahun 764H kemudiannya menuntut ilmu *Qirā`at*, *Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh* dan hadis. Mempunyai karya-karya hebat seperti *al-Nashr fī al-Qirā`at al-Ashr*, *al-Tamhid fī al-Tajwid*, *al-Bidāyah fī `Ulūm al-Riwāyah*, *al-Hidāyah fī Funūn al-Hadīth* dan lain-lain. Beliau meninggal pada tahun 1350 H. (Lihat Muḥammad bin Ḥasan `Aqīl Mūsā (1995) *op. cit.*, 550-551; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 45-46)

- a. Menghurai lafaz serta menerangkan maknanya dari segi bahasa dan syarak.
- b. Mengumpulkan beberapa naskhah kitab dan membuat perbandingan.
- c. Mentakhrījkan hadis-hadis mengikut mengikut keperluan.
- d. Menjelaskan sebahagian kemosykilan yang berkaitan dengan lafaz hadis.
- e. Menukilkan pendapat-pendapat ulama yang telah menghuraikan kitab sebelum ini.

Kitab ini telah dicetak di Lucknow dipercetakan Najm al-`Ulūm pada tahun 1278H kemudiannya diulang cetak dipercetakan yang sama pada tahun 1306H.¹⁷¹

viii. *al-Ajwibah al-Fāḍilah Li al- As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*¹⁷²

Kitab ini merupakan salah satu karya penting Imām al-Laknawi di dalam bidang ilmu hadis. Ringkasnya kitab ini di karang bagi menjawab sepuluh persoalan berkaitan `ulūm al-hadīth yang diajukan kepada pengarang oleh seorang ulama yang sezaman dengannya iaitu oleh al-`Allāmah al-Jalīl al-Ustādh Muḥammad Ḥusayn al-Lāhūrī. Kitab ini merupakan kajian disertasi penulis yang akan dibincangkan secara mendalam pada bab yang keempat.

Karya-karya Imām al-Laknawi mendapat tempat di kalangan penuntut ilmu sama ada di India mahupun di negara-negara lain. Beliau mengucapkan syukur kepada Allah

¹⁷¹ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op. cit.*, h. 190

¹⁷² Penulis menggunakan kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah Lil As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah* dengan *taḥqīq* al-Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah yang dicetak di Maktab al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, Kaherah, tahun 1984 sebagai rujukan.

s.w.t di atas nikmat kurniaanNya terhadap penerimaan karya-karya beliau dari kalangan para ulama dan penuntut ilmu. Beliau berkata: “Aku sangat bersyukur kepada Allah kerana karya-karyaku sangat diterima dan terpuji di kalangan pelajar, Dia juga menjadikannya tersebar luas dan masyhur sehingga dirujuk oleh *al-afāḍil* (orang-orang yang mulia) di negara-negara yang jauh dan ianya tidak diaibkan melainkan oleh mereka yang dengki dan keras kepala yang mana mereka itu merupakan golongan yang tertolak”.¹⁷³

2.2.12 Sakit Dan Kematian

Setiap yang bernyawa pasti menemui kematian. Setelah perjalanan panjang dalam menuntut dan menyebarkan ilmu pengetahuan serta menghidupkan sunnah. Imām al-Laknawī kembali menghadap Allah s.w.t pada umur 39 tahun setelah beberapa kali diuji dengan kesakitan.

Imām al-Laknawī ditimpa sakit sebelum meninggal dunia sebanyak tiga kali. Kali pertama sekembalinya beliau dari menunaikan fardhu haji buat kali yang kedua. Beliau mengalami cirit birit dan masalah penghadaman. Para doktor tidak dapat mengenal pasti punca penyakit. Oleh kerana itu penyakitnya tidak dapat disembuhkan sehingga beliau dirawat oleh al-Ḥakīm Muḥammad al-Shī`ī akhirnya dengan izin Allah s.w.t beliau kembali sihat. Kali kedua beliau ditimpa sakit pada tahun 1302H ketika mana beliau bermusafir ke Hyderabad untuk menghadiri satu majlis yang diadakan oleh saudara mara beliau.¹⁷⁴

¹⁷³ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1326H) *op. cit.*, h.32

¹⁷⁴ Waliy al-Dīn al-Nadwī (1995) *op.cit.*, h. 79-80

Seterusnya, sakit yang membawa kepada kematian beliau bermula pada pertengahan tahun 1303H. Beliau mengalami batuk-batuk dan pitam berulang-ulang yang berterusan sehingga ke akhir bulan Rabiul Awal 1304H. Pada hari Ahad malam Isnin, beliau pengsan ketika sedang menunaikan solat Isyak dan dibawa ke tempat pembaringan oleh pembantu beliau. Pada malam tersebut beliau tidak sedarkan diri berulang kali dan akhirnya pada hari Isnin pukul tiga pagi 30 Rabiul Awal 1304H bersamaan 1887M beliau menghembuskan nafas yang terakhir.¹⁷⁵

Shaykh `Abd al-Ḥayy al-Ḥasanī menyatakan kematian Imām al-Laknawī pada Rabiul Awal 1304H ketika berumur 39 tahun dan dikebumikan di perkuburan kaum kerabatnya. Beliau yang turut hadir ketika pengkebumian¹⁷⁶ menyatakan hari itu adalah adalah hari yang paling sukar, manusia yang tidak terbilang ramainya berkumpul di perkuburan dari segenap lapisan dan golongan. Pada hari itu jenazah Imām al-Laknawī disolatkan sebanyak tiga kali.¹⁷⁷

2.3 Biografi Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī

Berikut pula adalah latar belakang ringkas Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 79-80; Muḥammad bin Ja`far al-Kattānī (t.t), *op. cit.*, h. 115; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op. cit.*, j.6, h. 187

¹⁷⁶ Imām al-Laknawī dikebumikan di *bāgh anwār* iaitu taman *al-anwār* kepunyaan Maulānā Aḥmad Anwār al-Ḥaqq. Makamnya diperbuat daripada marmar putih yang berkilat dan tertulis di atasnya beberapa bait *qaṣīdah* pujian terhadap beliau selepas kematianya. (Lihat `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (2004), *op.cit.*, h. 16)

¹⁷⁷ `Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Ḥasanī (1999), *op.cit.*, h. 1270

2.3.1 Nama Dan Kelahiran

Nama penuh beliau ialah Zafar Aḥmad bin Laṭīf al-`Uthmānī al-Tahānawī. Beliau dilahirkan pada 13 Rabiul Awal 1310H bersamaan 10 Oktober 1892M di Deoband, India.¹⁷⁸

2.3.2 Pendidikan Dan Kerjaya

Beliau merupakan seorang anak yatim. Setelah kematian ibunya ketika berumur tiga tahun beliau dijaga serta dididik oleh neneknya dengan sebaik-baiknya. Pada peringkat awal pendidikan, beliau mempelajari al-Quran pada usia lima tahun melalui ramai ulama di Deoband antaranya al-Ḥāfiẓ Namdār yang merupakan salah seorang tenaga pengajar di Dār al-`Ulūm Deoband, al-Ḥāfiẓ Ghulām al-Rasūl dan Mawlāna Nadhīr Aḥmad. Apabila genap usia tujuh tahun, beliau mula mempelajari buku-buku berbahasa Urdu dan Parsi di bawah bimbingan Mawlānā Muḥammad Yasin ayahanda kepada Shaykh Muḥammad Shafī` al-Deobandī iaitu mufti Karachi yang merupakan pengasas Dār al-`Ulūm, Karachi.

Kemudian beliau berpindah ke Thana Bhawan untuk meneruskan pengajian di pusat pengajian milik bapa saudaranya iaitu Ḥakīm al-Ummah Mawlānā Muḥammad Ashraf `Alī al-Tahānawī. Di situ beliau mempelajari bahasa Arab seperti *Naḥwū*, *Sarf* dan kesusateraan di bawah bimbingan Mawlānā Muḥammad `Abd Allāh al-Kankūhī. Selain itu beliau menuntut ilmu tajwid dan mempelajari kitab *al-Talkhiṣāt al-`Ashr* serta

¹⁷⁸Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op.cit.*, h. 11

beberapa bab daripada kitab *al-Mathnawi* karangan Jalāl al-Dīn al-Rūmī melalui bapa saudaranya Ḥakīm al-Ummah.

Selanjutnya beliau berhijrah ke Kanpur dan memasuki sebuah madrasah yang dinamakan Jāmi` al-`Ulūm yang diasaskan oleh bapa saudaranya. Di sana beliau mula mempelajari kitab-kitab hadis seperti *Ṣaḥīḥ Buḥkārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dawūd*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibnu Mājah*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Mishkāt al-Maṣābīh* dan beberapa kitab *muṣṭalaḥ ḥadīth*. Selain mendalami bidang hadis beliau juga mempelajari beberapa kitab *fiqh*, tafsir dan lain-lain.

Setelah berusaha gigih dalam mencari ilmu pengetahuan serta memperolehi sanad di dalam bidang ilmu *shar`iyyah* dan `aqliyyah beliau menyambung pengajian ke Maẓāhir al-`Ulūm, Saharanpur untuk mendalami ilmu hadis daripada *muḥaddith* Maowlānā Khalīl Aḥmad al-Sahāranfūrī pengarang kitab *Baḍhl al-Majhūd fī Sharḥ Sunan Abī Dawūd*. Setelah beberapa lama mendalami ilmu hadis akhirnya beliau memperolehi *ijāzah* di dalam hadis dan *ulūm al-ḥadīth* serta lain-lain ilmu sama ada *naqliyyah* atau `aqliyyah. Akhirnya, pada usia seawal 18 tahun beliau berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya iaitu pada tahun 1328H/1910M.

Kecemerlangan dan kebijaksanaan beliau di dalam ilmu pengetahuan menyebabkan beliau ditempatkan sebagai guru di Maẓāhir al-`Ulūm, Saharanpur. Di sana, beliau ditugaskan mengajar subjek Uṣūl *fiqh*, mantik, falsafah dan lain-lain. Kemudian beliau berpindah ke madrasah Imdād al-`Ulūm, Thana Bhawan dan mengajar kitab-kitab hadis, *fiqh* dan tafsir. Dengan kesungguhannya di dalam pendidikan, di tangannya lahir ramai ulama.

Seterusnya, beliau berkhidmat di al-Madrasah al-Muhammadiyyah di Rangoon, Burma selama dua tahun sebelum kembali semula Thana Bhawan. Kemudian beliau berhijrah pula ke Dakka dan mengasaskan madrasah *al-Jāmi`ah al-Qurāniyyah al-`Arabiyyah* bagi pengajian al-Quran, hadis dan lain-lain. Penghijrahan beliau yang terakhir dalam menyebarluaskan ilmu pengetahuan ialah ke Pakistan di mana beliau mengajar hadis di Dār al-`Ulūm al-Islāmiyyah, Tando Allāhyār, Sindh, Pakistan.¹⁷⁹

2.3.3 Karya-Karya

Sebagai seorang ilmuwan, Shaykh al-Tahānawī mempunyai pelbagai karya berbahasa Arab atau Urdu khususnya di dalam ilmu hadis dan fekah. Antara karya beliau yang masyhur ialah kitab *I`lā` al-Sunan* yang mengambil masa selama 20 tahun untuk disempurnakan. Karya-karyanya yang lain ialah *Dalā'il al-Qur`ān `Alā Masā'il al-Nu`mān*, *Kashf al-Dujā `an Wajh al-Ribā*. Karya-karya beliau di dalam Bahasa Urdu antaranya *al-Qawl al-Matīn fī al-Ikhfā` bi Āmīn*, *Shaqq al-Ghayn `an Haqq Raf` al-Yadayn*, *Rahmah al-Quddūs fī Tarjamah Bahjah al-Nufūs* dan *Fātiḥah al-Kalām fī al-Qirā`ah Khalf al-Imān*.¹⁸⁰

2.3.4 Keperibadian Dan Kematian

Shaykh al-Tahānawī seorang yang kuat semangat di dalam menyebarluaskan ilmu pengetahuan. Di dalam usia yang telah lanjut beliau masih lagi mengajar kitab *Saḥīḥ al-Bukhārī* di Dār al-`Ulūm al-Islāmiyyah, Tando Allāhyār, Sindh, Pakistan. Beliau juga seorang yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Walaupun dalam keadaan

¹⁷⁹*Ibid.*, h. 8-9

¹⁸⁰*Ibid.*, h. 9

lemah dan sakit beliau masih melakukan solat lima waktu di masjid serta sentiasa berzikir kepada Allah s.w.t. Setelah sekian lama menyumbangkan tenaga dan bakti dalam menyebarkan ilmu pengetahuan, beliau menghembuskan nafas yang terakhir pada bulan Zulkaedah 1394H bersamaan November 1974M.¹⁸¹ Moga-moga Allah s.w.t menempatkannya di kalangan hamba-hambanya yang soleh. *Āmīn.*

2.4 Kesimpulan

Jika diselusuri latar belakang Imām al-Laknawī maka didapati beliau merupakan seorang ulama yang hebat di dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan terutama bidang ilmu hadis dan *fiqh*. Kehidupannya diwarnai dengan ilmu sejak kecil sehinggalah beliau berjaya meletakkan dirinya sebaris dengan para ulama lain. Pengajaran dan penulisan merupakan dua bidang yang amat beliau cintai untuk menyebarkan ilmu. Kemahiran dan kelebihan di dalam penulisan meninggalkan ratusan karya yang tidak ternilai. Sifat kesederhanaan dan akhlaknya yang terpuji menjadikan beliau seorang yang amat dihormati dan disegani.

Tidak kurang juga Shaykh al-Tahānawī merupakan seorang ulama yang banyak berhijrah dalam menuntut dan menyumbang ilmu pengetahuan. Pemergian mereka merupakan satu kehilangan besar kepada umat Islam khususnya kepada benua India tempat kelahiran dan tempat mereka mencerahkan bakti serta menghidupkan *al-sunnah*. Walaupun jasad dan roh beliau telah kembali ke rahmatullah, namun segala jasa dan mutiara ilmu yang telah digilap tetap menyinari dunia Islam sehingga kini. Moga-moga

¹⁸¹Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1418H/1997M), *op.cit*, j.1, h.27

Allah s.w.t merahmati beliau dan menempatkannya dikalangan para *anbiyā*, *awliyā* dan *saliḥīn* sepetimana yang beliau cita-citakan. *Āmin Yā Rabb āl-`Ālāmīn.*

BAB TIGA

PENGENALAN KITAB *AL-AJWIBAH AL-FĀDILAH LI AL-AS`ILAH AL-`ASHRAH AL-KĀMILAH DAN KITAB QAWĀ`ID FI`ULŪM AL-HADĪTH*

3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini penulis akan menumpukan kajian kepada kitab *al-Ajwibah al-Fādilah Li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*¹⁸² dan kitab *Qawā`id fi`Ulūm al-Hadīth* yang menjadi fokus utama disertasi penulis. Dua elemen penting yang menjadi keutamaan penulis di dalam bab ini ialah pengenalan kepada kitab *al-Ajwibah al-Fādilah* dan kitab *Qawā`id fi`Ulūm al-Hadīth* yang merangkumi nama kitab, sebab-sebab penulisan, isi kandungan dan maklumat cetakan. Manakala elemen yang kedua pula penulis akan cuba meneliti metode penyusunan dan pembahagian kitab seterusnya menumpukan kepada metode yang diaplikasikan oleh kedua-dua pengarang di dalam karya mereka ini.

3.2 Pengenalan Kitab *al-Ajwibah al-Fādilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*

al-Ajwibah al-Fādilah Li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah karangan Imām al-Laknawi merupakan sebuah kitab yang membahaskan mengenai beberapa perkara yang

¹⁸² Selepas ini disebut *al-Ajwibah al-Fādilah*. Di dalam disertasi ini, penulis menggunakan kitab *al-Ajwibah al-Fādilah* dītaḥqīq oleh Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah yang di terbitkan oleh Maktab al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, Kaherah pada tahun 1404H/1984M.

berkaitan dengan `ulūm al-hadīth. Kitab ini bersaiz sederhana besar dan mengandungi 302 halaman.¹⁸³

3.2.1 Nama Kitab

Kitab ini diberi judul *al-Ajwibah al-Fāḍilah Li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*. Pengarang meletakkan nama khusus bagi karya beliau ini sepetimana kebiasaan di dalam karya-karyanya yang lain. Penamaan karya ini dijelaskan di dalam pendahuluan kitab sebagaimana kata-kata beliau:

" هذه رسالة مشتملة على مباحث لطيفة، وعجالة متضمنة لنفائس غريبة:
متضمنة للأجوبة عن الأسئلة العشرة، التي سألني عنها بعض افضل الدهر،
وأمثال العصر، من بلدة معروفة بـ((لاهور)) لا زالت محفوظة عن الشرور،
حين إقامتي ببلدة حيدر آباد من مملكة الدكّن، لا زال محفوظاً عن البدع
والفتن، كتبتها على سبيل الإستعجال، مع كثرة الهموم ولحوق أصناف الملال،
والإشتغال بأنواع الأشغال، مقتصراً على ما لابد منه في الجواب، متجنبًا حد
الإطناب وسميتها: الأجوبة الفاضلة للأسئلة العشرة الكاملة، ليكون الإسم مخبراً
عن المسماي، واللفظ منبئاً عن المعنى... "¹⁸⁴

Petikan di atas jelas menunjukkan pengarang menamakan karyanya ini dengan *al-Ajwibah al-Fāḍilah Li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa *al-Ajwibah al-Fāḍilah* sememangnya karya Imām al-Laknawī. Pengarang turut

¹⁸³ Dengan *tahqīq* dan *ta`līq* Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah yang di namakan *al-Ta`līqāt al-Hāfilah `alā al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Penulis tidak menemui naskah asal cetakan pertama dan kedua tanpa *tahqīq* yang dicetak di percetakan al-Muṣṭafā`ī pada tahun 1299H dan percetakan Shawkat Islām pada tahun 1301H.

¹⁸⁴ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 19

menisbahkan karyanya ini kepada dirinya di dalam karya-karyanya yang lain seperti di dalam pendahuluan kitab *al-Si`āyah fī Kashf mā fī Sharh al-Wiqāyah*.¹⁸⁵

3.2.2 Dorongan Penulisan Kitab

Kitab ini dikarang bagi menjawab sepuluh soalan berkaitan `Ulūm al-Hadīth yang diajukan kepada beliau oleh seorang ulama yang sezaman dengannya. Beliau menjelaskan perkara ini di dalam pendahuluan kitab :

"هذه رسالة مشتملة على مباحث لطيفة، وعجالة متضمنة لنفائس غريبة:
متضمنة للأجوبة عن الأسئلة العشرة، التي سألني عنها بعض افضل الدهر،
وأمثال العصر، من بلدة معروفة بـ((lahor)) لا زالت محفوظة عن الشرور،
حين إقامتي ببلدة حيدر آباد من مملكة الدكّن، لا زال محفوظاً عن البدع
والفتن..."¹⁸⁶

Menurut Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah soalan-soalan tersebut diutuskan oleh al-`Allāmah al-Jalīl al-Ustādh Muḥammad Ḥusayn al-Lāhūrī¹⁸⁷ daripada Lahore kepada Imām al-Laknawī ketika beliau tinggal di Hyderabad. Imām al-Laknawī

¹⁸⁵ Pendahuluan kitab *al-Si`āyah fī Kashf mā fī Sharh al-Wiqāyah* di dalam *fiqh Hanafi* digelar sebagai *Daf` al-Ghiwāyah `amman Yuṭālib` Sharh al-Wiqāyah*. (Lihat Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1307 H.), *Daf` al-Ghiwāyah `amman Yuṭālib` Sharh al-Wiqāyah*, India: Maṭba` al-Muṣṭafā`ī Khān al-Hind, h. 42)

¹⁸⁶ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 19

¹⁸⁷ Beliau ialah Abū Sa`īd Muḥammad Husayn bin Raḥīm Bakhsha bin Dhawq Muḥammad al-Hindī al-Batūlī, merupakan salah seorang ulama besar India. Dilahirkan pada 17 Muharram 1256H. Menerima pendidikan daripada kalangan ulama antaranya Mufti Ṣadr al-Dīn al-Dihlawī, al-`Allāmah Nūr al-Ḥasan al-Kandahlawī dan *muḥaddith* al-Sayyid al-Nadīr Husayn. Beliau menerbitkan majalah *Ishā`ah al-Sunnah* yang membicarkan tentang golongan-golongan *bid`ah* dan menempelak Mirza Ghulām Aḥmad al-Qādiyāni dan lain-lain. Beliau sangat menentang pengikut-pengikut Imam Mazhab yang empat khususnya pengikut-pengikut mazhab Hanafi sehingga tercetusnya fitnah di antara pengikut mazhab Hanafi dan pengikut yang cenderung kepada fahaman ahli hadis hingga berlakunya pembunuhan. Setelah beliau tua dan melihat keadaan ini berlarutan beliau kembali kepada pendapat yang sederhana demi kebaikan umat Islam. Antara karya beliau ialah *al-Burhān al-Sātī`*, *Manh al-Bārī Fī Tarjīh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Hidāyat al-Rabb Li Ibāḥat al-Dabb* dan *al-Iqtisād Fī Bayān al-Itiqād*. Beliau meninggal pada tahun 1338H.(Lihat `Abdul al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Hasanī (1999), *op.cit.*, h. 1359)

menyusun buku ini bagi menjawab soalan-soalan yang telah diajukan dan dinamakan *al-Ajwibah al-Faḍīlah*.¹⁸⁸

3.2.3 Kandungan Kitab

Kitab ini membicarakan beberapa perkara tentang `ulūm al-ḥadīth. Namun begitu tidak semua topik yang berkaitan dengan `ulūm al-ḥadīth dibincangkan di sini. Secara lebih khusus, kitab ini merupakan kompilasi jawapan-jawapan yang telah dijawab oleh Imām al-Laknawī terhadap sepuluh soalan berkaitan `ulūm al-ḥadīth yang telah dikemukakan kepada beliau oleh al-`Allāmah al-Jalīl al-Ustādh Muḥammad Husayn al-Lāhūrī iaitu seorang ulama yang hidup sezaman dengan beliau. Sepuluh soalan yang diajukan kepada Imām al-Laknawī adalah seperti berikut:

Soalan Pertama : Berkaitan sanad dan kepentingannya di dalam urusan agama. Adakah sanad satu keperluan ataupun tidak di dalam agama?

Soalan Kedua : Berkenaan darjat hadis di dalam kitab-kitab *sunan* dan lain-lain kitab hadis yang masyhur. Adakah semua hadis di dalam kitab tersebut merupakan hadis-hadis *sahīḥ li dhātih* dan *sahīḥ li ghayrih* ataupun *ḥasan li dhātih* dan *ḥasan li ghayrih*?

Soalan Ketiga : Adakah dibolehkan berhujah dengan hadis-hadis di dalam kitab-kitab *sunan* tanpa dikaji dan diteliti terlebih dahulu darjatnya dan apakah spesifikasi kehujahan sesebuah hadis?

¹⁸⁸ Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1984), *al-Ta`līqāt al-Ḥāfiyah `Alā al-Ajwibah al-Faḍīlah*, Beirut: Maktab al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, h. 7

Soalan Keempat : Bagaimana mengatasi masalah perselisihan pendapat di antara ulama hadis sekiranya terdapat percanggahan di dalam menentukan hukum sesebuah hadis?

Soalan Kelima : Adakah didahulukan *al-nasakh* atau dihimpunkan (*al-jam`*) sekiranya di sana terdapat hadis-hadis *sahīḥ* yang bertentangan?

Soalan Keenam : Adakah didahulukan *al-jam`* ke atas *al-tarjīḥ* seperti pendapat al-*Muḥaddithūn* dan *al-Shāfi`iyyah* atau didahulukan *al-tarjīḥ* ke atas *al-jam`* seperti pendapat *al-Hanafiyah*?

Soalan Ketujuh : Adakah hadis-hadis yang ditakhrijkan oleh *al-Shaykhayn*, banyaknya jalan hadis dan *fiqh al-rāwi* tergolong di dalam bentuk-bentuk *tarjīḥ* (*wujūh al-tarjīḥ*)?

Soalan Kelapan : Adakah diterima *al-jam`* hanya berpandukan pendapat (*al-ra`y*) sahaja tanpa berdalilkan nas syarak?

Soalan Kesembilan : Seseorang perawi yang tidak beramal dengan zahir hadis yang diriwayatkan olehnya maka bolehkah dijadikan hujah untuk ditinggalkan riwayat itu ataupun tidak?

Soalan Kesepuluh : Adakah ditawarkan penerimaan sesebuah hadis *sahīḥ* sekiranya terdapat pertembungan antara hadis itu dengan kata-kata dan perbuatan sahabat?

Demikianlah soalan-soalan yang dikemukakan oleh penyoal kepada Imām al-Laknawī yang mendorong beliau untuk menyusun kitabnya *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Soalan-soalan tersebut dijawab dengan teliti oleh Imām al-Laknawī yang disokong oleh dalil-dalil, pendapat para ulama dan dinyatakan juga sumber-sumber rujukan.

3.2.4 Cetakan Kitab

Kitab ini dicetak buat pertama kali di percetakan al-Muṣṭafā^ī pada tahun 1299H. Kemudiannya dicetak untuk kali kedua di percetakan Shawkat Islām pada tahun 1301H.¹⁸⁹ Seterusnya dicetak dengan *taḥqīq* dan *ta`līq* oleh Shaykh `Abd Al-Fattāḥ Abū Ghuddah di Maktab al-Maṭbū`āt al-Islamiyyah, Ḥalb pada tahun 1384H/1964M. Manakala cetakan terakhir juga dengan dengan *taḥqīq* dan *ta`līq* oleh Shaykh `Abd Al-Fattāḥ Abū Ghuddah di terbitkan oleh Maktab al-Maṭbū`āt al-Islamiyyah, Kaherah pada tahun 1404H/1984M.¹⁹⁰

3.2.5 Metode Penyusunan Kitab

Penulis tidak menemui sebarang penjelasan daripada pengarang sendiri atau selainnya yang boleh dijadikan sandaran bagi menerangkan metode penyusunan dan pembahagian kitab ini. Walaubagaimanapun berdasarkan pemerhatian kepada kitab dan kajian terhadap kandungannya, penulis mendapati pengarang membahagikan kitabnya kepada tiga bahagian iaitu:

1. Pendahuluan (*Muqaddimah*)
2. Isi Kandungan (Soalan Dan Jawapan)
3. Penutup

¹⁸⁹ Waliyy al-Dīn al-Nadwī (1995), *op.cit.*, h. 185

¹⁹⁰ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 2

1. Pendahuluan (*Muqaddimah*)

Pengarang memulakan kitabnya dengan *muqaddimah* ringkas dimulai dengan *basmalah* dan pujian-pujian bagi Allah s.w.t. Kemudian disusuli dengan selawat dan salam ke atas Rasulullah s.aw. Seterusnya pengarang memperkenalkan diri dengan menyebut nama dan gelarannya. Setelah itu diterangkan sebab penulisan kitab yang merupakan jawapan terhadap sepuluh soalan yang diajukan kepada beliau oleh seorang ulama yang sezaman dengannya dari wilayah Lahore. *Muqaddimah* kitab diakhiri dengan penamaan karyanya ini dengan *al-Ajwibah al-Fāḍilah Li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah*.¹⁹¹

2. Isi Kandung Kitab (Soalan Dan Jawapan)

Setelah selesai *muqaddimah*, pengarang meneruskan dengan soalan-soalan yang diajukan. Sebanyak sepuluh soalan yang disertai jawapan disusun berturutan daripada soalan pertama sehingga salah soalan kesepuluh. Di dalam menyusun soalan dan jawapan pengarang menggunakan beberapa metode iaitu:

- a. Meletakkan Nombor Soalan Dengan Menggunakan Perkataan

Di dalam menyenaraikan soalan-soalan yang diajukan, pengarang meletakkan nombor soalan dengan perkataan seperti *al-Su`āl al-Awwal*, *al-Su`āl al-Thānī* dan

¹⁹¹ *Ibid.*, h. 19-20

seterusnya sehingga ke kepada soalan yang terakhir bagi memudahkan pembaca. Ini menunjukkan beliau adalah seorang yang sistematik di dalam mengarang.

Contoh :

السؤال الأول

في الإسناد

هل الإسناد مطلوب في الدين، أم لا؟ فان اختير الشق الثاني، فما معنى قول

إبن المبارك: الإسناد من الدين؟...¹⁹²

b. Memberikan Tajuk Kepada Setiap Soalan

Pengarang memberikan tajuk kepada setiap soalan. Ini bagi memudahkan pembaca mendapatkan gambaran awal tentang pokok perbahasan soalan. Pengarang meletakkan tajuk tersebut di bawah setiap nombor soalan.

Contoh :

السؤال السادس

في تقدم الجمع على الترجيح وبالعكس

الجمع مقدم على الترجح كما عليه المحدثون والشافعية؟ أو الترجح مقدم على

الجمع كما عليه الحنفية؟¹⁹³

¹⁹² Ibid., h. 20-21

¹⁹³ Ibid., h. 176

c. Meringkaskan Soalan

Adakalanya pengarang meringkaskan soalan yang terlalu panjang. Ringkasan soalan ini juga diletakkan di bawah nombor soalan.

Contoh :

السؤال الرابع

كيف يدفع تعارض أقوال المحدثين؟

لما كان طريق التمييز بين الختاج به وغيره الاعتماد على تصريح الأئمة
والترزامهم، مما يفعل في صورة تعارض أقوالهم؟ مثلاً...¹⁹⁴

d. Meletakkan Perkataan *al-Jawāb* (الجواب) Sebelum Jawapan

Pengarang meletakkan perkataan (الجواب) sebelum menjawab setiap soalan yang dikemukakan.

Contoh :

السؤال الأول

في الإسناد

هل الإسناد مطلوب في الدين، أم لا؟ فان اختير الشق الثاني، فما معنى قول
إبن المبارك: الإسناد من الدين؟ ...

¹⁹⁴ *Ibid.*, h.160

الجواب

الإسناد مطلوب في الدين، قد رغبت إليه أئمة الشرع المتين.....¹⁹⁵

Penulis mendapati pengarang konsisten dengan metode ini sehingga lalih kepada soalan yang terakhir.

3. Penutup

Pengarang mengakhiri kitabnya dengan penutup ringkas yang terkandung di dalamnya tarikh kitab ini selesai dikarang iaitu pada malam Isnin, 2 Zulhijjah tahun 1291 Hijrah. Setelah itu pengarang mengucapkan puji-pujian bagi Allah s.w.t dan selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w serta keluarga dan sahabat baginda s.a.w:

"ول يكن هذا آخر الكلام في هذا المقام، وكان ذلك في ليلة الإثنين
الثاني من ذي الحجة من شهور السنة الحادية والتسعين بعد الألف
والمائتين من الهجرة النبوية، على صاحبها أفضل صلاة وتحية. وآخر
دعوانا أن الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام عتى رسوله محمد
وآلـه وصحبه أجمعين."¹⁹⁶

3.2.6 Kelebihan Dan Kekurangan Kitab

Pengarang memberikan komitmen kepada bidang penulisan seawal usia dua belas tahun lagi. Beliau terkenal sebagai seorang yang sangat mendalam kajiannya. Bakat dan

¹⁹⁵ Ibid., h.20-21

¹⁹⁶ Ibid., h. 227

anugerah Allah s.w.t kepada beliau serta minat dan pengalaman di dalam bidang penulisan menyebabkan karya-karya beliau mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri.

3.2.6.1 Kelebihan

Antara kelebihan kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah* ialah:

a. Pengarang Menggunakan Banyak Rujukan

Pengarang dalam membahaskan sesuatu isu, tidak memadai dengan hanya berpandukan satu atau dua rujukan sahaja. Beliau merujuk sebanyak mungkin sumber-sumber yang ada bagi membezakan antara hak dan batil kemudiannya memberikan pendapat sendiri sekiranya perlu hasil daripada bacaan dan kajian yang mendalam. Di dalam berkarya, beliau menukikan pandangan dan perselisihan ulama, menganalisis dan mentarjīh. Beliau benar-benar menguasai sesuatu bidang kajian sehinggakan menurut Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Imām al-Laknawī di dalam menjalankan sesuatu kajian beliau seolah-olah menumpukan seluruh kehidupannya terhadap kajiannya itu!¹⁹⁷

b. Bahasa Yang Mudah Difahami

Pengarang kitab menggunakan laras bahasa Arab yang mudah difahami. Bahasa yang digunakan tidak meleret-leret memudahkan pembaca untuk memahami isu yang

¹⁹⁷ *Ibid.*, h. 14

dibahaskan. Walaupun begitu, pengarang turut menyelitkan unsur-unsur *Balāghah* seperti *al-Saja`* bagi menambahkan keindahan karya beliau. Ini menunjukkan pengarang dapat mengusai bahasa Arab dengan amat baik walaupun beliau bukanlah seorang berbangsa Arab (*`ajam*). Selain itu juga pembaca akan dapat merasakan kelembutan bahasa yang digunakan, jauh daripada sifat *riya`* dan *takabbur* bahkan disulami dengan sifat *tawādu`*.

c. Susunan Kitab Yang Menarik

Pengarang kitab berjaya menyusun karyanya dengan menarik sekali. Susunannya dimulai dengan nombor soalan, diikuti dengan tajuk, diteruskan pula dengan jawapan secara langsung. Kemudian barulah pengarang membawakan dalil-dalil samaada daripada hadis Rasulullah s.a.w, kata-kata sahabat dan pandangan para ulama. Pengarang juga membawakan perselisihan para ulama sekiranya ada. Ada kalanya beliau mentarjīh pendapat yang dirasakan benar serta membuat kesimpulan di akhir perbahasan. Metode ini memudahkan para pembaca mendapatkan kefahaman yang jelas dari isu-isu yang dibahaskan.

3.2.6.2 Kekurangan

Setiap karya pasti mempunyai kekurangan kerana sememangnya sifat makhluk tidak sempurna. Kelemahan dan kekurangan sesebuah karya tidak bermakna ia akan diketepikan tetapi menjadi tanggungjawab para *pentahqīq* untuk membuat semakan seterusnya penambahbaikan. Imām al-Laknawī walaupun sebagai seorang tokoh hadis tidak terlepas dari sifat kecuaian yang sentiasa membelengu setiap insan. Lebih-lebih

lagi pengarang telah menjelaskan di dalam pendahuluan yang mana kitab ini ditulis agak tergesa-gesa dan diselangi pula dengan tugas-tugas lain yang perlu diselesaikan. Penulis mendapati ada beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki iaitu:

a. Hadis Tidak Di*Takhrij*.

Antara kekurangan yang penulis dapati ialah pengarang kitab tidak mentakhrījkan sebahagian hadis-hadis Rasulullah s.a.w. walaupun bilangan matan hadis yang terdapat di dalam kitab ini sangat sedikit. Oleh kerana itu pembaca tidak dapat mengetahui sumber dan status hadis sama ada *sahīh* ataupun *da`īf*.

Contohnya ketika pengarang membicarakan tentang kepentingan sanad di dalam soalan pertama, beliau menyatakan hadis ini tanpa *ditakhrij*:

وَحْدِيْثٌ : () سِيْكُونُ فِي آخِرِ أَمْتِي نَاسٌ يَجْدِثُونَكُمْ بِمَا لَمْ تَسْمَعُوا وَلَا آباؤُكُمْ فَإِيَّاكُمْ وَإِيَّاهُمْ ()¹⁹⁸

Di dalam perbahasan yang sama, beliau turut menyatakan sebuah hadis yang lain tanpa *ditakhrij*kan hadis tersebut:

وَحْدِيْثٌ : () فِي آخِرِ الزَّمَانِ دِجَالُونَ كَذَابُونَ، يَأْتُونَ مِنَ الْأَهَادِيْثِ مَا لَمْ تَسْمَعُوا أَنْتُمْ وَلَا آباؤُكُمْ، فَإِيَّاكُمْ وَإِيَّاهُمْ، لَا يَضْلُّونَكُمْ وَلَا يَفْتَنُونَكُمْ ()¹⁹⁹

¹⁹⁸ *Ibid.*, h. 27

¹⁹⁹ *Ibid.*, h. 28

b. Kurang Teliti Di Dalam *Mentakhrīj* Hadis

Penulis mendapati pengarang kurang teliti dalam *mentakhrīj* hadis. Pengarang mengemukakan sebuah hadis²⁰⁰

((خَيْرُ الْقَرْوَنِ قَرِئَ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ يَفْشِلُونَ الْكَذَبَ))

أَخْرَجَهُ الْبَخَارِيُّ وَالْمُسْلِمُ وَغَيْرُهُمَا.²⁰¹

Setelah penulis melakukan *takhrīj*, ternyata lafaz hadis itu tidak diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī dan Imām Muslim.²⁰² Walaupun Imām Bukhārī ada meriwayatkan hadis yang hampir sama maksudnya tetapi dari segi lafaz terdapat banyak perbezaan.

Pada pandangan penulis perkara ini tidak sepatutnya berlaku lebih-lebih lagi pengarang sebagai seorang ulama di dalam ilmu hadis. Walaubagaimanapun pengarang sebagai manusia biasa, tidak terlepas dari melakukan kesilapan. Perkara ini juga sebagai pengajaran kepada para pengkaji hadis supaya menyelidiki dahulu kesahan riwayat sesebuah hadis.

c. Pemotongan Sanad Hadis Sepenuhnya

Penulis mendapati pengarang menampilkan hadis-hadis yang tidak dinyatakan sanad hadis sama sekali.²⁰³ Perkara ini jelas bertentangan dengan kandungan kitab ini yang awal-awal lagi membicarakan tentang kepentingan sanad. Sekiranya tidak

²⁰⁰ Lihat hadis di halaman 27

²⁰¹ Lihat *takhrīj* hadis ini pada halaman 109.

²⁰² Lihat hadis di halaman 27

²⁰³ Lihat hadis-hadis di halaman 27 dan 28

meletakkan sanad yang lengkap sekalipun, adalah lebih baik sekiranya ditampilkan perawi yang tertinggi dari kalangan sahabat. Ini bagi menjamin kualiti penulisan sesebuah hadis dan memudahkan pembaca melakukan *takhrīj* seterusnya menganalisa kemudian menyatakan hadis tersebut diriwayatkan oleh sanad hadis sekiranya diperlukan.

Imām al-Bukhārī dan Imām Muslim. Pada hakikatnya hadis tersebut tidak diriwayat oleh kedua-dua tokoh tersebut. Hadi yang dimaksudkan ialah:

d. Tidak Konsisten Dalam Jawapan

Pengarang kitab tidak konsisten dalam menjawab persoalan yang diajukan. Ini kerana di awal-awal kitab jawapan kepada soalan yang diajukan dibahas dengan detil dan panjang lebar. Namun di akhir-akhir kitab perbahasannya menjadi lebih ringkas. Contoh ini dapat dilihat jawapan kepada soalan nombor lapan,²⁰⁴ sembilan²⁰⁵ dan sepuluh²⁰⁶ perbahasannya sekitar dua atau tiga halaman sahaja

e. Kesilapan Percetakan

Selain dari kekurangan-kekurangan yang dinyatakan di atas terdapat pula kekurangan yang berpunca daripada kesilapan percetakan. Ini kerana teknologi penulisan dan percetakan pada zaman dahulu tidaklah sehebat seperti yang terdapat pada hari ini. Pada hari ini, dengan bantuan teknologi komputer dan teknologi percetakan yang tinggi, sebarang kesilapan dapat dikesan dengan cepat, dapat dibetulkan dan seterusnya dapat diminimumkan kesilapan itu. Oleh itu, tidak hairanlah

²⁰⁴ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), h. 219-220

²⁰⁵ *Ibid.*, h. 222-223

²⁰⁶ *Ibid.*, h. 224-227

sekiranya terdapat beberapa kekurangan dalam kitab ini yang kebanyakannya berpunca daripada kesilapan penulisan dan kesilapan percetakan.

Sebenarnya, kitab ini mengandungi kesilapan yang sangat minimum jika dibandingkan dengan proses penulisan dan percetakan pada zaman tersebut yang secara keseluruhannya berlaku secara manual. Lantaran itu, pada hari ini semua kesilapan itu mampu diperbaiki secara manual.

Berikut dipaparkan beberapa kesilapan ejaan yang dapat dikesan dalam kitab ini untuk diperbaiki dan dicetak semula pada masa akan datang. Penulis mengesan beberapa perkataan yang mempunyai kesilapan ejaan. Antaranya ialah:

i. **النواوي**²⁰⁷

Perkataan sepatutnya dieja tanpa huruf alif selepas huruf wau yang pertama iaitu yang merujuk kepada Imām al-Nawawī seorang Imām di dalam mazhab *Shāfi`ī*. Ini menunjukkan adanya kesilapan penambahan huruf di dalam perkataan **النواوي**.

ii. **الحنفية**²⁰⁸

Perkataan sepatutnya dieja dengan **الحنفية** bermaksud golongan yang berpegang kepada mazhab Hanafi. Kesilapan yang dikesan ialah pertukaran huruf alif kepada huruf *ya`*.

²⁰⁷ *Ibid.*, h. 62

²⁰⁸ *Ibid.*, h. 62

Perkataan داپ yang dimaksudkan pengarang kitab sebenarnya ialah آداب yang dapat difahami berdasarkan konteks ayat. Ini jelas menunjukkan adanya kesilapan tertinggal satu huruf iaitu huruf alif dipangkal perkataan.

Terdapat beberapa kesilapan di dalam beberapa perkataan lagi yang tidak penulis nyatakan di sini. Kesilapan-kesilapan ini merupakan kesilapan-kesilapan kecil jika hendak dibandingkan dengan isi kandungan kitab ini yang mempunyai nilai yang cukup tinggi.

3.3 Pengenalan Kitab *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīh*

Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīh karangan Shaykh al-Tahānawī merupakan sebuah kitab yang berkaitan dengan 'ulūm al-hadīh. Pengarang banyak membahaskan tentang *uṣūl* mazhab Hanafi di dalam ilmu hadis. Kitab ini asalnya merupakan *muqaddimah* kepada kitab *I'lā al-Sunan* karangan beliau sendiri yang diberi nama *Inhā' al-Sakan ilā man Yuṭāli` I'lā al-Sunan*.²¹⁰

3.3.1 Nama Kitab

Kitab ini sekarang dikenali dengan nama *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīh* yang dicetak berasingan daripada *I'lā al-Sunan*. Judul asal kitab ini ialah *Inhā' al-Sakan ilā man Yuṭāli` I'lā al-Sunan*. Judul kitab ini kemudiannya ditukar kepada *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīh* oleh Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah dengan izin daripada

²⁰⁹ *Ibid.*, h. 155

²¹⁰ Zafar Ahmād al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op.cit.*, h. 4-5

"ولما عزمت على نشرها وخدمتها مستقلة عن الكتاب، استأذنت من شيخنا

المؤلف بتعديل اسمها إلى ((قواعد في علوم الحديث)), فأذن لي حفظه

الله...²¹²"

Penjelasan dari *muḥaqqaq* menunjukkan beliau meminta izin daripada pengarang kitab untuk mengubah nama daripada *Inhā` al-Sakan ilā man Yuṭālī` I'lā` al-Sunan* kepada *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth*.

3.3.2 Cetakan Kitab

Kitab ini mendapat perhatian para ulama dan penuntut-penuntut ilmu. Ini memandangkan kitab ini telah diulang cetak sebanyak lima kali cetakan. Cetakan pertama adalah pada tahun 1348H/1929M di India. Cetakan kedua pula pada tahun 1383H/1963M di Pakistan. Kedua-dua cetakan ini menggunakan nama asal iaitu *Inhā` al-Sakan ilā man Yuṭālī` I'lā` al-Sunan*.²¹³ Seterusnya kitab ini dicetak buat kali ketiga dengan nama baru *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth* yang dītaḥqīq oleh Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah pada tahun 1392H/1972M. Cetakan seterusnya di Karachi pada tahun 1401H/1981 dan keluaran terkini dicetak di Riyadh pada tahun 1403H/1984M.

3.4 Metode Penyusunan Kitab

Berdasarkan pemerhatian kepada kitab dan kajian terhadap kandungannya, penulis mendapati pengarang membahagikan kitabnya kepada sepuluh fasal yang didahului

²¹¹Ibid., h. 4-5

²¹²Ibid., h. 5

²¹³Ibid.

dengan *muqaddimah* yang berkenaan dengan *Al-Mabādi` wa al-Hudūd*. Pengarang menyentuh beberapa perkara di dalam ilmu hadis dengan membahagikan kepada tiga tajuk kecil iaitu:

- i. *Al-Muqaddimah fī al-Mabādi` wa al-Hudūd*: Di dalam tajuk ini pengarang membincarkan tentang perkara-perkara asas di dalam ilmu hadis seperti ilmu hadis *riwāyah*, *dirāyah*, faedah-faedah ilmu hadis dan lain-lain secara ringkas.
- ii. *Hudūd Alfāz Tusta`mal fī hadhā al-`ilm*: Bahagian ini pula membincarkan tentang istilah-istilah di dalam ilmu hadis seperti sanad, matan, *musnid*, *muḥaddith*, *ḥafīẓ* dan lain-lain.
- iii. *Anwār al-Hadīth*: Bahagian ini pula membincarkan jenis-jenis hadis di mana pengarang memberikan takrifan setiap jenis hadis seperti *mutawātir*, *mashhūr*, *`azīz*, *sahīḥ* dan lain-lain istilah di dalam ilmu hadis.

Setelah selesai tajuk-tajuk kecil seperti yang diterangkan di atas, pengarang meneruskannya dengan fasal pertama sehingga ke fasal kesepuluh. Secara ringkas fasal-fasal tersebut membahaskan perkara-perkara seperti yang dinyatakan di bawah :

Fasal Pertama: *Taṣḥīḥ* dan *tād` īf* hadis merupakan perkara *ijtihādī*.

Fasal Kedua: Kaedah dan *uṣūl* yang berkaitan dengan hadis *sahīḥ* dan hadis *ḥasan*.

Fasal Ketiga: Hukum beramal dengan hadis *da`īf*.

Fasal Keempat: Hukum *al-raf*, *waqf*, *waṣl* dan *qat`* serta kehujahan fatwa-fatwa sahabat dan tabiin.

Fasal Kelima: Hukum *mursal*, *mudallas*, *mu`allaq*, *munqaṭi`* dan *mu`dal*.

Fasal Keenam: Hadis *muttarib*.

Fasal Ketujuh: Lafaz-lafaz *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*.

Fasal Kelapan: Percanggahan antara dalil-dalil syarak dan *al-tarjīh* antara kedua-duanya.

Fasal Kesembilan: Biografi imam-imam mazhab Hanafi iaitu Imam Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf dan Muḥammad bin Ḥasan al-Shaybānī

Fasal Kesepuluh: Istilah-istilah khusus yang terdapat di dalam kitab *I'lā al-Sunan* dan *muqaddimahnya Inhā al-Sakan*.

Pengarang mengakhiri kitabnya dengan penutup ringkas yang menyebut tarikh selesainya penulisan kitab iaitu pada hari Isnin sembilan hari bulan Rejab 1344H bersamaan 22 Januari 1926M.

3.5 Kesimpulan

al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah dan *Qawā'id fī `Ulūm al-Hadīth* merupakan dua buah karya tokoh hadis India yang mendapat perhatian para ulama dan penuntut ilmu. Pengarang telah menyusun kitabnya dengan baik serta menampilkan metodologi penulisan yang begitu menarik. Perbahasan di dalam sesuatu isu dilakukan dengan mendalam, teliti dan cukup jelas dengan bantuan rujukan-rujukan daripada kitab-kitab muktabar.

Laras bahasa yang mudah sekali-sekala disulami dengan unsur-unsur *Balāghah* menambahkan keindahan karya ini seterusnya menerbitkan kecintaan kepada para peneroka untuk mengutip mutiara-mutiara ilmu dan memanfaatkan sinarnya yang

bergemerlap. Walaupun terdapat beberapa kekurangan seperti yang dinyatakan tetapi kedua-dua karya ini tetap menjadi rujukan para penuntut ilmu tidak kurang juga para ulama sehingga ke hari ini.

BAB EMPAT

METODE PENULISAN IMĀM AL-LAKNAWĪ DI DALAM *AL-AJWIBAH AL-FĀDILAH* DAN PERBANDINGANNYA DENGAN METODE SHAYKH ΖAFAR AḤMAD AL-`UTHMĀNī AL-TAHĀNAWī DI DALAM *QAWĀ'ID FĪ 'ULŪM AL-HADĪTH*

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini penulis akan menumpukan kajian kepada metode yang diaplikasikan oleh Imām al-Laknawi di dalam kitab *al-Ajwibah al-Fādīlah* dan metode Shaykh al-Tahānawī di dalam kitabnya *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīth*. Penulis kemudiannya akan membuat perbandingan metode antara kedua-dua pengarang.

4.2 Metode Penulisan Imām al-Laknawi di Dalam *al-Ajwibah al-Fādīlah*

Penelitian penulis terhadap kitab ini mendapati pengarang menggunakan beberapa metode di dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan kepada beliau. Metode-metode yang ditampilkan di dalam kitabnya ini menonjolkan kesarjanaan beliau sebagai seorang pakar di dalam ilmu hadis. Penulis akan menyenaraikan metode-metode yang diaplikasi oleh pengarang diiringi contoh-contoh supaya lebih jelas kepada pembaca. Antara metode yang digunakan oleh pengarang di dalam kitab ini ialah:

4.2.1 Menjawab Soalan-Soalan Secara Langsung

Kebanyakan soalan yang dikemukakan oleh penyoal dijawab secara langsung oleh Imām al-Laknawī. Dengan kata lain, beliau tidak mengulas soalan yang diajukan tetapi terus kepada jawapan. Metode ini diaplikasikan di kebanyakan jawapan iaitu jawapan kepada soalan satu, dua, tiga, empat, lima, tujuh, lapan, sembilan.

Contoh :

السؤال الثاني

في كيفية أحاديث السنن الأربعه وغيرها من كتب الحديث
هل كل ما في هذه الكتب الضخام كـ(السنن الأربعه)، وتصانيف البهقي،
وتصانيف الدارقطني والحاكم وابن أبي شيبة، وغيرها من الكتب المشهورة من
الأحاديث المجموعة: صحيح لذاته أو لغيره؟ حسن لذاته أو لغيره؟ أم لا؟

الجواب

ليس كل ما في هذه الكتب وأمثالها صحيحاً أو حسناً، بل هي مشتملة على
الأخبار الصحيحة والحسنة والضعف والموضوعة...²¹⁴

Walaubagaimanapun dalam beberapa keadaan penulis mendapati pengarang juga memberikan pendahuluan atau mengulas soalan secara ringkas sebelum memberikan jawapan. Namun begitu, metode ini hanya diaplikasi untuk jawapan keenam dan kesepuluh sahaja.

Contoh 1 :

السؤال السادس

²¹⁴ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 66

في تقدم الجمع على الترجيح وبالعكس

الجمع مقدم على الترجيح كما عليه المحدثون والشافعية؟ أو الترجيح مقدم على الجمع كما عليه الحنفية؟²¹⁵

الجواب

لكل وجهة هو مولتها، ولكل مسلك مبرهن بالبراهين المذكورة في موضعها، والذي يظهر اختياره هو تقدم الجمع على الترجيح...²¹⁵

Contoh 2 :

السؤال العاشر

في معارضه الصحابي بالمرفوع

إذا وجد بمعارضة حديث مسنده صحيح قول صحابي أو فعله، فهل يتوقف في قبول ذلك الحديث؟ أم يتوقف عن قبول ذلك؟

الجواب

قول الصحابي وفعله المعارض لحديث مسنده صحيح لا يخلو: إما أن يثبت بمسند صحيح كمسند صحيح، أو لا، فعلى التقدير الثاني يتراجع الحديث على ذلك الأثر بالضرورة لترجم الثابت على غيره بالقوة....²¹⁶

4.2.2 Membawakan Hadis Rasulullah s.a.w

Pengarang membawakan hadis-hadis Rasulullah s.a.w bagi menguatkan sesuatu keterangan dengan pelbagai kaedah. Dalam perkara ini, beliau menggunakan pelbagai metode iaitu:

²¹⁵ Ibid., h. 196

²¹⁶ Ibid., h. 224

a) Menyatakan Matan Hadis Tanpa Sanad

Pengarang hanya menyebut matan hadis tanpa sanad. Contohnya ketika beliau membicarakan tentang keperluan sanad di dalam semua urusan agama lebih-lebih lagi selepas kurun-kurun yang diberitakan oleh Rasulullah s.a.w dengan kebaikan, beliau menyebut hadis dengan cara ini.

ويشهد له حديث ((خیر القرون قرني، ثم الذين يلوّحهم، ثم الذين يلوّحهم، ثم
يُفشو الكذب)) أخرجه البخاري ومسلم وغيرهما.²¹⁷

Di dalam contoh di atas pengarang menyebutkan matan hadis sahaja tanpa perawi walaupun perawi tertinggi (*al-rāwi al-a`lā*) dari kalangan sahabat.

b) Menyatakan Matan Dan Mentakhrijkan²¹⁸ Hadis.

Di dalam menyatakan matan hadis, pengarang mentakhrijkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w secara ringkas.

²¹⁷ Penulis merujuk kepada *sahīh* Bukhāri dan *sahīh* Muslim namun tidak menemui lafaz hadis ini di dalam kedua-dua kitab tersebut. Selanjutnya penulis berusaha mentakhrijkan hadis ini melalui perisian *Jawāmi` al-Kalim* edisi 4. Hasil carian tidak menemui lafaz hadis yang dimaksudkan di dalam mana-mana kitab hadis. Walaubagaimanapun terdapat hadis yang hampir sama lafaz dan maksudnya daripada `Abdullah bin Mas`ūd yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dengan lafaz :

خير الناس قرنى، ثم الذين يلوّحهم، ثم يجيء أقوام تسبق شهادة أحد هم عينه وعيشه شهادته .

(Lihat Muhammad Bin Ismā`īl al-Bukhāri (2003), *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Shahādāt, Bāb la Yashhad `ala Shahādah Jūr idhā Ushhid, *op. cit.*, j. 2, h. 251 no. hadis 2652. Hadis ini turut diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitab *Sahīhnya* (Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī (1996), *Sahīh Muslim bi Sharḥ al-Nawawī taḥqīq al-Shaykh Khalīl Ma`mūn Shīḥā*, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Faḍā'il Ṣahabah, Bayrūt: Dār al-Ma`rifah, j. 8, h. 302, no.hadis 6419; Lihat komentar hadis ini oleh Shaykh `Abd Fattāḥ Abū Ghuddah di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah* halaman 27)

²¹⁸ *Takhrīj* merupakan suatu ilmu yang membahaskan mengenai prinsip dan metode yang memudahkan capaian kepada kedudukan hadis, *mutāba`at* dan *shawāhid* daripada sumber-sumber asal, sumber-sumber yang menyerupai asal dan sumber-sumber asal yang tidak asal seterusnya menentukan darjah sesebuah hadis itu sama ada diterima atau ditolak. (Lihat Muḥammad Abū Layth al-Khayr Ābādī (1999), *Takhrīj al-Hadīth Nash`atuhu wa Manhajiyatuhu*, Bangi: Dār al-Shākir, h. 10). Dengan kata lain ianya merupakan usaha seseorang untuk mengenalpasti kedudukan sesebuah hadis di dalam sumber-sumber rujukan asli agar dapat dikenalpasti status hadis itu dari sudut kesahihan dan kedaifannya.

Contoh :

ويشهد له حديث ((خـير الـقـرـون قـرـنـي، ثـمـ الـذـين يـلـوـنـهـمـ، ثـمـ الـذـين يـلـوـنـهـمـ، ثـمـ يـفـشـلـوـنـهـمـ الـكـذـبـ)) أخرجه البخاري ومسلم وغيرهما.²¹⁹

Di dalam contoh di atas pengarang menyatakan hadis itu diriwayatkan oleh Imām Bukhari dan Muslim serta selain dari kedua-duanya.

c) Menyatakan Matan Hadis Tanpa *Takhrīj*

Adakalanya pengarang kitab hanya menyatakan matan hadis sahaja tanpa *ditakhrīj*kan hadis tersebut. Contohnya juga di dalam perbahasan kepentingan sanad beliau menyatakan hadis seperti di bawah:

وـهـدـيـثـ : ((سـيـكـونـ فـيـ آـخـرـ أـمـتـيـ نـاسـ يـجـدـثـونـكـمـ لـمـ تـسـمـعـواـ أـنـتـمـ وـلـاـ آـبـاؤـكـمـ وـإـيـاهـمـ))²²⁰

Di dalam contoh di atas pengarang hanya membawakan matan hadis tanpa *ditakhrīj*kan hadis tersebut.

²¹⁹ Muḥammad Bin Ismā`īl al-Bukhārī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 251, no. hadis 2652; Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 302, no.hadis 6419

²²⁰ *Ibid.*, j. 1, h. 36, no. hadis 15

4.2.3 Mengemukakan *Athar*²²¹ Sahabat

Selain membawakan hadis-hadis Rasulullah s.a.w pengarang turut menyelitkan huraianya dengan *athar* sahabat. Sebagai contoh beliau mengemukakan *athar*²²²

وَأَثْرُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرٍ : ((إِنَّ فِي الْبَحْرِ شَيَاطِينَ مَسْجُونَةً أُوتُّقُهَا سَلِيمَانٌ ،
يُوْشِكُ أَنْ تَخْرُجَ فَتَقْرُأُ عَلَى النَّاسِ قُرْآنًا))²²³

وَأَثْرُ عَبْدِ اللَّهِ : ((إِنَّ الشَّيْطَانَ لِيَتَمَثَّلَ فِي صُورَةِ الرَّجُلِ فَيَأْتِي الْقَوْمَ فَيَحْدِثُهُمْ
بِالْحَدِيثِ مِنَ الْكَذِبِ ، فَيَتَفَرَّقُونَ فَيَقُولُ الرَّجُلُ مِنْهُمْ : سَمِعْتُ أَعْرَفُ وَجْهَهُ وَلَا
أَدْرِي مَا اسْمُهُ يَحْدُثُ)) أَخْرَجَهَا مُسْلِمٌ فِي صَحِيحِهِ .²²⁴

4.2.4 Menyatakan Rujukan

Imām al-Laknawī sangat terkenal sebagai seorang yang amat mendalam kajiannya dan sangat banyak menggunakan rujukan di dalam penulisan. Di dalam menyatakan rujukan beliau menggunakan pelbagai kaedah iaitu menyatakan nama penulis, judul kitab dan mengisyaratkan kepada rujukan lain untuk keterangan lanjut.

²²¹ *Athar* seerti dengan hadis iaitu sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. Ulama Khurasan menganggap *Athar* adalah *mauqūf* iaitu sesuatu yang diriwayatkan oleh sahabat sama ada perkataan atau perbuatan mereka. (Lihat Ibn Ṣalāḥ, `Ulām al-Ḥadīth (1986), *taḥqīq Nūr al-Dīn al-`Itr*, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 46, Nūr al-Dīn al-`Itr (1988), *Manhaj al-Naqd fī `Ulām al-Ḥadīth*, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 28)

²²² `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op. cit.*, h. 28

²²³ Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 36, no. hadith 17

²²⁴ *Ibid.*, j. 1, h. 36, no. hadith.18

a. Penyataan Nama Penulis Dan Judul Kitab

Di dalam menyatakan nama penulis dan judul kitab, pengarang menggunakan pelbagai kaedah iaitu :

- i. Menyatakan Nama Penulis Tanpa Judul Kitab sahabat setelah menukilkan pandangan ulama tentang kepentingan sanad dan kelebihannya di dalam agama.

Pengarang hanya menyebutkan nama penulis tanpa menyatakan judul kitab yang menjadi sumber rujukan maklumat tersebut. Metode ini agak menyukarkan pembaca untuk mendapatkan dari manakah sumber tersebut dipetik.

Contoh :

وذكر النwoي أن في ((السنن)) الصحيح والحسن والضعيف والمنكر، ومن هنا
اعترضوا على تسمية صاحب المصايح أحاديث ((السنن)) بالحسان: بأنه
إصطلاح لا يعرف عند أهل الفن.²²⁵

- ii. Menyatakan Nama Penulis Diikuti Dengan Judul Kitab

Pengarang kebiasaannya akan menyatakan nama penulis dahulu kemudian diikuti dengan judul kitab.

Contoh 1:

وقال ابن صلاح في ((مقدمة)): ((كتاب أبي عيسى الترمذى أصل في
معرفة الحديث الحسن)).²²⁶

²²⁵ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 67

²²⁶ *Ibid.*, h. 73

Contoh 2:

وقال السخاوي في ((فتح المغيث بشرح ألفية الحديث)) : ربما أدرج ابن الجوزي في ((الموضوعات)) الحسن والصحيح مما هو في أحد ((الصحيحين)) فضلا عن غيرهما، وهو توسيع منكر...²²⁷

iii. Menyatakan Nama Kitab Diikuti Dengan Nama Penulis

Ada kalanya pengarang menyatakan dahulu nama kitab kemudiannya barulah diikuti dengan nama penulisnya. Metode ini amat jarang digunakan di dalam penulisan beliau.

Contoh 1 :

وفي ((القول البديع في الصلاة على الحبيب الشفيع)) لشمس الدين السخاوي: سمعت شيخنا ابن حجر-أبي العسقلاني المصري-مراها يقول: شرط العمل بالحديث الضعيف ثلاثة...²²⁸

Contoh 2 :

وفي كتاب ((الإعتبار)) للحازمي : ادعاء النسخ مع إمكان الجمع بين الحديثين على خلاف الأصل، إذ لا عبرة بمجرد التزاحي...²²⁹

b. Mengisyaratkan Kepada Rujukan Lain

Pengarang sentiasa mengisyaratkan kepada sumber-sumber rujukan yang lain. Ini memudahkan pembaca mengenalpasti kesahihan maklumat di samping menambahkan

²²⁷ Ibid., h. 164

²²⁸ Ibid., h. 43

²²⁹ Ibid., h. 186

maklumat yang sedia ada. Di dalam mengisyaratkan kepada rujukan lain, pengarang menggunakan pelbagai kaedah:

i. Mengisyaratkan Kepada Kitab Karangan Pengarang Sendiri.

Contoh :

ولتطلب زيادة تنجيح هذا البحث من رسالتي ((ظفر الأمانى بشرح مختصر
المنسوب الى الحرجانى))²³⁰

Contoh di atas menunjukkan pengarang mengisyaratkan agar merujuk kepada kitab *Zāfar al-Amāni bī Sharḥ Mukhtaṣar al-Mansūb ilā al-Jurjānī*. Kitab ini merupakan salah sebuah karya milik pengarang sendiri.

ii. Mengisyaratkan Kepada Kitab Karangan Ulama Lain

Pengarang turut mengisyaratkan kepada kitab-kitab karangan ulama lain.

Contoh 1 :

ومن شاء زيادة التحقيق في هذا الباب، فليرجع إلى ((ميزان عبد الوهاب))
فإنه نعم العون على إنکشاف أسرار الصواب...²³¹

Contoh di atas menunjukkan pengarang mengisyaratkan agar dirujuk kepada kitab *al-Mīzān* yang dikarang oleh `Abd al-Wahhāb al-Shīrānī.

²³⁰ *Ibid.*, h. 59

²³¹ *Ibid.*, h. 195

Contoh 2 :

وقال بعض الكوفيين: كثرة الرواية لا تأثير لها في باب الترجيحات، لأن يرجح بكثرة الرواية إذا كانوا محتاجين من الطرفين، كذا ذكر الزيلعي في ((تخيير أحاديث المداية)) والعيني في ((البنيان شرح المداية)) وغيرهما.²³²

Contoh di atas menunjukkan pengarang mengisyaratkan kepada kitab *Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah* dan *al-Binayah Sharh al-Hidāyah*.

4.2.5 Menggunakan Istilah Tertentu

Pengarang banyak memetik pendapat ulama terutama tokoh-tokoh hadis. Beliau menggunakan istilah-istilah tertentu bagi menunjukkan bermula dan berakhirnya sesuatu petikan.

i. Memulakan Petikan

Bagi memulakan petikan pengarang menggunakan beberapa istilah yang diletakkan di awal teks iaitu:

i. Menggunakan Istilah *wa qāla* (وقال)

Pengarang banyak menggunakan istilah *wa qāl* (وقال) yang bermaksud “telah berkata” bagi memulakan petikan.

²³² *Ibid.*, h. 210

Contoh 1 :

وقال الشافعي: مثل الذي يطلب الحديث بلا إسناد كمثل حاطب ليل.²³³

Contoh 2 :

وقال العراقي في ((شرح ألفية الحديث)): أما غير الموضوع فجوزوا التساهل في إسناده وروايته من غير بيان ضعفة إذا كان في غير الأحكام والعقائد...²³⁴

ii. Menggunakan istilah *wafī* (وفي)

Pengarang juga meletakkan istilah *wafī* (وفي) di awal teks sebelum petikan.

Contoh :

وفي((منهاج السنة)) لابن تيمية: ما ينقله الثعلبي في تفسيره لقد أجمع أهل العلم بالحديث أنه يروي طائفة من الأحاديث الموضعية، كالحديث الذي يرويه في أول كل سورة وأمثال ذلك...²³⁵

iii. Menggunakan Istilah *wa dhakara* (وذكر)

Pengarang turut menggunakan istilah *wa dhakara* (وذكر) yang bermaksud “telah menyebut” dalam menukilkan pandangan ulama. Walaubagaimanapun istilah ini jarang diaplikasikan oleh pengarang jika dibandingkan dengan istilah *wa qāl* (وقال).

²³³ *Ibid.*, h. 22

²³⁴ *Ibid.*, h. 39

²³⁵ *Ibid.*, h. 101. Lihat juga contoh-contoh di halaman 85, 100, 144, 212 dan lain-lain.

Contoh 1 :

وذكر العراقي أنه قد تساهل من أطلق الصحيح على كتب ((السنن)), كابي طاهر السلفي حيث قال في ((الكتب الخمسة)) : إنفق على صحتها علماء المشرق والمغرب.²³⁶

Contoh 2 :

وذكر ابن الأثير في ((جامع الأصول)) أنه لا ينسخ الحكم بقول الصحابي: نسخ حكم كذا، ما لم يقل: سمعت رسول اللـ صلـ عـ وـ سـ، لأنـ رـ ما قاله عن إجتهاده...²³⁷

b. Mengakhiri Petikan

Pengarang meletakkan istilah-istilah tertentu di akhir teks apabila mengakhiri sesuatu petikan. Antaranya:

i. Meletakkan Perkataan *intahā* (إنتهى) Di Akhir Teks.

Pengarang meletakkan perkataan *intahā* (إنتهى) bermaksud “telah selesai” di akhir teks sekiranya beliau menukilkan teks sepenuhnya. Metode beliau ini memudahkan para pembaca membezakan antara huraihan pengarang dan petikan dari kitab-kitab lain. Selain itu, metode ini juga menonjolkan sifat amanah pengarang ketika menukilkan pendapat ulama. Contohnya ketika beliau menukilkan pendapat al-`Aynī²³⁸ tentang al-Hākim.²³⁹

²³⁶ *Ibid.*, h. 67

²³⁷ *Ibid.*, h. 191

²³⁸ Beliau ialah Maḥmud bin Aḥmad bin Mūsa bin Aḥmad bin Ḥusayn bin Muḥammad al-Badr al-Ḥalabī al-Hanafī yang lebih dikenali dengan al-`Aynī. Dilahirkan pada 17 Ramadhan 762H di `Ayntāb (Sekarang dikenali sebagai Gaziantep atau Antep), Turki. Antara karya beliau yang masyhur ialah *`Umdah al-Qari'* sebanyak 21 jilid merupakan syarah kepada *Saḥīḥ al-Bukhārī* yang dinukilkan daripada syarah Ibn Ḥajar. Karyanya yang lain ialah *Sharḥ Ma`āni al-Āthār*, *Kash al-Lithām* dan *Sharḥ al-Kalim al-Tayyib*. Beliau meninggal dunia pada 4 Zulhijjah 855H dan dikebumikan di Kaherah. (Lihat Muḥammad

وقال العيني في ((البنية)): قد عرف تساهله وتصحیحه للأحادیث الضعیفة

²⁴⁰ والموضوعة. إنتهى

ii. Meletakkan Perkataan *intahā kalāmuh* (إنتهى كلامه) Di Akhir Teks.

Pengarang juga meletakkan perkataan *intahā kalāmuh* (إنتهى كلامه) bermaksud “telah selesai kata-katanya” di akhir teks sekiranya petikan penuh dinukilkan.

Contoh :

وذكر ابن حزم الإجماع على أن مذهب أبي حنيفة: أن ضعيف الحديث أولى
عنه من الرأي والقياس إذا لم يجده في الباب غيره. فتحصل أن في العمل
بالحديث الضعيف ثلاثة مذاهب: لا يعمل به مطلقاً، يعمل به مطلقاً، يعمل
به في الفضائل بشروط. إنتهى كلامه.²⁴¹

iii. Meletakkan Perkataan *intahā mulakkhasan* (إنتهى ملخصاً) Di Akhir Teks.

Sekiranya petikan itu merupakan ringkasan bukan sepenuhnya daripada teks asal,
pengarang meletakkan *intahā mulakkhaṣan* (إنتهى ملخصاً) di akhir teks.

²³⁹ `Alī al-Shawkānī (1348H) *al-Badr al-Tālī` bi Maḥāsin man Ba`d al-Qarn al-Tāsi`*, Kaherah: Maṭba`ah al-Sā`ādah, juz. 2, h. 295)

²⁴⁰ Beliau ialah Abū Abd Allāh Muḥammad bin `Abd Allāh bin Muḥammad bin Ḥamdayyah bin Na`īm bin al-Ḥakam al-Ḍabbi al-Ṭahmānī al-Naysābūrī, al-Ḥākim, al-Shāfi`ī (321 H/933 M - 405 H/1014 M). Seorang *muḥaddith* dan *mu`arrikh*. Dilahirkan di Naysabur pada 3 Rabiul Awal pada tahun 321 H. Antara karyanya ialah *al-Mustadrak*, *Tarīkh Naisābūr*, *Ma`rifah `Ulūm al-Ḥadīth*, *al-Iklīl fī al-Ḥadīth* dan *Tarājim al-Suyūkh*. Beliau meninggal dunia di Naysabur pada 8 Safar 405H. (Lihat `Umar Riḍā Kāḥḥālah (1993) *Mu`jam al-Mu`allifīn*, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah, juz. 3, h. 454)

²⁴¹ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 80.

²⁴² *Ibid.*, h. 50. Lihat juga contoh di halaman 43 dan 186

Contoh :

"إِنْ لَمْ يُمْكِنْ الْجَمْعَ بَيْنَهُمَا، وَهُمَا حُكْمَانِ مُنْفَصِلَانِ نَظَرَتْ هَلْ يُمْكِنُ التَّمْيِيزُ
بَيْنَ السَّابِقِ وَالْتَّالِيِّ، فَإِنْ أَمْكِنَ وَجْبُ الْمَسْبِرِ إِلَى الْآخِرِ مِنْهُمَا، وَ إِنْ لَمْ يُمْكِنَ
التَّمْيِيزُ بَيْنَهُمَا بَأْنَ أَبْهَمِ التَّارِيخِ وَلَيْسَ فِي الْفَظْوَنِ مَا يَدْلِعُ عَلَيْهِ وَتَعْذِيرُ الْجَمْعِ
بَيْنَهُمَا فَحِينَئِذٍ يَتَعَيَّنُ الْمَسْبِرُ إِلَى التَّرجِيحِ". إِنْتَهِي مُلْخَصًا²⁴²

4.2.6 Berpegang Kepada Pendapat Ulama Di Dalam Menentukan Darjat Hadis

Di dalam menentukan darjat hadis, pengarang menjadikan pendapat ulama sebagai keutamaan. Contohnya ketika membicarakan hadis *da`īf* dan palsu beliau menukilkan hukum hadis daripada Imām al-Suyūtī²⁴³ dan `Alī al-Qārī.²⁴⁴

²⁴² `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 187. Lihat juga contoh di halaman 94, 100, 187, 195 dan lain-lain.

²⁴³ Beliau ialah al-Imām Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl, `Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl Abī Bakr Muḥammad bin Sābiq al-Dīn bin al-Fakhr `Uthmān bin Nāṣir al-Dīn Muḥammad ibn Sayf al-Dīn Khaḍr bin Najīm al-Dīn Abī Ṣalāḥ Ayyūb bin Nāṣir al-Dīn Muḥammad bin al-Shaykh Ḥimām al-Dīn al-Khuḍairī al-Asyūtī. Dilahirkan pada awal Rejab tahun 849H di Asyut, Mesir. Membesar sebagai seorang anak yatim. Menghafal al-Quran sebelum mencapai umur lapan tahun. Bermula menuntut ilmu pada 869H dan mempunyai karya dalam pelbagai bidang ilmu seperti Tafsir, Hadith, Fekah, Nahu, Balaghah, Tasawwuf dan `Ulūm al-Qur`ān. Antara karyanya yang masyhur *al-Jāmi` al-Ṣaghir*, *al-Itqān fī `Ulūm al-Qurān*, *al-Ashbāh wa al-Naẓāir* dan *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr bi al-Ma`thūr*. Beliau meninggal dunia pada hari Khamis 9 Jamadil Awal tahun 911H. (Lihat Ismā`īl Bāshā al-Baghdādī (1951), *Hadiyyah al-Ārifīn Asmā` al-Mu'allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn*, Beirut: Dār Ihyā` al-Turāth al-`Arabiyy, j. 1, h. 534, Muḥammad Ḥasan bin `Aqīl Mūsā (1995), *al-Mukhtār al-Maṣūn min A`lām al-Qurān*, Jeddah: Dār al-Andalus al-Khaḍrā`, j. 2, h. 722, al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (1996) *al-Itqān fī `Ulūm al-Qur`ān taqāiq Sa`īd Manrūh*, Beirut: Dār al-Fikr, j. 1, h. 4)

²⁴⁴ Beliau ialah Nūr al-Dīn Abū al-Hasan `Alī bin Sultān Muḥammad al-Qārī, al-Harawī al-Makkī. Beliau lebih kenali sebagai Mullā `Alī al-Qārī seorang *faqīh* bermazhab Hanafi. Dilahirkan di Herat, Afghanistan. Menghafal al-Quran dan menuntut ilmu dan berdamping dengan para ulamak di negerinya sendiri setelah itu berhijrah ke Mekah di antara tahun 952H-973H. Mula berkarya pada tahun 1003H dan di antara tahun 1003H sehingga 1014H telah mempunyai 148 karya. Beliau menulis di dalam pelbagai bidang ilmu seperti al-Quran dan `Ulūm al-Qur`ān, Hadith dan `Ulūm al-Ḥadīth, *Aqād* dan *Fiqh*. Beliau menulis sama ada kitab-kitab yang besar atau risalah-risalah yang kecil. Antara karyanya di dalam ilmu hadith *Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*, *Sharḥ Muṣhkīlāt al-Muwaṭṭa`* dan *Sharḥ al-Shamāl*. Beliau meninggal dunia pada bulan Syawal 1014H dan dikebumikan di perkuburan al-Ma`lāh di Mekah al-Mukarramah. (Lihat Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1995), *op.cit* j. 5, h. 12, `Alī bin Sultān Muḥammad al-Qārī (1998), *Mīnah al-Rawḍ al-Azhar fī Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*, Beirut: Dār al-Bashā` ir al-Islāmiyyah, h. 15-19)

Contoh 1 :

وقال السيوطي في رسالته ((التعظيم المنة في أن أبوي رسول الله في الجنة)):
"أفتیتُ بأن الحديث الوارد في أن الله أهيا أمه له صلى الله عليه وسلم: ليس
بموضوع كما ادعاه جماعة من الحفاظ، بل هو من قسم الضعيف الذي
يتسامح بروايته في الفضائل. إنتهى²⁴⁵.

Contoh 2 :

ولذا قال علي القاري في ((رسالة الموضوعات)) حديث: ((من قضى صلاة
من الفرائض في آخر جمعة من رمضان كان ذلك جابرا لكل صلاة فاته في
عمره الى سبعين سنة)) :باطل قطعا...²⁴⁶

Ketika membicarakan darjat dan keharusan berhujah dengan hadis-hadis di dalam *al-Sunan al-Arba`ah* dan juga kitab-kitab hadis yang lain beliau berkata :

ليس كل ما في هذه الكتب وأمثالها صحيحاً أو حسناً، بل مشتملة على
الأخبار الصحيحة والحسنة والضعف والموضوعة. أما كتب ((السنن)): فذكر
إبن الصلاح والعراقي وغيرها أنَّ فيها غير الحسن من الصحيح والضعف.
وذكر النووي أنَّ في ((السنن)) الصحيح والحسن والضعف والمنكر...²⁴⁷

²⁴⁵ `Abd al-Hayy al-Laknawi (1984), *op.cit.*, h. 39

²⁴⁶ *Ibid.*, h. 30

²⁴⁷ *Ibid.*, h. 66-67

4.2.7 Membuat Kesimpulan Di Akhir Perbahasan.

Pengarang memberikan kesimpulan di akhir sesuatu perbahasan setelah membicarakannya dengan detail. Ini bagi memudahkan para pembaca mendapatkan inti pati dari sesuatu perbahasan. Pengarang menggunakan pelbagai kata (frasa) yang diletakkan di awal teks bagi menunjukkan sesuatu kesimpulan iaitu:

- a. Menggunakan Kata *fa al-ḥaqq fī hādhā al-maqām*

Contoh :

فالحق في هذا المقام: أنه اذا لم يثبت ندب شيء أو جوازه بخصوصه

بحديث صحيح، وورد ذلك بحديث ضعيف ليس شديد الضعف: يثبت
أصحابه وجوازه به، بشرط أن يكون مندرجًا تحت أصل شرعي، ولا يكون
مناقضا للأصول الشرعية والأدلة الصحيحة.²⁴⁸

- b. Menggunakan Kata *wa khulāṣah al-marām fī tāḥqīq āl-māqām*

Contoh :

وخلصة المرام في تحقيق المقام: أن الأمور الدينية بأسراها تحتاجة إلى بروز

سندها واتصال إلى منبعها، أو تصريح من يعتمد عليها بما، ولا يستثنى من ذلك شيء منها. غاية الأمر أن منها من يشدد ويحتاط في طريق ثبوتها، ومنها ما يتسهل أدنى تساهل في طريقها.²⁴⁹

²⁴⁸ *Ibid.*, h. 55

²⁴⁹ *Ibid.*, h. 64-65

c. Menggunakan Kata *wa al-ḥaqqa al-haqīq bi al-qabūl*

والحق الحقيق بالقول الذي يرضيه نقاد الفحول في هذا الباب :

أن يقال : علم التاريخ لا يوجب كون المؤخر ناسخا والآخر منسوخا ما لم يتذر
الجمع بينهما، وليس للجمع حد ينتهي به، فان لم يظهر لواحد طريق الجمع لا
يلزم منه التعذر لإمكان ظهوره لآخر.²⁵⁰

Walaubagaimanapun pengarang tidak beriltizam dengan membuat kesimpulan di dalam semua jawapan. Ini dapat diperhatikan di dalam jawapan kepada soalan ketiga yang berkaitan dengan keharusan berhujah dengan semua hadis yang terdapat di dalam kitab-kitab hadis.²⁵¹ Walaupun perbahasan di dalam tajuk ini agak detil, tetapi pengarang tidak memberikan kesimpulan di akhir perbahasannya. Beliau juga tidak membuat kesimpulan sekiranya perbahasan sesuatu topik itu dilakukan secara ringkas seperti jawapan kepada soalan-soalan nombor enam,²⁵² lapan²⁵³ dan sembilan.²⁵⁴

4.2.8 Mengemukakan Soalan

Soalan merupakan satu teknik pengajaran yang berkesan. Bahkan ianya banyak digunakan oleh Rasulullah s.a.w²⁵⁵ di dalam mendidik para sahabat. Teknik ini juga digunakan oleh para ulama dari dahulu sehingga kini. Imām al-Laknawī turut menggunakan teknik soal jawab di dalam karya beliau.

²⁵⁰ *Ibid.*, h. 192

²⁵¹ *Ibid.*, h. 140

²⁵² *Ibid.*, h. 196

²⁵³ *Ibid.*, h. 220

²⁵⁴ *Ibid.*, h. 222

²⁵⁵ `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1996), *al-Rasūl al-Mu`allim wa Asālībhuh fī al-Ta`līm*, Bayrūt:Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, h. 92; Ahmad Mohd Salleh (2004), *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*, Selangor:Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 155

Contoh :

فَإِنْ قُلْتَ: فَمَا بِالْهُمْ أُورِدُوا فِي تَصَانِيفِهِمُ الْأَحَادِيثُ الْمُوْضُوْعَةُ – مَعَ
جَلَالِهِمْ وَنِبَاهِتِهِمْ – وَلَمَّا لَمْ يَنْقُدوْا إِلَيْهِمُ الْأَسَانِيدُ مَعَ سُعَةِ عِلْمِهِمْ؟ قُلْتُ: لَمْ
يُورِدُوا مَا أُورِدُوا : مَعَ الْعِلْمِ بِكُوْنِهِ مُوْضُوْعًا، بَلْ ظُنُوهُ مَرْوِيَا وَأَحَالُوا نَقْدَ
الْأَسَانِيدِ عَلَى نَقَادِ الْحَدِيثِ، لِكُوْنِهِمْ أَغْنُوْهُمْ عَنِ الْكَشْفِ الْحَثِيثِ، إِذْ لَيْسَ
مِنْ وَظِيفَتِهِمِ الْبَحْثُ عَنْ كِيْفِيَّةِ رِوَايَةِ الْأَخْبَارِ، إِنَّمَا هُوَ مِنْ وَظِيفَةِ حَمْلَةِ الْأَثَارِ،
فَلِكُلِّ مَقَامٍ مَقَالٌ، وَلِكُلِّ فَنٍ رِجَالٌ.²⁵⁶

Metode yang digunakan sangat menarik di mana pengarang menggunakan metode soal jawab bagi mencuri perhatian dan menambahkan minat pembaca kepada isu yang dibincangkan. Metode ini banyak diaplikasi oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis-hadis baginda s.a.w.

4.2.9 Mengkritik Ulama

Pengarang sebagai seorang ulama yang mempunyai pendirian, ada kalanya tidak bersetuju dengan penulisan beberapa ulama lain di dalam karya-karya mereka. Oleh kerana itu, beliau tidak teragak-agak membuat kritikan membina. Kritikan yang dikemukakan bukanlah untuk menjatuhkan nama baik ulama, tetapi adalah untuk menjaga kredibiliti mereka dan meninggikan nilai sesebuah karya. Bahkan menjadi tanggungjawab seorang muslim untuk membetulkan kesilapan lebih-lebih lagi berkaitan dengan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Di dalam mengkritik, beliau menggunakan kaedah yang berbeza :

²⁵⁶ `Abd al-Hayy al-Laknawi (1984), *op.cit.*, h. 35

a. Menyatakan Nama Pengarang Dan Judul Kitab

Ketika mengemukakan kritikan terhadap ulama yang meletakkan hadis-hadis palsu di dalam karya-karya mereka, pengarang menyatakan nama penulis dan judul kitab. Ini dilakukan bagi memudahkan pembaca mengetahui kedudukan hadis-hadis palsu di dalam kitab-kitab mereka. Selain itu juga, ia memberikan peringatan kepada pembaca agar berhati-hati ketika membuat rujukan kepada kitab-kitab yang dinyatakan. Pengarang menyebut nama kitab dan nama penulis yang terdiri dari kalangan tokoh-tokoh hadis. Ini menunjukkan tokoh-tokoh juga hadis tidak terkecuali dalam perkara ini, apatah lagi mereka yang bukan dari kalangan ahli hadis seperti para *fuqahā*, *mufassir* dan lain-lain.

Contoh :

ومن هنا نصوا على أنه لا عبرة للأحاديث المنسولة في الكتب المبسوطة ما لم يظهر سندها ، أو يعلم إعتماد أرباب الحديث عليها، وإن كان مصنفها فقيها جليلا يعتمد عليه في نقل الأحكام وحكم الحلال والحرام. ألا ترى إلى صاحب ((المداية)) من أ杰لة الحنفية، والرافعي شارح ((الوجيز)) من أ杰لة الشافعية - مع كونهما من يشار إليه بالأأنامل ويعتمد عليه الأمجاد والأمثال - قد ذكر في تصانيفها ما لا يوجد له أثر عن خبير بالحديث يستفسر، كما لا يخفى ع لى من طالع ((تخریج أحاديث المداية)) للزباعي، وتخریج ((أحاديث شرح الرافعي)) لابن حجر العسقلاني. وإذا كان هؤلاء الأ杰لة هذا، فما بالك من الفقهاء الذين يتتساهلون في إيراد الأخبار، ولا يتعمقون في سند الآثار؟²⁵⁷

²⁵⁷ *Ibid.*, h. 29-30

b. Membawa Contoh Hadis Palsu

Kritikan pengarang diperkuatkan dengan membawa contoh hadis palsu kemudiannya menjelaskan mengenai beberapa penulis yang meletakkan hadis-hadis palsu di dalam kitab-kitab mereka.

ولذا قال علي القاري في رسالة ((الموضوعات)) حديث: ((من قضى صلاة من الفرائض في آخر جمعة من رمضان كان ذلك حابراً لكل صلاة فاته في عمره إلى سبعين سنة)), باطل قطعاً، ولا عبرة بنقل صاحب ((النهاية)) وغيره من بقية شراح ((المداية)) فانهم ليسوا من المحدثين، ولا أسندوا الحديث إلى أحد من المخرجين. إنتهى²⁵⁸

4.2.10 Menyelitkan Perbincangan Tentang `Ulūm al-Qur`ān.²⁵⁹

Pada hakikatnya kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah* memfokuskan perbicaraan tentang `Ulūm al-Hadīth. Walaubagaimanapun pengarang turut membicarakan bidang-bidang ilmu yang lain sekiranya ilmu itu ada kaitan dengan perbahasan ilmu hadis seperti `ulūm al-qur`ān.

Contoh :

وفي ((الإتقان في علوم القرآن)) للسيوطى: قال ابن الحصار: إنما يرجع في النسخ إلى نقل صريح عن رسول الله صلى الله عليه وسلم، أو عن صحابي

²⁵⁸ *Ibid.*, h. 30

²⁵⁹ `Ulūm al-Qur`ān merupakan bidang ilmu yang membahas perkara-perkara berkaitan dengan al-Quran termasuk di dalamnya pengetahuan tentang sebab turun ayat, pengumpulan dan penyusunan al-Quran, *al-Makkiyy* dan *al-Madaniyy*, *al-Nasikh* dan *al-Mansukh*, *al-Muḥkam* dan *al-Mutashābiḥ* dan lain-lain cabang ilmu yang mempunyai hubung kait dengan al-Quran. (Lihat Mannā` al-Qaṭṭān (T.T), *Mabāḥith fī `Ulūm al-Quran*, Bayrūt: Mu`assah al-Risālah, h. 15-16)

يقول : آية كذا نسخت كذا. ولا يعتمد في النسخ قول عوام المفسرين، بل و

لا إجتهاد المجتهدين من غير نقل صحيح ولا معارضة بينة. إنتهى²⁶⁰

Contoh menunjukkan pengarang membawakan perbahasan tentang ayat *nasakh*. yang merupakan perbahasan di dalam dalam `ulūm al-Qur`ān. Walaubagaimanapun ia mempunyai hubungkait dengan ilmu hadis di mana sesuatu ayat yang dinasakhkan itu mestilah mempunyai nas yang *sariḥ* daripada Rasulullah s.a.w atau para sahabat.

4.2.11 Membawakan Contoh *Fiqh*

Ketika membahaskan tentang *fiqh al-rāwi* yang merupakan salah satu bentuk *al-Tarjīh* (*Wujūh al-Tarjīh*) pengarang membawakan contoh berkaitan dengan *fiqh*. Pengarang mengemukakan perselisihan pendapat antara Imam Abū Ḥanīfah dengan al-Awzā`ī di dalam satu perbahasan tentang mengangkat tangan ketika rukuk dan bangun darinya.

Contoh :

والمناظرة التي جرت بين أبي حنيفة والأوزاعي المشهورة بين الفقهاء هي: أنه
إجتمع هو والأوزاعي في دار الحناطين بمكة، فقال الأوزاعي لأبي حنيفة: ما
بالكم لا ترفعون أيديكم في الصلاة عند الركوع وعند الرفع منه؟ فقال أبو
حنيفة: لأجل أنه لم يصح عن رسول الله فيه شيء، فقال: كيف لم يصح
وقد حدثني الزهرى عن سالم عن أبيه عن رسول الله كان يرفع يديه إذا افتتح
الصلاه، وعند الركوع وعند الرفع منه؟ فقال أبو حنيفة: حدثنا حماد عن
إبراهيم عن علقة والأسود عن عبد الله بن مسعود أن رسول الله صلى الله
عليه وسلم كان لا يرفع يديه إلا عند افتتاح الصلاه ولا يعود لشيء من ذلك،

²⁶⁰ `Abd al-Hayy al-Laknawi (1984), h. 195

فقال الأوزاعي: أحدثك عن الزهري عن سالم عن أبيه وتقول: حدثنا حمّاد عن إبراهيم؟! فقال أبو حنيفة: كان حمّاد أفقه من الزهري، وكان إبراهيم أفقه من سالم، وعلقمة لهيّن بدون ابن عمر في الفقه، وأن كانت لابن عمر صحبة وله فضل صحبة. فالأسود له فضل كبير، وعبد الله: عبد الله، فسكت الأوزاعي.²⁶¹

4.2.12 Mengemukakan Perselisihan Ulama Mazhab

Pengarang menyajikan pembaca dengan perselisihan ulama. Tidak memadai dengan satu pendapat sahaja, bahkan beliau mengemukakan perselisihan ulama mazhab kemudian mentarjihkan pendapat yang beliau rasakan benar.

Contoh:

وأما كثرة طرق الحديث : فاختلقو فيها على القولين:
 الأول: أنها ليست من إمارات الترجيح، وإليه ذهب عامة الحنفية وبعض أصحاب الشافعی، كذا قال البخاري في ((التحقيق شرح المنتخب الحسامي))...

والثاني: أنها من أمارات الترجح، وهو قول أكثر الشافعية، وبه قال أبو عبد الله الحرجاني من أصحابنا وأبو الحسن الکرخي في رواية،²⁶² ...

والذی يقتضيه رأی المنسف، ويرتضیه غير المتعسف، هو إختیار ما عليه الأکثر، وأنه بالنسبة الى الأول أظهر ، وقد مال إليه صاحب ((مسلم الشبوت)), حيث ضعف المذهب الأول، وأشار إلى دليل المذهب الثاني الى الشبوت، واختاره الزبیعی في ((نصب الراية)).²⁶³

²⁶¹ Ibid., h. 213

²⁶² Ibid., h. 206-207

²⁶³ Ibid., h. 208

4.2.13 Membicarakan Tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*²⁶⁴

Perbahasan tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* turut dibentangkan oleh pengarang.

Dalam membicarakan tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* beliau mengutarakan pendapat sendiri atau memetik kata-kata ulama *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*.

- Mengutarakan Pendapat Sendiri.

Contoh :

فمن المشددين في باب الجرح والوضع:

إبن الجوزي: فكم من حديث صحيح أو حسن مخرج في الصحاح: حكم
بوضعه أو ضعفه؟! أو كم من ثقة مقبول عند النقاد ضعفه وقدحه؟!²⁶⁵

Contoh di atas menunjukkan pengarang menyatakan pendapat sendiri tentang Ibn al-Jawzī dengan mengkategorikan beliau sebagai individu yang *mushaddidīn* di dalam *al-jarḥ wa al-waqd*.

- Memetik Kata-Kata Ulama *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*.

ومنهم: أبو الفتح محمد بن الحسين الأزدي كما قال الذهبي في ((ميزان
الإعتدال)) في ترجمة (أبان بن إسحاق المديني): قال أبو الفتح الأزدي: متوك.
قلت: لا يترك، فقد وثقه أحمد العجلي، وأبو الفتح يسرف في الجرح، وله

²⁶⁴ *Al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* merupakan satu ilmu yang membahaskan kritikan terhadap perawi hadith bagi menentukan sama ada riwayatnya diterima atau ditolak. (Lihat Muḥammad `Ajjāj al-Khātib (1989), *Uṣul al-Hadīth `Ulūmuh wa Muṣṭalāḥuh*, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 260)

²⁶⁵ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 163

مصنف كبير الى الغاية في المخروجين، جمع فأوعى، وجرح خلقاً بنفسه لم يسبق له أحد الى التكلم فيه، وهو متكلم فيه. إنتهى²⁶⁶

Pengarang memetik kata-kata al-Dhahabī yang menolak dakwaan Abū al-Fath yang mengatakan Abān bin Ishāq al-Madāni seorang yang *mātrūk* sedangkan beliau adalah seorang yang *thiqah* pada pandangan Ahmad al-`Ijli.

4.2.14 Menyelitkan Unsur-Unsur *Balāghah*

Pengarang merupakan seorang yang mahir di dalam Bahasa Arab walaupun beliau bukan seorang berbangsa Arab. Beliau menggunakan laras bahasa Arab yang mudah difahami. Walaubagaimanapun acapkali pengarang menyelitkan unsur-unsur kesusastraan seperti *al-saja`*.²⁶⁷

Contoh 1 :

وأما السبق الزماني: فليس من موجبات الترجيح، فليس أن قول كل متقدم على الإطلاق نجيف.²⁶⁸

Contoh 2 :

ومن شاء زيادة التحقيق في هذا الباب، فليرجع الى ((ميزان عبد الوهاب))، فإنه نعم العون على اكتشاف أسرار الصواب، وفيه تنصيصات في مواضع عديدة مؤيدة لما ذكرنا ومفيدة لأولى الألباب.²⁶⁹

²⁶⁶ Ibid., h. 178-179

²⁶⁷ *al-Saja'* merupakan salah satu cabang dari *al-Muhassinat al-Lafziyyah* di sekitar perbincangan mengenai Ilmu *Balaghah*. Ianya bermaksud dua *fasilah* (sukukata) mempunyai huruf terakhir yang sama. (Lihat Fadl Hasan `Abbas (1996), *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*, Jordan: Dar al-Furqan, h. 303)

²⁶⁸ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 180

²⁶⁹ Ibid., h. 195, Lihat juga contoh-contoh pada muka surat 21, 36, 117, 180, 192, 195 dan 202.

4.2.15 Tidak Taksub Kepada Pendapat Mazhab

Pengarang merupakan seorang ulama bermazhab Hanafi yang tidak taksub dengan pendapat mazhabnya. Beliau bersedia menerima pendapat mazhab yang lain sekiranya pendapat itu dirasakan benar.

Contoh :

لكل وجهة هو موليها، ولكل مسلك ميرهن بالبراهين المذكورة في موضعها، والذي يظهر اختياره هو تقسيم الجمع على الترجيح، لأن في تقديم الترجح يلزم ترك العمل بأحد الدليلين من غير ضرورة داعية إليه، وفي تقسيم الجمع يمكن العمل بكل منها على ما هو عليه، فإن تعدد صير إلى الترجح والنسخ، وعند تعذرهما، يلزم الفسخ.²⁷⁰

Contoh di atas menunjukkan beliau memilih pendapat *al-Muḥaddithūn* dan *al-Shāfi`iyah* yang mendahuluikan *al-jam`* berbanding kebanyakan ulama Hanafi yang mendahuluikan *al-tarjīh*.

4.3 Metode Penulisan Shaykh Zafar Aḥmad al-`Uthmānī al-Tahānawī Di Dalam Kitab *Qawa'id fi' Ulūm al-Hadīth* Dan Perbandingannya Dengan Metode al-Imām al-Laknawī Di Dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*

Qawa'id fi' Ulūm al-Hadīth karangan Shaykh al-Tahānawī muncul tidak lama selepas kemunculan kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah* hasil karya Imām al-Laknawī. Walaupun dari tempat dan mazhab yang sama, kedua-dua tokoh ini mempunyai metode

²⁷⁰ *Ibid.*, h. 196

tersendiri di dalam ilmu hadis. Di dalam bahagian ini, penulis akan cuba mengkaji metode penulisan Shaykh al-Tahānawī seterusnya membuat perbandingan dengan metode Imām al-Laknawī.

Bahagian ini akan memfokuskan perbandingan metode penulisan antara Shaykh al-Tahānawī dan Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Oleh kerana kajian perbandingan melibatkan perbezaan dan persamaan sampel kajian, maka penulis akan menumpukan kepada perbezaan dan persamaan yang wujud di dalam penulisan kedua-dua tokoh ini. Penulis akan menyenarai dan menganalisa perbezaan dan persamaan di dalam metode penulisan kedua-dua tokoh ini.

4.3.1 Metode Yang Berbeza Dengan Imām al-Laknawī

Dalam penulisan *Qawā'id fī 'Ulūm al-Hadīh*, adakah metode yang digunakan oleh Shaykh al-Tahānawī berbeza dengan Imām al-Laknawī. Antara metode yang dikesan perbezaannya adalah seperti di bawah:

- i. Menolak Hadis Daripada Perawi Yang Mana Perbuatannya Bercanggah Dengan Hadis Yang Diriwayatnya Sendiri (*'amal al-rāwī bi khilāf riwāyatih*)

Shaykh al-Tahānawī menolak hadis daripada seorang perawi yang mana amalannya bercanggah dengan hadis yang diriwayatnya sendiri. Pengarang menjelaskan permasalahan ini dengan kata-katanya:

"عمل الراوي بخلاف روایته بعد الروایة مما هو خلاف بيقين: يسقط العمل
عندنا..."²⁷¹

Perkataan يسقط العمل عندنا menunjukkan pandangan pengarang dan mazhabnya yang menolak hadis daripada perawi yang mana amalannya bercanggah dengan hadis yang diriwayatnya sendiri .

Imām al-Laknawī tidak menolak hadis daripada sahabat yang mana amalannya menyalahi hadis yang diriwayat olehnya. Beliau menegaskan pendiriannya di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah* ketika menjawab soalan kesembilan yang membicarakan tentang *tark arāwi al-`amal bi zāhir ar-riwāyah*:

"والظاهر في هذا المقام هو عدم ترك ظاهر النص بما حمله الصحابي من خلاف الظاهر، لأن قول الرسول صلى الله عليه وسلم لا يبطل بقول غيره..."²⁷²

Imām al-Laknawī berpendapat tidak harus meninggalkan zahir hadis kerana sabda Rasulullah s.a.w tidak boleh dibatalkan oleh kata-kata orang lain. Beliau juga berpendapat bahawa sesebuah hadis itu mungkin mempunyai lebih dari satu tafsiran. Dengan itu, para sahabat melakukan ijtihad bagi memahami hadis-hadis Rasulullah s.a.w. sesuai dengan kemampuan dan kefahaman mereka.²⁷³

Penulis lebih cenderung dengan pendapat Imām al-Laknawī, ini kerana para sahabat mempunyai tafsiran tersendiri terhadap hadis-hadis Rasulullah s.a.w bahkan kadangkala mereka juga terlupa hadis yang diriwayatkan. Perkara ini dapat dilihat

²⁷¹Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op.cit.*, h. 202

²⁷²Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 223

²⁷³*Ibid.*, h. 222-223

ketika mana Abu Hurairah pernah memberikan fatwa menyamak bekas yang diminum anjing sebanyak tiga kali basuhan sahaja sedangkan hadis yang diriwayatkannya jelas menunjukkan tujuh kali basuhan.²⁷⁴

ii. Mendahulukan *al-Naskh* Daripada *al-Jam`*.

Sekiranya terdapat nas-nas hadis yang saling bercanggah, Shaykh al-Tahānawī mendahulukan *al-naskh* daripada *al-jam`*. Beliau menjelaskan perkara ini di dalam fasal kelapan yang bertajuk *fī uṣūl al-ta`āruḍ bayna al-adillah wa tarjīḥ ba` dhuḥā `alā ba`d*:

"لَا يَكُون التَّدَافُعُ فِي الْحَجَّ الشَّرِعِيَّةِ فِي نَفْسِ الْأَمْرِ، وَإِلَّا لَزِمَ الْتَّنَاقْضُ وَالْعَبْثُ
الَّذِي الشَّارِعُ مِنْهُ عَنْهُ، بَلْ يَتَصَوَّرُ التَّعَارُضُ ظَاهِرًا فِي بَادِئِ النَّظَرِ، لِلْجَهَلِ
بِالتَّارِيخِ، أَوِ الْخَطَأِ فِي فَهْمِ الْمَرَادِ. وَحُكْمُهُ النَّسْخُ إِنْ عَلِمَ الْمُتَقْدِمُ وَالْمُتَأْخِرُ،
وَيَكُونُانِ قَابِلِيْنَ لَهُ، وَإِلَّا فَالْتَّرْجِيحُ إِنْ أَمْكَنَ لَأَنْ تَرْكُ الرَّاجِحِ خَلَافُ الْمَعْقُولِ
وَالْإِجْمَاعِ، وَإِلَّا فَالْجَمْعُ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ لِلضَّرُورَةِ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ الْجَمْعُ تَسَاقِطًا،
فَإِذَا تَسَاقَطَ فَالْمُصِيرُ إِلَى مَا دُونَهُ مِنْ الْحَجَّ مَرْتَبًا إِنْ وَجَدَ."²⁷⁵

Penjelasan di atas menunjukkan *al-jam`* berada di tempat terakhir selepas *al-al-naskh* dan *al-tarjīḥ* di sisi Shaykh al-Tahānawī. Metode ini nyata sangat berbeza dengan Imām al-Laknawī yang mendahulukan *al-jam`*, kemudiannya *al-tarjīḥ* dan *al-naskh*.²⁷⁶

Pembaca dapat mengetahui pendirian Imām al-Laknawī di dalam perkara ini ketika

²⁷⁴ Ahmad bin `Alī bin Ḥajar al-`Asqalānī (1993), *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Fikr, j.1, h. 371

²⁷⁵ Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op.cit.*, h. 288

²⁷⁶ Turutan yang sepatutnya ialah *al-jam`* kemudiannya *al-naskh* dan *al-tarjīḥ*. Namun ini tidak bermakna Imām al-Laknawī mendahulukan *al-tarjīḥ* ke atas *al-naskh*. Ini dapat dilihat apabila Imām al-Laknawī menyatakan bahawa ulama *uṣūl al-ḥadīth* mendahulukan *al-jam`* kemudian *al-naskh*. Setelah itu beliau memetik kata-kata beberapa ulama seperti Ibnu al-Ṣolaḥ dan al-Ḥāzimī yang menjelaskan sekiranya kedua-dua hadith yang bercanggah itu tidak dapat dihimpunkan maka hendaklah dilihat kepada *nāsikh* dan *mansūkh* terlebih dahulu, sekiranya tidak dapat ditentukan *nāsikh* dan *mansūkh* maka ketika itu hendaklah ditarjīḥkan salah satu daripada keduanya. (Lihat `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 183-186)

beliau menjawab soalan keenam yang membicarakan tentang *fī taqaddum al-jam` `alā al-tarjīh wa bi al-`aks*:

"لكل وجهة هو مولىها، وكل مسلك مبرهن بالبراهين المذكورة موضعها، والذي يظهر إختيارة هو تقديم الجمع على الترجيح، لأن تقدير الترجح يلزم ترك العمل بأحد الدليلين من غير ضرورة داعية إليه، وفي تقدير الجمع يمكن العمل بكل منها على ما هو عليه، فإن تعذر صير إلى الترجيح والنسخ، وعند تعذرهما يلزم الفسخ."²⁷⁷"

Ternyata Imām al-Laknawi memilih mendahulukan *al-jam`* daripada *al-tarjīh* kerana pada pandangan beliau mendahulukan *al-tarjīh* akan mengakibatkan adanya hadis-hadis yang akan ditinggalkan tanpa sebab dan keperluan sedangkan mendahulukan *al-jam`* membolehkan kedua-dua hadis diterima untuk diamalkan.²⁷⁸ Pandangan beliau ini bertepatan dengan pandangan ahli hadis dan berlawanan dengan pendapat Ḥanafiyyah yang mendahulukan *al-tarjīh* daripada *al-jam`*.

Penulis beranggapan pendirian al-Tahānawi di dalam permasalahan *mukhtalaf hadīth* ini kurang tepat. Sekiranya *al-naskh* didahulukan daripada *al-jam`* akan menyebabkan salah satu hadis yang bertentangan itu terpaksa diabaikan. Ini merupakan satu pengabaian terhadap hadis-hadis Rasulullah. Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku kepada salah satu sumber syariat yang perlu diamal dan dipelihara sebaik-baiknya. Selain itu *nasakh* memerlukan dalil-dalil syarak bagi menunjukkan sesuatu hadis itu telah dimansuhkan.

²⁷⁷ *Ibid.*, h. 196

²⁷⁸ *Ibid.*, h. 183-184

Analisa penulis di dalam isu ini menunjukkan al-Tahānawī secara jelas menyalahi tertib yang telah diletakkan oleh ulama hadis seperti Ibn al-Šolāh²⁷⁹, al-Nawawi²⁸⁰, Ibn Rajab al-Ḥanbali²⁸¹ dan Ibn Ḥajar di dalam menangani permasalahan hadis-hadis yang saling bercanggah. Ibn Ḥajar di dalam kitab *Nuzhat al-Naẓar fī Tawdīḥ Nukhbāt al-Fikar* menyebut satu persatu turutan penyelesaian masalah ini iaitu dimulai dengan *al-jam`* kemudian *al-naskh* seterusnya *al-tarjīḥ* dan terakhir ialah *al-tawaqquf*.²⁸² Metode ini turut diaplikasi oleh tokoh-tokoh ternama hadis selepas Ibn Ḥajar antaranya al-Suyūṭī,²⁸³ al-Sakhāwī,²⁸⁴ al-Munāwī²⁸⁵ dan lain-lain.

iii. Menyatakan *Uṣūl Taṣḥīḥ wa al-Taḍīf* adalah *Zannī*

Shaykh al-Tahānawī menyatakan *uṣūl taṣḥīḥ wa taḍīf* merupakan perkara *zannī* yang hanya bergantung kepada *dhawq* seseorang *muḥaddith* dan mujtahid. Perkara ini dinyatakan di dalam kitab beliau:

"وَلَا شُكُّ أَنَّ أَصْوَلَ التَّصْحِيفِ وَالتَّضْعِيفِ ظَنِيَّةٌ، مَدَارُهَا عَلَى ذُوقِ"

²⁸⁶"الْمُخْتَدِرُ وَالْمُجْتَهِدُ غَالِبًا..."

²⁷⁹ Lihat Abu `Amru `Uthmān bin `Abd al-Rahmān (1986), *`Ulūm al-Hadīth, taḥqīq Nūr al-Dīn `Itr*, Beirut: Dār al-Fikr, h.284-286

²⁸⁰ Lihat Muhyi al-Dīn Yahya bin Sharaf al-Nawāwī(1994), *Saḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, Mesir: Mu`assasah Qurṭubah, j.1, h.60-61

²⁸¹ Lihat Zayn al-Dīn Abī al-Faraj ibn Rajab al-Ḥanbali (1996), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, Madinah: Maktabah al-Ghurabā` al-Uthariyyah, j.1, h. 155-156

²⁸² Ahmad bin `Alī bin Ḥajar al-`Asqalānī (2001), *Nuzhat al-Naẓar fī Tawdīḥ Nukhbāt al-Fikar*, Beirut: Dār al-Fikr, h .97

²⁸³ Lihat al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1994), *Tadrīb al-Rāwī, taḥqīq Naẓar Muḥammad al-Faryābī*, Beirut: Maktabah al-Kawthar, j.2 h.653-654

²⁸⁴ Lihat Shams al-Dīn Abī al-Khayr Muḥammad bin `Abd al-Rahmān al-Sakhawī (2005), *Fatḥ al-Mugīth bi Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth, taḥqīq `Abd al-Karīm bin `Abd Allāh*, Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, j.3, h. 475

²⁸⁵ Muḥammad `Abd al-Ra`ūf al-Munāwī (T.T), *al-Yawāqīt wa al-Durār Sharh Sharh Nukhbāt al-Fikar, taḥqīq Abī `Abd Allāh Rabi`ī bin Muḥammad al-Su`ūdī*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, j. 2, h. 316

²⁸⁶Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op.cit.*, h. 20

Analisa penulis terhadap pendapat Imām al-Laknawī di dalam isu ini menunjukkan beliau meletakkan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang tertentu. Dengan kata lain, perkara ini tidak boleh diputuskan dengan sewenang-wenangnya. Antara kaedah yang dipraktikkan oleh Imām al-Laknawī ialah dengan melihat kepada sifat ulama yang meletakkan hukum hadis. Sekiranya seorang ulama yang *mutasāhil* bercanggah pendapat dengan seorang yang *ghayr mutasāhil*, maka diterima pendapat dari ulama yang *ghayr mutasāhil*. Begitu juga sekiranya seorang ulama yang *mutashaddid* di dalam *al-tajrīh* dengan seorang yang sederhana maka akan dahlukan pendapat ulama yang sederhana di dalam *al-tajrīh*.²⁸⁷

Dr. Abd al-Ghani bin Ahmad Jabar Mazhar menyatakan *taṣhiḥ* dan *taḍīf* merupakan hukum kepada hadis setelah sempurna penyiasatan, penyelidikan pengumpulan pandangan imam-imam hadis terhadap perawi dan jalan-jalan hadis (*turuq al-hadīh*).²⁸⁸

"فلا بد من التمييز بين الصحيح لذاته أو لغيره، أو الحسن لذاته أو لغيره فيحتاج به، وبين الضعيف بأقسامه فلا يحتاج به، فيؤخذ الحسن من مظانه، والصحيح من مظانه، ويرجع إلى تصريحات النقاد الذين عليهم الاعتماد، وينقد نفسه إن كان أهلاً لذلك، فإن لم يوجد شيء من ذلك، توقف فيما هنالك".²⁸⁹

²⁸⁷ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 160-180

²⁸⁸ Abd al-Ghani bin Ahmad Jabar Mazhar, Dr. (1993), *Uṣūl Taṣhiḥ wa Taḍīf, Majallah al-Buhūth al-Islamiyyah*, Bil. 41, Zulkaedah-Safar 1414H-1415H, Arab Saudi: al-Ri`āsah al-`Āmmah li al-Buhūth al-`Ilmiyyah wa al-Iftā` , h. 337

²⁸⁹ Abd al-Hayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 29-30

Kata-kata beliau menjelaskan bahawa hadis hendaklah diambil dari sumber yang betul, ia perlu dirujuk kepada para ulama pengkritik hadis ataupun melakukan sendiri penyiasatan dan kritikan jika berkelayakan. Sekiranya kedua-dua faktor itu tidak didapati, hadis itu hendaklah *ditawaqqufkan*. Ini memberikan kesimpulan penentuan hukum sesuatu hadis itu hendaklah berasaskan kepada penelitian, penyiasatan dan berpegang kepada pandangan ulama yang muktabar.

Kesimpulannya, meletakkan hukum *sahīh* atau *da`īf* kepada hadis memerlukan kajian, penyelidikan, penelitian pendapat imam-imam hadis, *mentawfiq* dan *mentarjīh*, bukan hanya bergantung kepada *dhawq* dan *kashf* seseorang *muḥaddith* atau *mujtahid*.

iv. Menyatakan Banyaknya Jalan Hadis Bukanlah Salah Satu Daripada Bentuk *Tarjīh* (*wujūh al-tarjīh*)

Shaykh al-Tahānawī berpendapat bahawa banyaknya jalan hadis (*kathrah ṭuruq al-hadīth*) bukan salah satu daripada bentuk *tarjīh* (*wujūh al-tarjīh*). Pendirian ini beliau nyatakan secara jelas di dalam fasal kelapan ketika membicarakan tentang *fī uṣūl al-ta`āruḍ bayna al-adillah wa tarjīh ba`duhā `alā ba`d*:

"لا يجوز الترجيح بكتلة الأدلة عندنا..."²⁹⁰

Pengarang dengan jelas menyatakan tidak harus *mentarjīh* berdasarkan ramainya perawi kerana beliau berpendirian sifat perawi seperti *al-`adālah* lebih diutamakan walaupun bilangannya sedikit.²⁹¹

²⁹⁰Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op.cit.*, h. 294

Di dalam perkara ini, Imām al-Laknawī tidak sependapat dengan Shaykh al-Tahānawī di mana beliau memilih pandangan yang menyatakan banyaknya jalan hadis dan ramainya perawi merupakan salah daripada tanda-tanda *tarjīh* (*imārāt al-tarjīh*). Beliau menyatakan perkara ini ketika menjawab soalan ketujuh tentang *kathrah al-turuq wa fiqh al-rāwī hal hiya min wujūh al-tarjīh?*

"والذى يقتضيه رأى المنصف، ويرتضيه غير المتعسف، هو اختيار ما عليه الأكثر، وأنه بالنسبة الى الأول أظهر، وقد مال إليه صاحب (مسلم الشبوت)) حيث ضعف دلائل المذهب الأول، وأشار في دليل المذهب الثاني الى الشبوت...²⁹²"

Imām al-Laknawī mengemukakan pandangan mazhab pertama iaitu kebanyakan ulama Hanafi yang menyatakan banyaknya jalan hadis dan ramainya perawi bukanlah salah satu daripada tanda-tanda *tarjīh* (*imārāt al-tarjīh*). Kemudian beliau mengemukakan pula pendapat kedua iaitu kebanyakan ulama Shāfi`ī, Maliki dan Ḥanbalī berpendapat sebaliknya. Diakhir perbincangan Imām al-Laknawī memberikan Dari perbincangan di atas menunjukkan metode *taṣḥīḥ* dan *taḍīf* di siji²⁹³, Shaykh komentar dengan memilih pendapat yang lebih ramai iaitu pendapat jumhur.²⁹⁴ Beliau al-Tahānawī berbeza dengan metode Imām al-Laknawī yang dilihat bertepatan dengan juga menyatakan pengarang kitab *Musallam al-Thubūt*²⁹⁵ turut mendā *f* kan dalil-dalil metode ulama hadis. Ini dapat dilihat melalui kata-kata beliau: golongan yang menyatakan banyaknya riwayat bukan salah satu dari *wujūh al-tarjīh*.

²⁹¹ *Ibid.*, h. 294

²⁹² Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 208

²⁹³ Jumhur iaitu Imām Aḥmad, Imām al-Shafī`ī dan Imām Mālik berpendapat banyaknya jalan hadith merupakan salah satu bentuk *tarjīh*. Pendapat ini juga dipegang oleh Muḥammad bin Hasan al-Shaybānī. Lihat `Abd al-`Alī Muḥammad bin Niẓām al-Dīn Muḥammad al-Sahālawī al-Anṣārī al-Laknawī (2002), *Fawātiḥ al-Rahmūt bi Sharḥ Musallam al-Thubūt taḥqīq* `Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad `Umar, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, j.2, h. 258

²⁹⁴ Pengarang *Musallam al-Thubūt* ialah al-Qādī Muhib Allāh Bin `Abd al-Shakūr Bahārī (w.1119H)

Walau bagaimanapun menurut Imām al-Laknawī banyaknya jalan hadis boleh digunakan sebagai medium pentarjīḥan dengan syarat kedua-dua hadis itu adalah *sahīḥ*. Perkara ini dinyatakan dengan jelas oleh beliau:

"وَمَا يَنْبُغِي أَنْ يَعْلَمَ أَنَّ الْإِعْتِمَادَ عَلَى كُثْرَةِ الرِّوَاةِ وَتَعْدِيدِ الْطَّرُقِ،
وَالْتَّرجِيحُ بِمَا أَنَا يَكُونُ بَعْدَ صَحَّةِ الدَّلِيلَيْنِ..."²⁹⁵

Penulis lebih cenderung menyatakan bahawa ramainya perawi dalam periwayatan sesebuah hadis merupakan salah satu daripada bentuk-bentuk *tarjīḥ* (*wujūh al-tarjīḥ*). Ini kerana hadis yang diriwayatkan oleh ramai perawi lebih diyakini kesahannya berbanding hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang kurang bilangannya.

Pendapat penulis mengambil kira pandangan al-Hāzimī di dalam kitabnya *al-`Iṣbār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār* di mana beliau meletakkan *tarjīḥ* berdasarkan bilangan perawi yang ramai sebagai keutamaan.²⁹⁶ Selain itu Ibn Daqīq al-`Ayd menyatakan *tarjīḥ* dengan cara ini merupakan kaedah paling berautoriti jika dibandingkan dengan cara-cara yang lain.²⁹⁷

v. Mengemukakan Syarat Tambahan Di Dalam Kesahihan Hadis

Shaykh al-Tahānawī berpegang dengan beberapa syarat tambahan selain daripada *`adil* dan *dābiṭ* di dalam menentukan kesahihan sesebuah hadis. Antara syarat-syaratnya ialah hadis tersebut tidak boleh bercanggah dengan al-Quran dan *al-sunnah al-*

²⁹⁵ `Abd al-Hayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 209

²⁹⁶ Abī Bakr Muḥammad bin Mūsā bin `Uthmān bin Ḥazim al-Hamadhānī (1940), *al-`Iṣbār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār*, Hyderabad: Maṭba`ah Dā`irah al-Ma`ārif al-`Uthmāniyyah, h. 9

²⁹⁷ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (2004), *Qawā'id al-Taḥdīh Min Funūn Muṣṭalaḥ al-Hadīh, taḥqīq `Abd al-Qādir al-Aṣnā`ūt*, Beirut: Mu`assasah al-Risālah, h.526

mashhūrah serta hadis itu tidak ditinggalkan amalannya oleh para sahabat. Pengarang menegaskan perkara ini di dalam fasal keempat dengan kata-katanya:

"وتحصل بذلك أنه يشترط عندنا لصحة الحديث مع عدالة الرواية وضبطه:
كون الحديث بحيث لا يخالف قطعي الكتاب ولا السنة المشهورة، وأن لا
يكون معرضًا عنه ومتروك العمل به في صدر الأول..."²⁹⁸

Kata-kata Shaykh al-Tahānawī menunjukkan beliau berpegang dengan *uṣul* mazhab Hanafi di dalam `īlūm al-ḥadīth di mana sesebuah hadis itu dianggap sahih sekiranya perawi bersifat `ādil dan ḥābiṭ serta hadis itu tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-sunnah yang masyhur. Hadis itu mestilah tidak ditinggalkan amalannya oleh para sahabat kerana bagi pendapat beliau hadis yang tidak diamalkan pada zaman sahabat atau tabiin menunjukkan hadis itu telah dinasakhkan atau *da`īf*.²⁹⁹

Penulis menegaskan bahawa isu ini perlu diperhalusi kerana sebenarnya tidak wujud percanggahan di antara dua ayat al-Quran, dua hadis yang *sahīh* dan ayat al-Quran dengan hadis *sahīh*, ini kerana percanggahan itu hanyalah pada pandangan zahir akal manusia sahaja, ini kerana tidak mungkin syariat yang datang dari Allah s.w.t saling bercanggah antara satu sama lain.³⁰⁰ Sekiranya terdapat dalil-dalil yang bercanggah pada zahirnya maka hendaklah diselesaikan dengan kaedah yang telah disepakati oleh *muḥaddithīn* iaitu *al-jam`*, *al-naskh*, *al-tarjīh* dan *al-tawaqquf*. Oleh sebab itu peletakan syarat tambahan seperti yang dinyatakan oleh al-Tahānawī adalah kurang sesuai dan perlu dinilai semula.

²⁹⁸Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h. 126

²⁹⁹*Ibid.*

³⁰⁰`Abd al-Wahhāb al-Khallāf (1986), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Kuwait: Dār al-Qalam, h.230

vi. Menerima Kehujahan Hadis *Mursal*.

Shaykh al-Tahānawī menerima hadis *mursal* walaupun daripada *tabi`īn* dan *at-bā` al-tābi`īn* secara mutlak tanpa syarat. Beliau menukilkan pandangan Ibn al-Ḥanbalī di dalam fasal kelima yang bertajuk *al-ahkām al-mursal min al-aḥādīh wa al-athār*:

"قال ابن الحنبل في ((فهو الآخر)): والمحترر في التفصيل قبول مرسل الصحابي إجماعاً، ومرسل أهل القرن الثاني والثالث عندنا (أي الحنفية)..."³⁰¹

Shaykh al-Tahānawī memberikan komentar setelah menukilkan pandangan ulama dengan kata-katanya:

"...وأما أهل القرون الثلاثة فمرسلهم مقبول عندنا مطلقاً كما مر."³⁰²

Penjelasan di atas memberikan isyarat bahawa Shaykh al-Tahānawī menerima dan berhujah dengan hadis *mursal* secara mutlak. Beliau menggunakan hujah di mana generasi kurun ketiga hijrah adalah bersifat benar dan *`adil* seperti mana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis di atas.

Metode ini nyata bertentangan dengan jumhur *muhaddithīn*, sebilangan besar *fuqahā`* dan *uṣūliyyīn* yang berpendapat hadis *mursal* adalah *da`īf* yang tidak boleh dijadikan hujah.³⁰³ Alasan golongan ini adalah kerana kemungkinan perawi yang gugur daripada sanad bukanlah sahabat tetapi *tabī`ī*. Apabila hal ini berlaku kemungkinan perawi itu *da`īf*. *Tawthīq* kepada perawi yang kurang jelas adalah ditolak. Selain itu

³⁰¹Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h.138

³⁰²*Ibid.*, h.139

³⁰³Nūr al-Dīn `Itr (1992), *Manhaj al-Naqd fī Ulūm al-Hadīh*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 371

perawi yang *majhūl al-musammā* tidak diterima hadisnya apatah lagi perawi *mursal* yang *majhūl al-'ayn* dan *majhūl al-hāl*.³⁰⁴

Pendapat yang *rājiḥ* pada pandangan penulis ialah dengan mengambil jalan tengah di antara kedua-dua pendapat iaitu hadis *mursal* boleh diamal dan dijadikan hujah apabila menetapi syarat-syarat tertentu yang digariskan oleh sebahagian ulama seperti Imām al-Shāfi`ī. Antara syaratnya ialah hadis *mursal* itu diriwayatkan daripada *kibār at-tābi`īn*, hadis *mursal* mempunyai *shāhid* yang membolehkan ia diterima, menetapi fatwa sebahagian sahabat dan syarat-syarat lain yang telah ditetapkan.³⁰⁵

vii. Menganalisa Sanad Hadis

Shaykh al-Tahānawī turut menganalisa sanad hadis. Metode ini dapat dilihat ketika pengarang membicarakan hadis yang berkaitan dengan *al-Qurān al-Mashhūd lahā bi al-Khayriyyah*. Beliau menukarkan sebuah dari kitab *Fatḥ al-Bāri* kemudiannya memberikan komentar kepada sanad hadis:

"وَوَقَعَ فِي حَدِيثٍ جَعْدَةَ بْنَ هَبِيرَةَ عِنْدَ ابْنِ أَبِي شَيْبَةَ وَالطَّبَرَانِيِّ إِثْبَاتُ الْقَرْنِ الرَّابِعِ، وَلِفَظُهُ :((خَيْرُ النَّاسِ قَرِينٌ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الْآخَرُونَ أَرْدَأُ)) . رَجَالُهُ ثَقَاتٌ إِلَّا أَنَّ جَعْدَةَ مُخْتَلِفٌ فِي صَحْبَتِهِ ."

³⁰⁶ اهـ.

³⁰⁴ `Abd al-Karīm bin `Abd Allāh al-Khuḍayr (1997), *Al-Hadīth al-Da`īf wa Hukm al-Iḥtijāj bihi*, Riyadh: Dār al-Muslim, h. 83

³⁰⁵ *Ibid*

³⁰⁶ Lihat hadith ini di dalam Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar al-`Asqalānī (1993), *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār Al-Fikr, j. 7, h. 353

قلت: ولكن الراجح صحبته، فإنه ابن أم هانع بنت أبي طالب، رأى النبي وهو صغير، فكونه له رؤية حق.... ومن أراد البسط في ترجمة جعده فليراجع ((الإصابة)) و((تحذيب التهذيب)).³⁰⁷

Contoh di atas menunjukkan pengarang memberikan ulasan kepada perawi hadis di mana beliau menganggap Ja`dah merupakan sahabat Rasulullah s.a.w kerana pernah melihat baginda s.a.w ketika beliau masih kecil.

Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah* turut membicarakan hadis yang hampir sama dari segi maknanya tetapi beliau hanya mengemukakan hadis sebagai dalil kemudian mentakhrījnya secara ringkas tanpa membuat sebarang analisa atau kritikan kepada perawi hadis.³⁰⁸

Metode kritikan sanad seperti yang dilakukan al-Tahānawī merupakan satu pendekatan yang baik bagi menjelaskan status sesebuah hadis. Walau bagaimanapun analisa hanya dilakukan kepada sanad hadis tertentu sahaja bagi mengukuhkan beberapa pandangan al-Tahānawī seperti kehujahan hadis *mursal*. Sanad hadis tersebut dianalisa bagi menguatkan kehujahan hadis *mursal tābi`īn* dan hadis *mursal* generasi kurun keempat dengan adanya pengiktirafan dari Rasulullah s.a.w. yang menyatakan generasi kurun pertama sehingga keempat merupakan kurun terbaik.

viii. Mengambil *Istinbāt* Daripada Hadis

Selain daripada menganalisa sanad, Shaykh al-Tahānawī juga mengambil *istinbāt* daripada hadis.

³⁰⁷Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h.451

³⁰⁸ `Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op. cit.*, h. 27

Contoh :

"وَوَقَعَ فِي حَدِيثِ جُعْدَةَ بْنَ هَبِيرَةَ عِنْدَ ابْنِ أَبِي شَيْبَةَ وَالطَّبَرَانِيِّ إِثْبَاتَ الْقَرْنِ
الرَّابِعِ، وَلِفَظِهِ : ((خَيْرُ النَّاسِ قَرِئٌ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ
يَلُونُهُمْ، ثُمَّ الْآخَرُونَ أَرْدَأُ))".³⁰⁹

"...وَمَرْسَلُ الصَّحَابِيِّ حَجَةَ بِلَا شَكَ، وَعِنْدَنَا مَرْسَلُ التَّابِعِيِّ أَيْضًا، وَعَلَى
هَذَا: فَيُحَوَّزُ لَنَا أَنْ نَخْتَجَّ بِمَرَاسِيلِ الْقَرْنِ الرَّابِعِ أَيْضًا، لَا شَرَّاكِهِمْ مَعَ الثَّالِثِ في
الْعُلَةِ الَّتِي بِهَا قَبَلَنَا مَرَاسِيلَهُمْ...".³¹⁰

Berdasarkan hadis *khayr al-nās qarnī* di atas, pengarang mengambil *istinbāt* dengan menyatakan hadis *mursal* dari generasi kurun keempat harus dijadikan hujah sepetimana *marāṣīl* generasi ketiga iaitu *atbā' al-tābi'īn*³¹¹ kerana terdapat persamaan dari segi *'illah*.

Metode ini tidak diaplikasikan oleh Imām al-Laknawī kepada hadis-hadis yang dimuatkan di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Hadis-hadis yang dikemukakan oleh al-Laknawī hanya diletakkan sebagai dalil kepada sesuatu permasalahan tanpa dianalisa atau diambil *istinbāt* daripadanya.³¹²

Metode yang dikemukakan oleh al-Tahānawī menunjukkan beliau menguasai *fiqh al-hadīth* yang merupakan salah satu cabang ilmu hadis. Kemampuan beliau mengeluarkan pengajaran hadis serta menganalisa sanad-sanad menunjukkan beliau seorang tokoh yang menguasai ilmu hadis *riwāyah* dan *dirāyah*. Penulis berpendapat metode ini amat perlu dikuasai dan diamalkan oleh para ulama, penuntut ilmu, penulis-

³⁰⁹*Ibid.*, h.139

³¹⁰*Ibid.*, h.459

³¹¹Menurut jumhur *muḥaddithīn*, sebilangan besar *fuqahā'* dan *uṣūliyyīn* berpendapat hadis *mursal* adalah *da'īf* yang tidak boleh dijadikan hujah. Lihat 'Itr, Nūr al-Dīn (1992), *op. cit.*, h. 371

³¹² Lihat hadis-hadis di dalam 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op. cit.*, h. 27-28

penulis dan pentahqiq kitab khususnya pada masa kini. Matan hadith yang diletakkan di dalam buku-buku tidak seharusnya dibiarkan berlalu tanpa huraihan dan kupasan untuk diambil pengajaran darinya.

ix. Beramal Dengan Hadith *Da`īf* Dan Mendahulukannya Ke Atas *Qiyās*

Shaykh al-Tahānawī mendahulukan hadith daif ke atas *qiyās*. Perkara ini beliau bicarakan dengan panjang lebar di dalam kitabnya dengan memetik kata-kata ramai ulama hadith seperti Imam Ahmad dan Ibn Ḥazm:³¹³

"قال ابن حزم: جميع الحنفية مجمعون على أن مذهب أبي حنيفة أن ضعيف الحديث عنده أولى من الرأي ..."

قلت: وليس المراد بالضعف ما كان شديد الضعف، فإنه لا يعمل به
أصلا..."³¹⁴

Penjelasan di atas menunjukkan pendirian Shaykh al-Tahānawī dengan menyokong pendapat mazhabnya yang mendahulukan hadith *da`īf* ke atas *qiyās*. Seterusnya Shaykh al-Tahānawī menyatakan hadith *da`īf* yang dimaksudkan itu bukanlah hadith yang *bāṭil*, *munkar* atau pada sanadnya terdapat perawi yang dituduh dusta. Hadith *da`īf* dimaksudkan beliau ialah *da`īf* itu menurut pandangan *mutaqaddimīn* iaitu *ḥasan* pada pandangan *mutakkhirīn*.³¹⁵

³¹³ Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h. 95-108

³¹⁴ *Ibid.*, h. 95

³¹⁵ *Ibid.*, h. 98-100

Mendahulukan hadis *da`īf* ke atas *qiyās* merupakan pendapat ramai ulama antaranya Imām Mālik, Imām al-Shāfi`ī, Imām Aḥmad bin Ḥanbal dan Imām Abū Dawūd. Imām Mālik misalnya banyak mendahulukan hadis-hadis *mursal*, *munqati`* dan fatwa-fatwa sahabat ke atas *qiyas*.³¹⁶

Imām Aḥmad bin Ḥanbal amat terkenal dengan metode ini sehinggakan Imām Ibn al-Qayyim menyatakan di antara asas penggubalan fatwa Imām Aḥmad adalah mendahulukan hadis *mursal* dan hadis *da`īf* ke atas *qiyās*.³¹⁷

Berdasarkan kaedah pengambilan hukum dan analisa pandangan sarjana-sarjana hadith, penulis menegaskan bahawa mendahulukan hadis *da`īf* ke atas *qiyās* adalah metode yang lebih selamat dan praktikal. Mengutamakan nas-nas hadis daripada pandangan akal adalah lebih diyakini kerana kaedah pengambilan hukum Islam adalah mengikut tertib yang disepakati ialah al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijmā`* dan *al-Qiyās*. Tidak sepatutnya mengutamakan *ijtihād* ketika wujudnya hadis. *Ijtihād* digunakan ketika mana ketiadaan dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunah dan *al-Ijmā`*.

x. Membuat Perbandingan Pendapat Antara *Mutaqaddimīn* Dan *Muta`akhkhirīn*

Penulis mendapati Shaykh al-Tahānawī turut membuat perbandingan beberapa perkara di dalam ilmu hadith contohnya tentang hadis *munkar*, pengarang menyatakan dengan berkata:

"فرق بين قول المتأخرین: هذا حديث منکر، وبين قول المتقدمین ذلك، فإن
المتأخرین يطلقونه على روایة راو ضعیف خالف الثقات. والقدماء کثیراً ما

³¹⁶ Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb, Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (2002), *I'lām al-Muwaqqi`īn `an Rabb al-`Ālamīn*, j.2, h.55-59

³¹⁷ *Ibid.*, h.55

يطلقونه على مجرد ما تفرد به راويه وإن كان من الثقات، فيكون حديثه
صحيحاً غريباً.³¹⁸

Contoh di atas menunjukkan pengarang membuat perbandingan antara *mutaqaddimīn* dan *muta`akhkhirīn* tentang definisi hadith *munkar*. Ulama *muta`akhkhirīn* antaranya Ibn Hajar manyatakan *munkar* ialah hadis yang diriwayatkan oleh perawi *da`īf* yang bercanggah dengan hadis yang diriwayatkan perawi *thiqah*.³¹⁹ Manakala di sisi *mutaqaddimīn munkar* itu lebih umum iaitu hadis yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja walaupun perawi yang meriwayatkan hadis tersebut adalah *thiqah* tidak *da`īf*.³²⁰

Metode yang dikemukakan oleh al-Tahānawī ini amat menarik dan sangat penting kepada para penuntut ilmu hadith. Perbezaan pandangan antara *muta`akhkhirīn* dan *mutaqaddimīn* perlu dianalisa dan difahami dengan sebaik-baiknya kerana sebahagiannya berkaitan dengan hukum hadith. Sebagai contoh hadith *munkar* dihukumkan sebagai sangat *da`īf* jika dilihat dari sudut pandangan *mutaakkhirīn*. Manakala menurut pandangan *mutaqaddimīn* hadis *munkar* secara umum tergolong di dalam kategori *gharīb* yang mungkin *sahīh* atau *da`īf*.³²¹ Oleh kerana itu, para penuntut ilmu perlu mahir di dalam membezakan istilah-istilah di sisi *mutaakkhirīn* dan *mutaqaddimīn* supaya tidak timbulnya kekeliruan seterusnya berlaku kesilapan dalam meletakkan hukum sesebuah hadith.

³¹⁸Zafar Ahmād al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h. 258

³¹⁹Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar al-`Asqalānī (2001), *op.cit.*, h.86

³²⁰Lihat perbincangan lanjut tentang hadis *munkar* di dalam Nūr al-Dīn `Itr (1992), *op. cit.*, h. 430-431

³²¹*Ibid.* h.432

Shaykh al-Tahānawī merupakan seorang bermazhab Hanafi dan banyak berpegang dengan pendapat ulama Hanafi ketika membahaskan isu-isu di dalam kitabnya ini. *Uslūb-uslūb* yang diguna menunjukkan pengarang menyokong kuat pandangan mazhabnya. Beliau juga mempertahankan Imam Abu Hanifah ketika mana beberapa ulama hadith *muta`akhkhirīn* seperti al-Khaṭīb al-Baghdādī, Imām al-Dāraqutnī dan Ibn al-Jawzī yang mempertikai kredibiliti Imām Abu Hanifah. Imām al-Dāraqutnī antaranya menyatakan Abu Hanifah merupakan perawi yang *da`īf*.³²² Shaykh al-Tahānawī menolak pandangan ulama yang mengkritik Abu Hanifah dengan alasan mereka mempunyai sikap taksub, perseteruan, melampau dan mengkritik tanpa hujah dan alasan.

Di dalam perbincangan *al-Jarh wa al-Ta`dīl* pula Shaykh al-Tahānawī banyak menyebut kritikan yang diungkapkan oleh Imam Abu Hanifah kepada perawi-perawi hadith bagi membuktikan Abu Hanifah merupakan *ṣāhib al-Jarh wa al-Ta`dīl* yang diiktiraf ramai *muḥaddithīn*. Kritikan-kritikan tersebut di nukil dari karya-karya utama seperti kitab *al-`Ilal*, *al-Tahdhīb* dan *Tadhkirah al-Huffāz*. Akhirnya beliau membuat kesimpulan dengan menyatakan sanjungannya kepada Imam Abu Hanifah:

"وبالجملة فأقول هذا الإمام في باب الجرح والتعديل، وأصول الرواية
والتحديث، أكثر من أن تخصى، ولم يزل المحدثون ينقلونها وياخذون بها قديما
وتحديدا. وفي كل ذلك دليل على كونه إماماً كبيراً مجتهداً في علم الحديث كما"

³²²Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h. 193-194, Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1979), *Irwā al-Ghalīl fī Takhrīj Ahādīth al-Manār al-Sabīl*, Beirut: al-Maktab al-Islāmiyy, h. 271

هو كذلك في الفقه، وقد إعترف بذلك كل منصف له قلب سليم كالذهبي

³²³" وغيرها.

Penyataan beliau ini bagi membuktikan Imam Abu Hanifah sememangnya seorang pengkritik, pakar di dalam *al-Jarh wa al-Ta`dīl* dan merupakan mujtahid di dalam ilmu hadith dan *fiqh*. Keilmuannya telah diiktiraf oleh ramai sarjana hadith seperti al-Dhahabī dan lain-lain.

Penulis tidak menemui metode seperti ini di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Imām al-Laknawī walaupun seorang bermazhab Hanafī, beliau seorang yang bersifat terbuka, berlapang dada, tidak taksub dengan Imam Abu Hanifah dan bersedia menerima pendapat lain yang dirasakan *rajīḥ*. Pandangan Imām al-Laknawī di dalam ilmu hadis berdasarkan kepada penguasaan ilmu dan analisa daripada pandangan-pandangan ulama *mutaqaddimīn* dan *mutaakkhirīn*. Sikap seperti inilah yang sepatutnya ada pada seorang yang bergelar ulama.

xii. Memberikan Takrifan Kepada Istilah-Istilah Hadis

Shaykh al-Tahānawī terlebih dahulu menjelaskan istilah-istilah di dalam ilmu hadis sebelum melanjutkan perbincangan di dalam sesuatu topik. Istilah-istilah seperti ilmu hadis *riwāyah*, *dirāyah*, sanad, matan, *marfū`*, *mauquf*, *maqtu`* dan lain-lain akan diberikan takrifan sewajarnya berpandukan pendapat para ulama hadis. Walaubagaimanapun istilah-istilah yang diberikan pengertian tidak pula disertai contoh-contoh daripada hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

³²³Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h. 336-337

Contoh :

"الصحيح لذاته: وهو خبر الواحد المتصل السندي بنقل عدل تمام الضبط، غير معلم بقادح ولا شاذ".³²⁴

Imām al-Laknawī mempunyai pendekatan yang berbeza dengan Shaykh al-Tahānawī di mana tajuk-tajuk seperti hadis *sāhiḥ, da'* ḫ dan *maudū'* dibincangkan tanpa memberikan definisi kepada istilah-istilah tersebut terlebih dahulu. Ini berlaku kerana persoalan yang diajukan kepada beliau tidak menjurus kepada takrifan istilah-istilah di dalam *'ulūm al-hadīth*. Namun begitu, pada pandangan penulis adalah lebih elok sekiranya diperkenalkan terlebih dahulu istilah-istilah yang berkaitan dengan ilmu hadis.

Metode yang dikemukakan oleh Shaykh al-Tahānawī di dalam kitabnya sesuai untuk golongan penuntut yang baru untuk berjinak-jinak dengan *'ulūm al-hadīth*. Ini bagi memantapkan para penuntut ilmu di dalam asas-asas pengajian ilmu hadis. Manakala metode Imām al-Laknawī pula lebih sesuai bagi golongan penuntut yang telah mahir di dalam ilmu hadis dan memerlukan perbincangan yang lebih luas dan mendalam.

xiii. Membahaskan Sesuatu Permasalahan Di Satu Tempat Kemudian Menyambungnya Di Tempat Lain

Shaykh al-Tahānawī ketika membicarakan sesuatu isu, tidak akan menumpukan perbincangan itu kepada satu tempat sahaja. Lebih-lebih lagi sekiranya isu yang dibincangkan itu memerlukan perbahasan lanjut serta berkaitan dengan isu-isu lain. Di

³²⁴ *Ibid.*, h.33

dalam metode ini pengarang menggunakan pelbagai istilah bagi menunjukkan perbahasan itu dikemudiankan seperti:

كما سيأتي، كما سيأتي في المقطع التالي، كما سنبيئه في موضعه، وفيه مزيد
تفصيل سيأتي

Contoh :

"والعلق: ما حذف من مبدأ إسناده واحد فاكثر. وقد أكثر البخاري من هذا النوع في ((صححه))، وليس بخارج من الصحيح إذا جزم به كما سيأتي."³²⁵

Shaykh al-Tahānawī membicarakan definisi hadith *mu`allaq* di bawah tajuk *anwā` al-hadīth* pada halaman 39 kemudiannya menyambung kembali perbincangan yang berkaitan dengan hukum *ta`liq* Imām Bukhari dan Muslim pada akhir fasal yang kelima pada halaman 164. Pengulangan ini ada penulis rasakan sesuai bagi topik-topik tertentu yang saling berkaitan bagi mengukuhkan kefahaman terhadap sesuatu tajuk.

Imām al-Laknawī tidak mempraktikkan metode ini di dalam penulisan *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Beliau menyelesai dan memperincikan perbahasan sesuatu tajuk di satu-satu tempat dan tidak mengulang perbincangan di tempat lain. Ini dapat dilihat di dalam hampir semua tajuk yang dibincangkan di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Sebagai contoh perbincangan tentang penerimaan hadis *da`īf* di dalam kelebihan amalan yang menjangkau sehingga dua puluh dua muka surat dan tidak diulang bicara pada tajuk-tajuk yang lain.³²⁶

³²⁵Ibid., h. 39

³²⁶`Abd al-Hayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 36-57

Jika diteliti perbahasan-perbahasan Shaykh al-Tahānawī di dalam kitabnya, penulis mendapati beliau cenderung untuk meringkaskan perbincangan. Dengan kata lain perbahasannya tidak begitu mendalam sepetimana karya Imām al-Laknawī. Metode ini dapat diperhatikan dalam keseluruhan tajuk di dalam kitab beliau. Perbezaan ini amat ketara ketika Shaykh al-Tahānawī meringkaskan perbahasan tentang hadis *da`īf* dan hadis *maudū`*.

Contoh :

"الضعيف: ما لم يجمع صفة الحسن، ويتفاوت ضعفه شدة وخفة كصححة الصحيح، فمنه (أوهى) كما أَن في الصحيح (أَصْحَح). ويجوز عند العلماء التساهل في أسانيد الضعيف من غير بيان ضعفه، في الموعظ والقصص وفضائل الأعمال، لا في صفات الله وأحكام الحلال والحرام."³²⁷

Shaykh al-Tahānawī hanya membicarakan dengan ringkas berkaitan dengan hadis *da`īf* iaitu dengan menyatakan definisi hadith *da`īf* dan keharusan meriwayatkan hadis *da`īf* di dalam perkara-perkara seperti kelebihan amalan dan lain-lain.

Pendekatan ini berbeza dengan Imām al-Laknawī di mana beliau membicarakan dengan panjang lebar tentang hadis *da`īf* seperti syarat-syarat beramal dengan hadis *da`īf* dengan menukilkan pandangan-pandangan ramai ulama dan juga mazhab-mazhab yang menerima dan menolak hadis *da`īf*.³²⁸

³²⁷Ibid., h.37

³²⁸Ibid., h. 36-59

xv. Mengemukakan Faedah (فائدة)، Peringatan-Peringatan (تنبيهات) Dan Faedah-Faedah Yang Pelbagai (فوائد شتى) Kepada Pembaca

Shaykh al-Tahānawī meletakkan Faedah (فائدة)، Peringatan-Peringatan (تنبيهات) dan Faedah-Faedah Yang Pelbagai (فوائد شتى) di penghujung fasal bermula dari fasal kelima hingga fasal kesembilan. Faedah (فائدة) kebiasaannya ringkas dan tambahan isi-isi penting terhadap isu-isu yang telah dibincangkan manakala Peringatan-Peringatan (تنبيهات) merupakan isi-isi tambahan berkaitan sesuatu topik. Faedah-Faedah Yang Pelbagai (فوائد شتى) pula adalah isi-isi tambahan umum yang berkaitan dengan `ulūm al-hadīth. Fāidah, tanbīhāt dan fawāid shattā dibahagikan kepada tajuk-tajuk kecil.

Contoh 1 :

تنبيه

في الفرق بين قولهم: حديث منكر، ومنكر حديث، ويروي المناكير.

³²⁹ "فرق بين قول المتأخرین: هذا حديث منکر، وبين قول المتقدمین ذلك..."

Contoh 2 :

فائدة

الإرجاء على نوعين، والتشيع نوعين

قال الحافظ في ((مقدمة الفتح)): فالإرجاء بمعنى التأخير، وهو على

³³⁰ قسمين ...

Fāidah dan tanbīhāt seperti di atas dimulakan dengan tajuk-tajuk kecil, seterusnya Shaykh al-Tahānawī akan membicarakan tajuk-tajuk tersebut secara sederhana panjang atau dengan ringkas sahaja.

³²⁹ Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h.254

³³⁰ *Ibid.*, h. 232

Imām al-Laknawī tidak meletakkan perbincangan di bawah tajuk-tajuk kecil sepermulaan di dalam *Qawā'id fī Ūlūm āl-Hadīth*. Ini kerana sifat kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah* yang merupakan jawapan kepada soalan-soalan dalam beberapa isu *ūlūm al-hadīs* tidak memerlukan pembahagian seperti itu.

xvi. Menterjemahkan Imam-Imam Mazhab Hanafi

Metode ini amat berbeza dengan Imām al-Laknawī dan mana-mana pengarang kitab *'ulūm al-hadīth*. Shaykh al-Tahānawī memperkenalkan biografi Imam-Imam mazhab Hanafi iaitu Imam Abu Hanifah, Abu Yusuf dan Muḥammad Bin Ḥasan al-Shaybānī di fasal kesembilan.³³¹

Metode seperti ini tidak diaplikasikan oleh Imām al-Laknawi di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Tokoh-tokoh hadis dan para ulama mazhab tidak diterjemahkan oleh Imām al-Laknawī. Pada pendapat penulis Imām al-Laknawī tidak menjelaskan mengenai biografi tokoh kerana tidak ada keperluan untuk berbuat demikian. Ini memandangkan *al-Ajwibah al-Fāḍilah* adalah sebuah kitab *ulūm a-hadīth* maka fokus utama adalah kepada isu-isu di dalam *ulūm al-hadīth* sahaja. Adapun biografi para ulama dan tokoh-tokoh hadis yang termuat di dalam kitab ini hendaklah dirujuk kepada kitab-kitab yang berkaitan seperti kitab *Tarājim al-Rijal* dan *al-A'lām*.

³³¹Ibid., h. 305, 339 dan 342

4.3.2 Metode Yang Sama Dengan Imām al-Laknawī

Terdapat juga metode-metode Shaykh al-Tahānawī yang hampir sama dengan penulisan Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah* antaranya:

i. Mengkritik Ulama

Shaykh al-Tahānawī ketika membicarakan tentang *al-jarḥ wa al-ta`dīl*, mengkritik ramai ulama hadith yang pada pendapat beliau melampau di dalam *al-jarḥ*. Antara ulama yang dikritik beliau ialah al-Dhahabī dan al-Dāraqutnī.

Contoh 1 :

"كالذهبي فإنه لتفشه وغاية ورمه مسرف في جرح الصوفية والأشاعرة
جدا."³³²

Kata-kata pengarang jelas menunjukkan bahawa beliau menyatakan bahawa Imām al-Dhahabī sebagai seorang yang melampau dalam *mentajriḥ* golongan sufi dan *`Ashā'irah*.

Contoh 2 :

"كالدارقطني وأمثاله من متأخري أهل الحديث، فإن لهم تعتننا في أبي حنيفة
وأصحابه كما لا يخفى على من طالع كتبهم."³³³

Di dalam contoh di atas, Shaykh al-Tahānawī mengkritik Imām al-Dāraqutnī dan *muta`akhkhir* ahli hadith yang dianggap bersikap melampau terhadap Imām Abū

³³²Ibid., h. 192

³³³Ibid.

Ḩanīfah dan rakan-rakannya. Imām al-Dāraqutnī menyifatkan Abū Ḥanīfah sebagai perawi *da`īf*. Perkara ini dapat dilihat ketika beliau mengulas sanad sebuah hadith daripada Jābir melalui *tariq* Abū Ḥanīfah iaitu :

حدثنا علي بن عبد الله بن مبشر، حدثنا محمد بن حرب الواسطي، حدثنا إسحاق الأرزيق، عن أبي حنيفة، عن موسى بن أبي عائشة، عن عبد الله بن شداد عن جابر، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((من كان له إمام فقراءة الإمام له قراءة))³³⁴

"لم يسنده عن موسى بن أبي عائشة غير أبي حنيفة والحسن بن عمارة، وهذا ضعيفان"³³⁵

Kata-kata Imām al-Dāraqutnī di atas menunjukkan Imām Abū Ḥanīfah sebagai perawi yang *da`īf*.

Di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*, Imām al-Laknawī turut mengkritik ulama. Kritikan beliau ditujukan kepada sebahagian ulama yang meletakkan hadith-hadith palsu di dalam karya-karya mereka.³³⁶ Kritikan al-Laknawī lebih bersifat menegur dan memberi peringatan kepada pembaca agar berhati-hati terhadap karya beberapa ulama hadith yang terdapatnya di dalam hadith-hadith palsu. Manakala kritikan Shaykh al-Tahānawī menjurus kepada peribadi ulama dan bersifat membela seseorang tokoh seperti Imām Abū Ḥanīfah dan lain-lain.

³³⁴ al-Dāraqutnī, `Alī bin `Umar (2004), *Sunan al-Dāraqutnī*, Kitāb al-Solāh, Bab dhikr qawlhu Ṣalla Allāh `Alayhi wa Sallam: man kāna lahu Imām fa Qirā`atu al-Imām lahu Qirā`ah, Beirut: Mu`assasah al-Risālah, j.2, h. 107, no. hadis 1233

³³⁵ *Ibid.*; al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (1979), *op.cit.*, h. 271

³³⁶ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op.cit.*, h. 29-30

ii. Menyatakan Rujukan

Shaykh al-Tahānawī menggunakan pelbagai jenis kitab seperti kitab `ulūm al-hadīth, shurūh al-hadīth, al-jarh wa al-ta`dīl, kitab-kitab sunan dan sebagainya sebagai rujukan di dalam karyanya. Dalam menyatakan rujukan beliau menggunakan pelbagai pendekatan antaranya:

a. Menyatakan Nama Pengarang Dan Judul Kitab

Contoh :

"وقال السيوطي في ((تدریب الراوی)): والعلة عبارة عن سبب غامض خفي
قادح في الحديث، مع أن الظاهر السلامة منه."³³⁷

Dalam contoh di atas Shaykh al-Tahānawī menyatakan nama penulis iaitu Imām al-Suyūtī diikuti dengan judul kitab iaitu *Tadrīb al-Rāwī*.

b. Menyatakan Nama Penulis Sahaja

Ada kalanya Shaykh al-Tahānawī hanya menyebut penulis dengan kemudiannya menukilkan kata-kata dari mereka tanpa menyatakan dari kitab manakah nukilan itu diambil.

Contoh :

"قال ابن حزم: جميع الحنفية جمعون على أن مذهب أبي حنيفة أن ضعيف
الحديث عنده أولى من الرأي ."³³⁸

³³⁷Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h.50

³³⁸*Ibid.*, h.50

Shaykh al-Tahānawī hanya menukilkan pendapat Ibn Ḥazm tanpa menyatakan dari manakah sumber maklumat itu dipetik.

Kedua-dua metode di atas turut diaplikasikan oleh Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah*.³³⁹ Ini menunjukkan terdapat persamaan antara kedua-dua pengarang di dalam kaedah menyatakan rujukan.

iii. Mengisyaratkan Kepada Rujukan Lain

Shaykh al-Tahānawī juga mengisyaratkan kepada sumber-sumber lain. Ini bagi membantu pembaca mengenalpasti kesahihan maklumat serta memudahkan untuk mendapatkan maklumat tambahan dari sumber yang disarankan.

Contoh :

"... ثم أطال بذكر أقوال الشافعي ونصوصه الدالة على حجية أقوال الصحابة
عندہ، فلیراجع." ³⁴⁰

Shaykh al-Tahānawī membicarakan tentang kehujahan kata-kata sahabat dengan menukilkan pandangan para ulamak termasuklah pendapat Imām Shāfi`ī. Di akhir perbincangan beliau menyarankan agar dirujuk kepada kitab *I'lām al-Muwaqqi`īn* oleh Ibn al-Qayyim untuk keterangan lebih lanjut tentang kehujahan kata-kata sahabat menurut Imām al-Shāfi`ī. Shaykh al-Tahānawī konsisten dengan menggunakan kalimah فلیراجع ketika mengisyaratkan kepada rujukan lain. Rujukan yang disarankan pula, semuanya merupakan karangan ulama-ulama lain. Tiada satupun rujukan itu karya

³³⁹ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op. cit.*, h. 73 dan 67

³⁴⁰ Zafar Ahmād al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h.131

beliau sendiri sepetimana Imām al-Laknawī yang menyarankan kepada rujukan karangan beliau sendiri dan juga ulama-ulama lain.³⁴¹

iv. Membicarakan Tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*

Shaykh al-Tahānawī menukilkan pandangan ulama *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* ketika membicarakan status perawi hadith.

Contoh :

"وقال المنذري في حديث أبي داود ((لا يزال الله مقبلا على العبد وهو في صلاته، ما لم يلتفت، فإذا إلتفت إنصرف عنه)) : وأبو الأحوص هذا - الراوي - لا يعرف إسمه، لم يروي عنه غير الزهري. قال يحيى بن معين: ليس بشيء. وقال الكرايسبي: ليس بمتين عندهم. قال النموي في ((الخلاصة)): هو فيه الجھالة، لكن الحديث لم يضعفه أبو داود فهو حسن عنده."³⁴²

Shaykh al-Tahānawī menukilkan pandangan ulama seperti Yahyā ibn Ma`īn, al-Karābīsī dan Imām al-Nawawī berkenaan seorang perawi bernama al-Aḥwāṣ di dalam hadith berkaitan solat yang diriwayatkan oleh Abī Dawūd. Perbincangan tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* turut dikemukakan oleh Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍilah* di mana beliau juga memetik kata-kata ulama ketika membicarakan tentang seorang perawi iaitu Abān bin Ishāq al-Madānī.³⁴³ Ini menunjukkan kedua-dua pengarang mempunyai metode yang sama di dalam membicarakan tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*.

³⁴¹Ibid., h. 195

³⁴²Ibid., h. 89

³⁴³ Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1984), *op. cit.*, h. 178-179

v. Mengemukakan Ulasan Ringkas Setelah Menukilkan Pandangan Ulama

Shaykh al-Tahānawī membuat ulasan tersendiri setelah menukilkan pandangan-pandangan ulama. Kelazimannya ulasan-ulasan yang dimulai dengan perkataan “قلتُ” قلتُ“

Contoh :

”وفي ((التدريب)) أيضا قال الحكم : الحديث الصحيح ينقسم عشرة أقسام، خمسة متافق عليه، وخمسة مختلف فيها، فمن الأول المتافق عليها اختيار البخاري ومسلم-إلى أن قال-:الخامس أحاديث جماعة من الأئمة عن آبائهم عن أجدادهم، لم تتواءر الرواية عن آبائهم عن أجدادهم إلا عنهم كعمرو بن شعيب عن أبيه عن جده...فهذه أيضا تحتاج بها، مخرجة في كتب الأئمة دون ((الصحيحين)).”

قلتُ: هذا دليل صريح على وجود الصحيح فيما عدا ((الصحيحين)).³⁴⁴

Setelah mengutarakan pandangan al-Hākim tentang pembahagian hadith-hadith *sahīh* Shaykh al-Tahānawī memberikan ulasan dengan menyatakan pembahagian tersebut menunjukkan wujudnya hadith-hadith *sahīh* selain daripada yang termuat di dalam *sahīh* Bukhārī dan Muslim.

Metode Shaykh al-Tahānawī hampir sama dengan Imām al-Laknawī di mana beliau juga memberikan ulasan dan kesimpulan di akhir perbahasan. Apa yang dilihat berbeza ialah Imām al-Laknawī hanya memberikan kesimpulan di akhir sesuatu perbahasan yang panjang manakala Shaykh al-Tahānawī memberikan ulasan dan komentar setelah selesainya perbincangan topik-topik kecil.

³⁴⁴Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h.66

vi. Membawakan Hadith-Hadith Rasulullah s.a.w

Shaykh al-Tahānawī sangat kurang membawakan hadith-hadith Rasulullah s.a.w di dalam kitabnya ini. Namun begitu beberapa hadith yang dibawakan cukup untuk mengenalpasti metode pengarang ketika membawakan hadith-hadith Rasulullah s.a.w iaitu :

- a. Meringkaskan Hadith Yang Panjang.

Contoh :

"...حدیث أبی هریرة عند ((مسلم)) وفيه ((رجل تصدق بصدقه أخفاها حتی لا تعلم بینه ما تنفق شماليه)). فهذا مما إنقلب على أحد الرواة، وأنما هو ((حتی لا تعلم شماليه ما تنفق بینه))".³⁴⁵

Ketika membawakan contoh hadith *maqlūb* di atas, kelihatan Shaykh al-Tahānawī meringkaskan hadith yang panjang. Metode ini mengakibatkan pembaca hanya dapat mengambil *istiṣnāt* dari sebahagian hadith sahaja, selain itu metode ini menyukarkan pembaca untuk mendapatkan matan yang lengkap lebih-lebih lagi hadith tidak *ditakhrīj* dengan detail. Penulis cuba melakukan *takhrīj* lalu mendapati matan selengkapnya adalah seperti berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : سَبْعَةُ يُطْلُبُهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَسَأً بِعِيَادَةِ اللَّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَقَّدٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَيَا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَعَرَّفَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ

³⁴⁵ *Ibid.*, h. 44

ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْعَماهَا حَتَّىٰ لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شَمَائِلُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ حَالِيًّا فَقَاضَتْ عَيْنَاهُ .³⁴⁶

b. Menggugurkan Keseluruhan Sanad

Pengguguran sanad hadith sering dilakukan di dalam penulisan kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu hadith dengan tujuan memudahkan pembaca memberi fokus kepada matan hadith. Walaubagaimanapun kaedah ini hanya sesuai bagi pembaca umum tidak bagi pengkaji dan ilmuwan hadith. Ini kerana sanad merupakan satu perkara yang penting di dalam penentuan hukum sesebuah hadith. Penulis mendapati, Shaykh al-Tahānawī di dalam beberapa hadith yang dikemukakan turut melakukan pemotongan keseluruhan sanad hadith.

Contoh:

" قال الراوي: أخذ رسول الله صلى الله عليه وسلم بيدي فقال: إني لأحبك
فقل : أللهم أعني على ذكرك وشكرك وحسن عبادتك."³⁴⁷

Shaykh al-Tahānawī menggugurkan keseluruhan sanad dan hanya mengantikannya dengan *qāla al-rāwī*. Apabila ditakhrījkan hadith tersebut dapatlah penulis ketahui hadith ini diriwayatkan oleh Mu`ādh bin Jabal. Sanad selengkapnya bagi hadith ini seperti di bawah:

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ بْنِ مَيْسَرَةَ ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ الْمُقْرِئِ ،
حَدَّثَنَا حَيْوَةُ بْنُ شُرَيْحٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ عُقْبَةَ بْنَ مُسْلِمٍ ، يَقُولُ : حَدَّنِي أَبُو

³⁴⁶ Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī (1996), *op.cit.*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Faḍl Ikhfā` al-Ṣadaqah, j.7, h.122, no. hadis 2377

³⁴⁷ Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānawī (1984), *op. cit.*, h. 40

عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْحَبْلَيِّ ، عَنْ الصُّنَابِحِيِّ ، عَنْ مُعَاذِ بْنِ حَبَّلٍ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ رَسُولَ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْدَى بَيْدَهُ، وَقَالَ : " يَا مُعَاذُ، وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ ،
وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ ، فَقَالَ : أُوصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدْعُنَ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ تَقُولُ :
اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحْسِنْ عِبَادَتِكَ³⁴⁸

Selain dari metode-metode yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa metode yang tidak dapat penulis nyatakan dengan terperinci bagi meringkaskan perbincangan. Antara yang lain ialah metode Shaykh al-Tahānawī dalam menyatakan hukum hadith, metode dalam *mentakhrīj* hadith dan lain-lain.

4.4 Kesimpulan

Shaykh al-Tahānawī di dalam karyanya *Qawāid fī Ulūm al-Hadīth* mengemukakan metode tersendiri di dalam *ulūm al-hadīth*. Beliau sangat berpegang dengan *uṣul* mazhab Hanafī di dalam *ulūm al-hadīth* walaupun kadangkala *uṣul* yang dikemukakan itu bertentangan dengan *uṣul* atau kaerah *jumhūr muḥaddithīn*. Metode-metode yang dikemukakan di dalam *Qawāid fī Ulūm al-Hadīth* memperlihatkan pandangan beliau sendiri dan dalam masa yang sama mempertahankan *uṣūl al-hadīth* di sisi Imam Abū Ḥanīfah. Boleh dikatakan beliau agak taksub dengan pandangan-pandangan ulama Hanafi di dalam *ulūm al-hadīth*. Sikap yang ditunjukkan ini ternyata berbeza dengan Imām al-Laknawī yang dianggap lebih terbuka dan berlapang dada dengan menerima pendapat yang lebih *rājiḥ* walaupun pendapat itu bertentangan dengan pendapat mazhabnya. Walaubagaimanapun kedua-dua tokoh ini telah memberikan sumbangan yang besar di dalam ilmu hadith khususnya di dalam penghasilan karya-karya yang berkaitan dengan ilmu hadith.

³⁴⁸ Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash`ash al-Sajistānī (1988), *Sunan Abī Dawūd, taḥqīq Kamāl Yūsūf al-Hūt*, Kitāb al-Ṣolat, Bāb fī al-Istighfār, Beirut: Dār al-Hannān, j.1, h. 477, no. hadis 1522

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian perbandingan antara metode Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī. Melalui kajian yang telah dijalankan, penulis telah membuat beberapa kesimpulan dan saranan.

5.2 Kesimpulan

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan, penulis dapat menyimpulkan bahawa :

5.2.1 Islam telah bertapak di India seawal kurun pertama hijrah melalui perdagangan, penaklukan dan aktiviti dakwah. Hubungan perdagangan India-Arab yang telah sekian lama terjalin memudahkan Islam menyerap masuk ke dalam masyarakat India khususnya di kawasan-kawasan pingir pantai seperti Sindh, Malabar, Mumbai dan Karatchi. Penaklukan besaran-besaran di bawah Mūhammad bin Qāsim al-Thaqāfī pada tahun 92H kemudiannya diteruskan pula oleh Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī pada tahun 392H menyebabkan Islam tersebar dengan lebih meluas di serata India. Selain itu aktiviti dakwah yang dijalankan oleh para pendakwah bagi memenuhi tuntutan penyebaran Islam merupakan salah satu faktor kemasukan Islam ke India. Tokoh-tokoh

seperti Shaykh Ismā`īl al-Lāhūrī, Shaykh Mu`īn al-Dīn al-Jishtī, Shaykh Farīd al-Dīn al-Ajwadī dan lain-lain telah berjaya mengislamkan ratusan ribu penduduk India.

5.2.2 Kemunculan ilmu hadith di India seiring dengan kehadiran para ulama dan *muḥaddith* yang menyertai gerombolan tentera penakluk yang diketuai oleh Muḥammad bin Qāsim al-Thaqāfi pada tahun 59H. Antara pelopor yang terlibat di dalam misi ini ialah Al-Rabi` bin Ṣabīh al-Sa`dī al-Baṣrī yang merupakan seorang tentera dan pada yang sama seorang *muḥaddith* yang berperanan sebagai penyebar ilmu hadith.

5.2.3 Peringkat awal penyebaran ilmu hadith di India adalah melalui siri-siri tazkirah sepertimana kebiasaan yang dilakukan para pendakwah. Perkembangan lebih positif melalui jalan periwatan (*tariq al-riwāyah*) hanya bermula pada awal kurun ke-2 Hijrah. Dengan kehadiran ramai ulama ke beberapa wilayah seperti Daybul (Karatchi) dan Lahore menyebabkan kawasan-kawasan tersebut muncul sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan dan menjadi tumpuan umat Islam khususnya para penuntut ilmu. Walaubagaimanapun perkembangan ilmu hadith menjadi malap dan terbantut setelah kedatangan Sultan Maḥmūd al-Ghaznawī yang disertai oleh para ulama dari *bilād mā warā'* *al-nahr* yang banyak berpegang kepada kitab-kitab *fiqh* Hanafi serta terpengaruh dengan falsafah Yunani. Kitab-kitab hadith dan pengarang-pengarangnya begitu asing bagi mereka. Ilmu hadith hanya terhad kepada bacaan beberapa kitab sahaja iaitu *Mashāriq al-Anwār* oleh al-Ṣaghānī dan *Maṣābiḥ al-Sunnah* atau *Mishkāt al-Maṣābiḥ* karangan Imām al-Baghāwī.

5.2.4 Malapnya ilmu hadith di India berlanjutan sehingga kurun ke-10 sehingga kehadiran beberapa *muḥaddithīn* dari Hijaz, Hadramaut (Yaman), Mesir, Iraq dan Iran menyemarakkan semula perkembangan ilmu hadith. Tidak kurang juga

usaha beberapa ulama tempatan yang menuntut ilmu ke Mekah dan Madinah, kemudiannya pulang menyebarkan ilmu di tanah air sendiri menyebabkan cahaya ilmu hadith kembali bersinar di India. Perkembangan imu hadith lebih rancak apabila munculnya Shaykh `Abd al-Haqq bin Sayf al-Dīn al-Bukhari (meninggal 1052H) dan lain-lain. Penyebaran ilmu hadith diteruskan oleh al-Shaykh al-Muḥaddith Waliyyullāh bin `Abd al-Rahīm al-`Umarī al-Dihlawī (meninggal 1176H) dan anak-anak beliau serta para ulama yang datang kemudian sehingga ke hari ini.

5.2.5 Kemunculan institusi-institusi pengajian hadith di India seperti Dār al-`Ulūm Deoband, Dār al-`Ulūm Nadwah al-`Ulamā` dan Mazāhir al-`Ulūm adalah berpunca daripada kesedaran sebahagian ulama untuk kembali kepada *al-Sunnah* dan menjadi benteng aqidah yang utuh bagi menangkis gerakan Kristianisasi khususnya ketika penjajahan Inggeris. Institusi-institusi ini menekankan pengajian agama seperti Bahasa Arab, Tafsir dan Hadith. Tidak kurang juga sebahagiannya menggabungkan pengajian Islam dengan kurikulum moden seperti di Dār al-`Ulūm Nadwah al-`Ulamā` Lucknow bagi melahirkan graduan profesional dalam bidang agama dan ilmu-ilmu moden.

5.2.6 Melalui keperibadian yang ditonjolkan oleh Imām Laknawī sejak daripada kelahirannya, pembelajarannya sejak kecil yang mana beliau telah menghafaz al-Quran dan juga belajar daripada ayahandanya serta ramai ulama terkemuka pada zamannya, membuatkan beliau menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Di dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang dikuasai, beliau lebih cenderung kepada ilmu *fiqh* dan hadith.

5.2.7 Kebijaksanaan dan anugerah kekuatan hafalan yang dianugerahi Allah kepada Imām al-Laknawi serta sikap tidak suka membuang masa menyebabkan beliau banyak menulis dan mampu menyiapkan sesebuah karya dalam masa yang singkat. Beliau berkarya seawal umur dua belas tahun dan karyanya yang menjangkau 120 buah dalam umur sesingkat 39 tahun membuktikan kehebatan beliau sebagai seorang ilmuan. Walaupun beliau ialah seorang bukan berbangsa Arab (*`ajam*) ini tidak menghalang beliau untuk menghasilkan karya bermutu dengan bahasa yang indah seperti *al-Ajwibah al-Fāḍilah*.

5.2.8 Penghasilan karya-karya yang begitu menakjubkan dan banyak memberi manfaat, memberi petanda bahawa sumbangannya dalam bidang hadith sangat tidak sia-sia, bahkan memberi kesan yang positif kepada bidang hadith terutama selepas kemerosotan ilmu hadith di negara-negara Timur Tengah. Karya-karya hadith beliau merangkumi aspek *`Ulūm al-Hadīh*, *Shurūh al-Hadīh*, *al-Maudū'āt*, *al-Jarh wa al-Ta`dīl* sangat membanggakan dan diperakui oleh ramai ulama. Daripada karya-karya beliau yang meliputi setiap aspek tersebut terbukti bahawa Imām al-Laknawi sememangnya memiliki ilmu yang luas dalam bidang ini dan perbahasan dalam karyanya begitu lengkap dan sangat teliti.

5.2.9 Setelah melihat karya-karya yang dihasilkan oleh Imām al-Laknawi sama ada dalam bidang hadith mahupun bidang yang lainnya, penulis dapat menyimpulkan bahawa Imām al-Laknawi memang seorang ulama yang terkenal dan ketinggian ilmunya seiring dengan ulama-ulama Arab bahkan beliau mengatasi mereka dari beberapa sudut yang lain seperti penyelidikan yang sangat mendalam dalam menghasilkan sesebuah karya.

5.2.9.1. Antara ciri-ciri karya Imām al-Laknawī ialah penggunaan unsur *al-saja`* di dalam memberikan judul karya-karya beliau. Selain itu, sudah menjadi kebiasaan beliau menterjemahkan dirinya di dalam pendahuluan atau penutup sama ada secara ringkas atau detil.

5.2.10 Pengarang menghasilkan karyanya *al-Ajwibah al-Fāḍilah* sebagai jawapan terhadap sepuluh soalan berkaitan `ulum al-ḥadīth yang diajukan pada beliau oleh seorang ulama sezaman dengannya iaitu al-`Allāmah al-Jalīl al-Ustādh Muḥammad Ḥusayn al-Lāhūrī. Beliau berjaya menyusun kitabnya dengan begitu menarik dimulakan dengan pendahuluan ringkas, kemudiannya diikuti dengan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikupas secara teliti dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan diakhiri dengan penutup yang ringkas.

5.2.11 Pengarang telah menggunakan metode yang menarik dan kreatif di dalam karyanya. Antara metode yang telah diaplikasikan oleh Imām al-Laknawī ialah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan secara langsung. Dengan kata lain pengarang tidak memberikan ulasan atau pendahuluan sebelum menjawab soalan. Metode yang digunakan ini memudahkan para pembaca untuk mendapatkan jawapan secara terus dari sesuatu isu yang diperbahaskan

5.2.12 Pengarang membawakan hadih-hadith Rasulullah s.a.w dan juga *athar* sahabat sebagai dalil di dalam sebahagian isu yang dibahaskan. Dalam menyatakan hadith, beliau mempunyai pelbagai kaedah iaitu menyatakan matan hadith tanpa sanad, mentakhrijkan hadith secara ringkas dan kadangkala menyatakan matan tanpa *takhrīj*.

5.2.13 Imām al-Laknawī menggunakan banyak sumber di dalam menulis kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah*. Dalam menyatakan rujukan beliau menyatakan nama penulis dan judul kitab. Kebiasaannya nama penulis didahulukan daripada judul kitab walaubagaimanapun pada sesetengah tempat beliau mendahulukan judul kitab daripada nama penulis. Sekali-sekala beliau hanya menyatakan nama penulis tanpa judul kitab tetapi kaedah ini amat jarang diaplikasikan.

5.2.14 Pengarang juga mengisyaratkan kepada rujukan-rujukan lain sama ada kepada kitab karangan beliau sendiri atau kitab yang ditulis oleh penulis lain. Pengarang menggunakan istilah-istilah tertentu ketika membawakan petikan daripada kitab-kitab lain seperti istilah *wa qāla* (وقال), *wa fī* (وفي) dan *wa dhakara* (وذكر) sebelum menukilkhan sesuatu petikan. Manakalah istilah-istilah seperti *intahā* (إنتهى) dan *klāmeh* (كلامه) diletakkan di akhir teks bagi menunjukkan sesutu petikan itu telah berakhir. Metode ini menunjukkan sifat amanah pengarang ketika menukilkhan kalam ulama di samping sangat bermanfaat bagi pembaca dalam membezakan huraihan pengarang dengan kata-kata ulama lain.

5.2.15 Pengarang menyelitkan perbahasan tentang cabang ilmu-ilmu lain sekiranya perbahasan itu berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Antaranya beliau membicarakan tentang *'ulum al-Quran* ketika mengkritik segelintir ahli tafsir yang meletakkan hadith-hadith palsu di dalam karya-karya mereka. Antara metode lain yang diaplikasikan oleh pengarang ialah membuat kesimpulan di akhir perbahasan, mengemukakan soalan, mengemukakan perselisihan antara ulama, membicarakan tentang *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*.

5.2.16 Imām al-Laknawī menitikberatkan aspek nilai dan darjat hadith dengan menjadikan pendapat ulama hadith sebagai keutamaan. Di dalam menentukan darjat hadith, beliau berpegang kepada lebih dari satu pendapat ulama terutama tentang hadith-hadith palsu. Selain itu, beliau turut mengkritik para ulama sekiranya hadith yang diletakkan di dalam kitab-kitab karangan mereka merupakan hadith palsu dan hadith-hadith yang tidak diketahui sumbernya.

5.2.17 Imām al-Laknawī terkenal sebagai seorang pengarang yang amat mendalam kajiannya. Beliau merujuk kepada pelbagai karya di dalam pelbagai bidang ilmu serta menganalisa pendapat para *muḥaddithīn*, *fuqahā'* dan *muhaqqiqīn* bagi mencari kebenaran di dalam sesuatu isu. Beliau juga menyatakan pendapat yang *rājiḥ* sekiranya ada. Oleh kerana kepakaran yang dimiliki ini menyebabkan beliau berpegang kepada pendapat yang dirasakannya benar berdasarkan hadith-hadith *sahīḥ* dan tidak taksub kepada pendapat mazhab.

5.2.18 Penggunaan Bahasa Arab yang mudah difahami sekali sekala diselangi dengan unsur-unsur Balaghah membuktikan Imām al-Laknawī dapat menguasai dan menghasilkan karya berbahasa Arab yang baik walaupun beliau seorang ‘ajam iaitu bukan berbangsa Arab.

5.2.19 *Qawāid fī Ulūm al-Ḥadīth* adalah sebuah karya ‘ulūm al-ḥadīth oleh seorang sarjana hadith India iaitu Shaykh Zafar Aḥmad al-Uthmānī al-Tahānawī. Kitab ini pada asalnya berjudul *Inhā' al-Sakan ilā man Yuṭālī` I'lā al-Sunan* yang merupakan *muqaddimah* kepada kitab hadith-hadith hukum iaitu *I'lā al-Sunan* karangan Shaykh al-Tahānawī sendiri.

5.2.20 Kitab *Inhā` al-Sakan ilā man Yūtālī` I'lā` al-Sunan* kemudiannya dicetak berasingan daripada kitab *I'lā` al-Sunan* dan ditukar judulnya kepada *Qawāid fī Ulūm al-Hadīth* oleh Shaykh Abd al-Fattāh Abū Ghuddah dengan kebenaran daripada Shaykh al-Tahānawī.

5.2.21 Shaykh al-Tahānawī di dalam karyanya *Qawāid fī Ulūm al-Hadīth* mengemukakan metode-metode tersendiri di dalam *ulūm al-hadīth*. Beliau sangat berpegang dengan *uṣul* mazhab Hanafī di dalam *ulūm al-hadīth* walaupun kadangkala *uṣul* yang dikemukakan itu bertentangan dengan *uṣul* atau kaedah *jumhūr muḥaddithīn*.

5.2.22 Metode-metode yang dikemukakan oleh Shaykh al-Tahānawī di dalam *Qawāid fī Ulūm al-Hadīth* memperlihatkan keberanian beliau dalam mempertahankan *uṣūl al-hadīth* di sisi Imam Abū Ḥanīfah. Boleh dikatakan beliau agak taksub dengan pandangan-pandangan ulama Hanafi di dalam *ulūm al-hadīth*. Sikap yang ditunjukkan ini ternyata berbeza dengan Imām al-Laknawī yang dilihat lebih terbuka dan berlapang dada dengan menerima pendapat yang lebih *rājīh* walaupun pendapat itu bertentangan dengan pendapat mazhabnya.

5.2.23 Terdapat banyak perbeaan antara pandangan Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī di dalam *ulūm al-hadīth* antaranya di dalam isu hadith-hadith yang pada zahirnya bercanggah antara satu dengan yang lain. Di dalam situasi ini, Imām al-Laknawī mendahulukan *al-jam`* daripada *al-naskh* sedangkan Shaykh al-Tahānawī memilih untuk mendahulukan *al-naskh* ke atas *al-jam`*.

5.2.24 Di dalam permasalahan *wujūh al-tarjīḥ* Imām al-Laknawī menyatakan banyaknya jalan hadith dan ramainya perawi merupakan salah daripada tanda-tanda *tarjīḥ (imārāt al-tarjīḥ)* sedangkan Shaykh al-Tahānawī beranggapan sebaliknya.

5.2.25 Shaykh al-Tahānawī menerima dan berhujah dengan hadith *mursal* walaupun menurut jumhur *muhammadīm*, sebilangan besar *fuqahā'* dan *uṣūliyyīm* berpendapat hadith *mursal* adalah hadith *da`īf* yang tidak boleh dijadikan hujah.

5.2.26 Selain itu, Shaykh al-Tahānawī turut menganalisa sanad-sanad, mengambil *istinbāt* daripada hadith, membuat perbandingan beberapa istilah di dalam ilmu hadith antara *mutaqaddimīm* dan *muta`akkhirīm*, menyajikan faedah-faedah dan peringatan-peringatan penting kepada para pembaca.

5.2.27 Tidak kurang juga, beberapa metode yang diaplikasikan oleh Shaykh al-Tahānawī di *Qawāid fī Ulūm al-Hadīth* dalam juga mempunyai persamaan dengan metode Imām al-Laknawī di dalam *al-Ajwibah al-Fāḍīlah*. Antaranya kritikan Shaykh al-Tahānawī terhadap beberapa ulama hadith, metode dalam menyatakan rujukan, membicarakan tentang *al-Jarh wa al-Ta`dīl*, mengemukakan ulasan setelah menukilkan pendapat ulama dan meringkaskan perbincangan pada tajuk-tajuk tertentu.

5.2.28 Akhirnya, Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī merupakan dua tokoh sarjana hadith dari India yang telah mewarnai perkembangan ilmu hadith khususnya di kurun keempat belas terutamanya di dalam penghasilan karya-karya yang berkaitan dengan ilmu hadith.

5.3 Saranan Dan Cadangan

Berdasarkan kepada kajian yang telah penulis jalankan, penulis menyenaraikan beberapa saranan dan cadangan kepada beberapa pihak tertentu agar dapat diambil tindakan bagi kepentingan umat Islam di negara ini. Saranan-saranan tersebut ialah:

5.3.1 Saranan Kepada Organisasi-Organisasi NGO

Penulis menyarankan kepada organisasi-organisasi NGO India Muslim di Malaysia supaya berusaha mengetengahkan ulama-ulama hadith berketurunan India kepada masyarakat. Organisasi-organisasi seperti Persatuan India Muslim Malaysia (IMAM), Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) dan Persatuan Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA) perlulah mengambil langkah positif seperti mengadakan lawatan ke pusat-pusat pengajian hadith di India, mengesan tokoh-tokoh hadith kemudiannya menerbitkan artikel-artikel berkaitan biografi serta sumbangan mereka kepada bidang hadith. Organisasi-organisasi seperti ini perlu memikul tugas ini kerana mereka mempunyai kaitan langsung dengan negara India berikutan keturunan mereka adalah berasal dari sana. Faktor bahasa juga merupakan satu kelebihan di mana mereka bertutur di dalam bahasa yang sama. Dengan ini, komunikasi menjadi lebih mudah dan lancar untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat yang berkaitan.

5.3.2 Saranan Kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Penulis mencadangkan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya menjalinkan kerjasama dengan pusat-pusat pengajian hadith di India seperti Dār al-

‘Ulūm Deoband, Nadwah al-‘Ulamā` dan lain-lain. Antara program yang dicadangkan ialah lawatan “*benchmark*” bagi mengkaji silibus-silibus pengajian hadith yang digunakan disana bagi memantapkan pengajian hadith di universiti-universiti tempatannya dan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya khususnya. Selain itu program penghantaran pelajar bagi kursus-kursus jangka pendek untuk pengajian kitab-kitab hadith tertentu dan jangka panjang seperti pengambilan hadith secara bersanad perlu dirangka bagi melahirkan generasi *muḥaddith*.

5.3.3 Saran Kepada Perpustakaan Universiti Malaya

Penulis mencadangkan agar pihak perpustakaan Universiti Malaya khususnya Perpustakaan Peringatan Za`ba agar memperbanyakkan koleksi kitab-kitab di dalam bidang ilmu hadith yang dihasilkan ulama-ulama India. Ini kerana mereka banyak menghasilkan karya-karya hadith sama ada di dalam aspek huraian hadith, *muṣṭalaḥ ḥadīth*, *al-difā` `an al-ḥadīth* dan lain-lain. Bahkan karya-karya mereka semakin bertambah dari hari ke sehari. Dengan adanya koleksi karya-karya hadith ulama India maka akan memudahkan para pelajar untuk membuat rujukan dan mengkaji kitab-kitab tersebut terutama dari segi metodologi penulisan.

5.3.4 Saran Kepada Penuntut-Penuntut Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Dan Pengkaji-Pengkaji Hadith

Penulis menyarankan penuntut-penuntut Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sama ada di peringkat Sarjana Muda, Sarjana mahupun Kedoktoran khususnya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith agar memperbanyakkan kajian berkaitan ulama-ulama hadith dari India dan karya-karya yang diterbitkan dari sana. Ini kerana negara

India mempunyai ramai ulama hadith dan sumbangan mereka amat besar kepada bidang ilmu ini sehingga ke hari ini. Namun begitu, kajian-kajian terhadap ulama India amat sedikit dilakukan.

Penulis juga menyarankan kepada pengkaji-pengkaji ilmu hadith agar meneruskan usaha yang telah penulis lakukan terhadap metode penulisan Imām al-Laknawī di dalam karya-karyanya yang lain dari pelbagai aspek seperti huraian hadith dan *al-Jarḥ wa al-Ta`dīl* dan lain-lain.

5.4 Penutup

Kesungguhan Imām al-Laknawī dan Shaykh al-Tahānawī dalam menghasilkan kitab-kitab di dalam ilmu hadith patut dijadikan tauladan dalam usaha memelihara bidang ilmu ini. Karya-karya yang dihasilkan merupakan sumbangan beliau yang besar di dalam dunia penulisan ilmu Islam. Para cendiakawan Islam perlulah mencontohi keperibadian kedua-dua tokoh ini yang banyak mengorbankan waktu bagi menghasilkan karya-karya bermutu yang masih lagi menjadi rujukan para ulama dan penuntut-penuntut ilmu sehingga kini.

Untuk akhirnya, penulis memohon kemafaan di atas kekurangan dan kesilapan yang mungkin wujud dalam kajian yang diketengahkan ini. Sebagai penutup kajian ini, penulis memanjatkan doa agar penulisan yang kecil ini mendapat keredhaan daripada Allah dan memberi faedah kepada generasi yang akan datang dalam menghayati dan mengkaji hasil karya para ulama Islam.

BIBLIOGRAFI

Bahasa Arab

- ˋAdawi, Ibrāhīm Aḥmad al- (t.t), *Rashīd Ridā al-Imām al-Mujāhid*, Mesir: al-Mu`assasah al-Miṣriyyah al-`Āmmāh
- ˋItr, Nūr al-Dīn (1992), *Manhaj al-Naqd fī Ulūm al-Hadīth*, Damsyik: Dār al-Fikr
- ˋUmari, `Abd al-`Azīz bin Ibrāhīm al- (1421H), *al-Futūḥ al-Islāmiyyah `Abr al-`Uṣūr*, Riyadh: Dār al-Ishbiliyā
- Abū Ghuddah, `Abd al-Fattāḥ (1984), *al-Ta`līqāt al-Hāfiyah `alā al-Ajwibah al-Fāḍilah*, Beirut: Maktab al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah
- Abū Ghuddah, `Abd al-Fattāḥ (1996), *al-Rasūl al-Mu`allim wa Asālibuh fī al-Ta`līm*, Bayrūt: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah
- Aḥmad Amīn (1977), *Duḥa al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah
- Aḥmad Ḥusayn Ismā`īl Husayn (2011), *Manhaj Talāmidh Ḥakīm al-Ummah al-Shaykh Ashraf `Alī al-Tahānawī fī al-Tafsīr*, Jordan: Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr
- Aḥmad Khān (2000), *Mu`jam al-Maṭbū`āt al-`Arabiyyah*, Riyadh: Maṭbū`āt Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah
- Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al- (1979), *Irwā` al-Ghalīl fī Takhrīj Ahādīth al-Manār al-Sabīl*, Beirut: al-Maktab al-Islāmiyyah
- Arent Jean Wensinck (1978), *Miftāh Kunūz al-Sunnah*, Muḥammad Fu`ād `Abd al-Bāqī, (terj.), Lahore: Maṭba`ah Ma`ārif
- ˋAsqalānī, Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar al- (2001), *Nuzhat al-Naẓar fī Tawdīḥ Nukhbāt al-Fikar*, Beirūt: Dār al-Fikr
- Baghdādī, Ismā`īl Bāshā al- (1951), Hadiyyah al-`Ārifīn Asmā` al-Mu`allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn, Beirut: Dār Ihyā` al-Turāth al-`Arabiyyah
- Balādhurī, Aḥmad bin Yaḥyā bin Jābir al-Baghdādī al- (1901), *Futūḥ al-Buldān*, Kaherah: Maṭba`ah al-Mausū`āt
- Bukhārī, Muḥammad Bin Ismā`īl al- (t.t), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq Muhibb al-Dīn al-Khāṭib, Qāhirah: Maṭba`ah al-Salafiyyah
- Dāraqutnī, `Alī bin `Umar al- (2004), *Sunan al-Dāraqutnī*, Beirut: Mu`assasah al-Risālah

Fadl Ḥasan `Abbās (1996), *al-Balāghah Fun ūnuha wa Afnānuha*, Jordan: Dār al-Furqān
Għawri, Sayyid `Abd al-Mājid al- (2007), *`Ilm Muṣṭalah al-Hadīh*, Beirut: Dār Ibn al-Kathir

Hājī Khalīfah, Muṣṭafā bin `Abdullah (t.t), *Kashf al-Zunūn `an As`amī al-Kutb wa al-Funūn*, Beirut: Dār al-Iḥyā` al-Turāth al-`Arabi

Ḩanbalī, Zayn al-Dīn Abī al-Faraj ibn Rajab al- (1996), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, Madinah: Maktabah al-Għurabā` al-Uthariyyah.

Ḥasan Ibrāhim Ḥasan (1962), *Tārikh al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, cet. 6.

Ḥasani, `Abd al-Ḥayy al- (1983), *al-Thaqāfah al-Islāmiyyah fī al-Hind*, Damsyik: Majma` al-Lughah al-`Arabiyyah

Ibn al-Ṣolāḥ, Abu `Amru `Uthmān bin `Abd al-Raḥmān `Ulūm al-Hadīh (1986), taḥqīq Nūr al-Dīn al-`Itr, Dimashq: Dār al-Fikr

Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb, (2002), *I'lām al-Muwaqqi`īn `an Rabb al-`Ālamīn*, Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī

Jawāranah, Aḥmad Muḥammad al- (2006), *al-Hind fī Zill al-Siyādah al-Islāmiyyah*, Irbid: Mu`assasah Ḥamādah li al-Dirāsāt al-Jāmi`iyah wa al-Nashr wa al-Tawzī`

Kaḥħālah, `Umar Ridā (1993) *Mu`jam al-Mu`allifīn*, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah

Kattānī, Muḥammad bin Ja`far al- (1993), *al-Risālah al-Mustaṭrafah Li Bayān Kutub al-Sunnah al-Musharrafah*, Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah

Khallāf, `Abd al-Wahhāb al- (1986), *`Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Kuwait: Dār al-Qalam

Khāṭib, Muḥammad `Ajjāj al- (1989), *Uṣūl al-Hadīh `Ulūmuḥ wa Muṣṭalāḥuh*, Bayrūt: Dār al-Fikr

Khuḍayr, `Abd al-Karīm bin `Abd Allāh al- (1997), *al-Hadīh al-Da`īf wa ḥukm al-Iḥtijāj bihi*, Riyadh: Dār al-Muslim

Khayr Ābādī, Muḥammad Abū Layth al- (1999), *Takhrīj al-Hadīh Nash`atuhu wa Manhajiyatuhu*, Bangi: Dār al-Shākir

Laknawi, `Abd al-`Alī Muḥammad bin Niẓām al-Dīn Muḥammad al-Sahālawī al-Anṣārī al- (2002), *Fawātiḥ al-Rahmūt bi Sharḥ Musallam al-Thubūt* taḥqīq `Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad `Umar, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah

Laknawi, `Abd al-Ḥayy al- (1984) *al-Ajwibah al-Fāḍilah li As`ilah al-`Ashrah al-Kāmilah, taḥqīq* al-Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Kaherah: Maktab al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah

(1291H), *Tadhkirah al-Rāshid wa Tabṣirah al-Nāqid*, India: Maṭba`ah Anwār Muḥammad

(2004), *Al-Raf` wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta`dīl*, taḥqīq al-Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah

(1304), *Zafr al-Amāni fī Mukhtaṣar al-Jurjāni*, Lucknow: Maṭba` Jashmah Fayd

(1307H), *Daf` al-Ghiwāyah `amman Yuṭāli` Sharh al-Wiqāyah*, India: Maṭba` al-Muṣṭafā Khān al-Hind

(1386H), *Iqāmah al-Hujjah `alā anna al-Ikthār fī al-Ta`abbud laisa bi Bid`ah*, Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (ed), Ḥalb:T.P

(1416), *Zafar al-Amāni bi Sharh Mukhtaṣar al-Sharīf al-Jurjāni*, taḥqīq al-Shaykh `Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Damsyik: Maktabah al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah

(1984), *al-Āthār al-Marfū`ah fī al-Akhbār al-Mauḍū`ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah

(t.t), *Khayr al-Khabar Fi Adhān Khayr al-Bashar*, taḥqīq Ṣalāḥ Muḥammad Abū al-Ḥāj (ed.), T.T.P: Markaz al-`Ulamā` al-`Ālamiy li al-Dirāsāt wa al-Taqniyyah al-Ma`lūmāt

(1991), *al-Ta`līq al-Mumajjad `alā Muwaṭṭa` Muḥammad*, taḥqīq Taqiyī al-Dīn al-Nadwī, Damsyik: Dār al-Qalam

(1307H), *al-Si`āyah fī Kashfī mā fī Sharh al-Wiqāyah*, India: al-Maṭba` al-Muṣṭafā Khān

(1326H) `Umdah al-Ri`āyah fī Halli Sharh al-Wiqāyah, Lucknow: Maṭba` Muḥammad Yūsufī al-Anṣārī al-Laknawī

(1334H), *al-Fawā'id al-Bahiyyah fī Tarājim al-Hanafiyah*, Beirūt: Dār al-Ma`rifah

Ma`barī, Shaykh Zayn al-Dīn bin `Abd al-`Azīz al- (t.t), *Tuhfah al-Mujāhidīn fī Akhbār al-Burtughāliyyīn*, Hyderabad Dukan: Maṭba` al-Tarīkh

Mahmūd Shākir (1997), *al-Tarīkh al-Islāmī- al-Tarīkh al-Mu`āṣir- al-Qārah al-Hindiyyah*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī

Mubārakfūri, al-Qādī Abū al-Ma`ālī Aṭħar al- (1968), al-`Aqd al-Thamīn fī Futūḥ al-Hind wa man fihā min al-Šahābah wa al-Tābi`īn, Kaherah: Dār al-Anṣār

Muhammad Hāfiẓ bin Sūrūnī (2007), *Mu`tamar `Ālamī`an Manāhij Tafsir al-Qurān wa Sharḥ āl-Hadīth al-Sharīf*, Gombak: Dār al-Tajdīd li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr wa al-Tarjamah

Muhammad Ḥasan bin `Aqīl Mūsā (1995), *al-Mukhtār al-Maṣūn min A`lām al-Qurān*, Jeddah: Dār al-Andalus al-Khaḍrā`

Munāwī, Muhammad `Abd al-Ra`ūf al- (T.T), *al-Yawāqīt wa al-Durar Sharh Sharh Nukhbāt al-Fikar*, taḥqīq Abī `Abd Allāh Rabi` bin Muhammad al-Sūdānī, Riyadh: Maktabah al-Rushd

Nawāwī, Muhyī al-Dīn Yahyā bin Sharaf al- (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharh al-Nawāwī*, Mesir: Mu`assasah Qurṭubah

Naysabūrī, Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al- (1996), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharh al-Nawāwī taḥqīq al-Shaykh Khalīl Ma`mūn Shīḥā*, Bayrūt: Dār al-Ma`rifah

Nimr, `Abd al-Mun`im al- (1959), *Tārīkh al-īslām fī al-Hind*, T.T.P: Dār al-`Ahd al-Jadīd li al-Ṭibā`ah

Qannūjī, Ṣiddīq Ḥasan al- (1978), *Abjad al-`Ulūm*, Damsyik: Wizārah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qawmī

Qārī, Alī bin Sultān Muḥammad al- (1998), *Mīnah al-Rawd al-Azhar fī Sharh al-Fiqh al-Akbar*, Beirut: Dār al-Bashā`ir al-Islāmiyyah

Qaṭṭān, Mannā` al- (T.T), *Mabāḥith fī `Ulūm al-Qurān*, Bayrūt: Mu`assah al-Risālah

Sādātī, Aḥmad Mahmūd al- (t.t), *Tārīkh al-Muslimīn fī Shīb al-Qārah al-Hindīyyah wa ḥadāratihim*, Kaherah: Maktabah al-Ādāb

Sajistānī, Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash`ash al- (1988), *Sunan Abī Dawūd taḥqīq Kamāl Yūsuf al-Ḥūt*, Beirut: Dār al-Ḥannān

al-Sakhawī, Shams al-Dīn Abī al-Khayr Muḥammad bin `Abd al-Rahmān al- (2005), *Fatḥ al-Mugīth bi Sharh Alfiyyah al-Ḥadīth*, taḥqīq `Abd al-Karīm bin `Abd Allāh, Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj

Sarkīs, Yūsuf Ilyās (1928M), *Mu`jam al-Maṭbū`āt al-`Arabiyyah*, Mesir: Maṭba`ah Sarkīs bi Miṣr

Shawkānī, Muḥammad `Alī al- (1348H) *al-Badr al-Tāli` bi Maḥāsin man Ba`d al-Qarn al-Tāsi`*, Kaherah: Maṭba`ah al-Sā`ādah

Shawqī `Abd al-Qawiyy `Uthmān, (1990), *Tijārah al-Muhiṭ al-Hindī fī `Aṣr al-Siyādah al-Islāmiyyah*, Kuwait: al-Majlis al-Waṭānī li al-Thaqāfah wa al-Funūn wa al-Ādāb

Suyūṭī, Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān al- (1979), *Bughyah al-Wu`āh fī Tabaqāt al-Lughawiyīn wa al-Nuḥāh*, Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (ed.), Beirut: Dār al-Fikr

_____ (1996) *al-Itqān fī `Ulūm al-Qur`ān taḥqīq*
Sa`īd Manrūh, Beirut: Dār al-Fikr

_____ (1994), *Tadrīb al-Rāwī, taḥqīq* Nazar
Muḥammad al-Faryābī, Beirut: Maktabah al-Kawthar

Tahānawī, Ḥafṣah Aḥmad al-Uthmānī al- (1418H/1997M), *I'lāt al-Sunan tahqīq*
Muḥammad Taqīyyah Uthmānī, Pakistan: Idārah al-Qurān wa al-`Ulūm al-Islāmiyyah

Tirmidhī, Muḥammad bin `Īsā al- (1996), *al-Jāmi` al-Kabīr*; taḥqīq Basshār `Awwād
Ma`rūf, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī

Ziriklī, Khayr al-Dīn al- (1995), *al-A`lām*, Beirut: Dār al-`Ilm al-Malāyīn

Bahasa Melayu

Abdulfatah Haron Ibrahim (2005), *Sanggahan ke atas Kitab al-Durr al-Nafīs*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Ahmad Mohd Salleh (2004), *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1977), *Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara

Faisal Ahmad Shah dan rakan-rakan (2010), *Pengajian Hadith Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur`ān dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Hodgson, Marshall G.S (2004), *Kebangkitan Islam: Gambaran Dan Sejarah Dalam Tamadun Dunia*. Mohd Radzali Masrun (terj.), Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia And Publication

Mohd. Najib Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Noresah bt. Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, edisi Keempat, cet.2

Mohd. Radzi Othman *et. al.* (2008), *Warisan al-Hadis Antara Teras Dengan Dinamika Pemikiran*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Nadwī, Abū `Alī al-Banjari al- (1992), *Sejarah Perkembangan Islam di India*, Kedah Darul Aman: Khazanah Banjariyah

Sivachandralingam Sundara Raja (2001), *Pemikiran Dan Penulisan Ilmiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SDN BHD

Bahasa Inggeris

André Wink (1996), *The Making Of Indo-Islamic World*, New York: E.J Brill

Fred W. Clothey (2006), *Religion In India: An Historical Introduction*, New York: Routledge

Muhammad Ishaq, Dr (1976), *India's Contribution To The Study Of Hadith Literature*, Bangladesh: The University Of Dacca

Disertasi

Abd Ur-Rahman Mohamed Amin (2007), *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Bidang Hadith : Tumpuan Kepada Kitab Tajdhib Atrāf al-Hadīth*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Hayei Abdul Sukor (1988), *Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawī kepada ilmu hadith dan penganutnya di Kelantan*, Tesis Ijazah Kedoktoran, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Agus Sutopo (2008), *Sumbangan Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hadith : Kajian Terhadap Kitab Tanqīh al-Qawl*, Disertasi Sarjana Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Andriana (2009), *Metodologi Imām al-Sakhāwī Dalam al-Maqāṣid al-Hasanah*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Anwar Ridwan Zakaria (2007), *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhārī Wa Muslim Karangan Idris al-Marbawī : Kajian Metodologi Penghuraian Hadith*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Che Fasihah Che Man (2009), *Metodologi Penulisan al-Hāzimī Tentang al-Nāsikh dan al-Mansūkh Dalam Hadith : Kajian Terhadap Kitab al-I'tibār Fi al-Nāsikh Wa al-Mansūkh min al-Āthār*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Che Hasmawati Che Awang (2004), *Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman : Sejarah Hidup Dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith Di Malaysia*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Faisal Ahmad Shah (2007), *Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Bahr al-Mādhi*, Tesis PhD Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Khadher Ahmad (2007), *Sumbangan Shaykh 'Abd Al-Samad Al-Falimbani Dalam Bidang Hadith : Analisis Metodologi Penyusunan Dan Takhrij Hadith Dalam Kitab Hidāyah al-Sālikīn*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Masturi Rahmat (2004) , *Analisis pemikiran politik Sayyid Abul A'la al Maududi dalam the Islamic law and constitution*, Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd. Muhiben Abd. Rahman (2003), *Shaykh Nuruddin al-Raniri Dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith : Kajian Terhadap Kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Āḥādīth al-Nabawiyah*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd. Nazri Mat Zin (2008), *Pemikiran al-Shaikh Waliy Allah al-Dihlawī Mengenai Konsep al-Birr Wa al-Ithm: Analisis Terhadap Mabhat al-Birr Wa al-Ithm Dalam Kitab Huffat Allah al-Bālighah*, Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muhammad Abdul Rahman (2003), *Sumbangan Shaykh Idris al-Marbawi : Suatu Kajian Terhadap Kitabnya Baḥr al-Mādhi, Tumpuan Kepada Bab Niat*, Disertasi Sarjana Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Arif Yahya (2009), *Perbandingan Metodologi Ibn al-Ṣalāḥ dan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī Di Dalam Ilmu Muṣṭalah al-Hadith : Kajian Terhadap Kitab al-Muqaddimah dan Nukhbah al-Fikar*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nor Azrina Ab. Rahman (2007), *Metodologi Penulisan Hadith Dalam Kitab Mastika Hadith Rasulullah S.A.W Karangan Shaykh Abdullah Basmeih Dan Kawan-Kawan*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nura`afifah Marni (2007), *Uslub al-Jadal Ahmed Deedat Dalam Dakwahnya Kepada Penganut Agama Kristian*, Disertasi Sarjana, Jabatan Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Aisyah Yusof (2007), *Sumbangan Ibn al-Athir al-Jazari Ḥ Dalam Ilmu Ghariṣib al-Hadīth : Kajian Terhadap Kitab al-Nihāyah fi Ghariṣib al-Hadīth Wa al-Athar*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Tanjung Syarbaini (2007), *Metodologi Imam Malik Dalam al-Muwatta` : Satu Kajian Mengenai Pengaruhnya Terhadap Penulisan al-Kutub al-Sittah*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Untung Margono (2009), *Metodologi penulisan Shaykh Mahfuz al-Tarmasi dalam Kitab al-Minhah al-Khayriyyah*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Jurnal

Fakhr-ur-Islam (2009), *The Dialogue Quarterly Research Journal*, Pakistan: Qurtuba University

Kertas Kerja/Seminar

Abdul Hayei bin Abdul Sukor (1990), *Metode Huraian Hadis Imam Nawawi Di Dalam Huraian Sahih Muslim*, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan ke-3, 18-20 Disember 1990, Kuala Lumpur: Pusat Islam Malaysia.

Perisian

islamweb.net (T.T). “*Jawāmi` al-Kalim*”, edisi 4. Perisian

Laman Web

<http://www.britannica.com/EBchecked/topic/47524/Babur>

<http://www.al-mostafa.com/>

<http://www.waqfeya.com/>

<http://www.ahlalhdeeth.com/vb/index.php>

<http://khizana.blogspot.com>